

LAPORAN PENYELIDIKAN

KESAN BAHASA ARAB TERHADAP PENGHURAIAN ISU  
MAKANAN DALAM SURAH AL-MAIDAH DAN  
SURAH AL-AN<sup>G</sup>AM: KAJIAN DARI ASPEK  
TERMINOLOGI, SEMANTIK DAN BUDAYA

KOD: PPPP(L)/2005

KETUA PENYELIDIK:  
ZAINUR RIJAL BIN ABDUL RAZAK

PENYELIDIK BERSAMA:

ARNIDA BINTI A. BAKAR  
WAN AZURA BINTI WAN AHMAD  
LUBNA BINTI ABD. RAHMAN

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA  
SEPTEMBER 2006



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا

ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

Laporan Penyelidikan

KESAN BAHASA ARAB TERHADAP PENGHURAIAN ISU MAKANAN DALAM  
SURAH AL-MĀIDAH DAN SURAH AL-AN<sup>C</sup>ĀM: KAJIAN DARI ASPEK  
TERMINOLOGI, SEMANTIK DAN BUDAYA



---

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA  
Bandar Baru nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus

UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA  
BANDAR BARU NILAI

Laporan Penyelidikan

KESAN BAHASA ARAB TERHADAP PENGHURAIAN ISU MAKANAN DALAM  
SURAH AL-MĀIDAH DAN SURAH AL-AN<sup>C</sup>ĀM: KAJIAN DARI ASPEK  
TERMINOLOGI, SEMANTIK DAN BUDAYA

KOD: PPPP (L) / 2005

Ketua Penyelidik

**Zainur Rijal Bin Abdul Razak (S110)**

(Fakulti Pengajian Bahasa Utama)

E-mel: [zainurrijal@admin.kuim.edu.my](mailto:zainurrijal@admin.kuim.edu.my)

Penyelidik Bersama:

**Arnida Binti A. Bakar (S224)**

(Fakulti Pengajian Bahasa Utama)

E-mel: [arnida@admin.kuim.edu.my](mailto:arnida@admin.kuim.edu.my)

**Wan Azura Binti Wan Ahmad (S397)**

(Fakulti Pengajian Bahasa Utama)

E-mel: [wanazura@admin.kuim.edu.my](mailto:wanazura@admin.kuim.edu.my)

**Lubna Binti Abd. Rahman (S425)**

(Fakulti Pengajian Bahasa Utama)

E-mel: [lubna@admin.kuim.edu.my](mailto:lubna@admin.kuim.edu.my)

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA  
Bandar Baru nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus

Laman Web: [www.kuim.edu.my](http://www.kuim.edu.my)


September 2006

## PENGAKUAN

Kami akui bahawa keseluruhan isi penyelidikan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya kami jelaskan sumbernya.

Tarikh: 1 September 2006


**Ketua Penyelidik**

  
Zainur Rijal Bin Abdul Razak

**Penyelidik Bersama**

  
Arnida Binti A. Bakar

  
Wan Azura Binti Wan Ahmad

  
Lubna Binti Abd. Rahman

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah, tuhan pencipta alam dan segala isinya. Selawat serta salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, keluarga dan para sahabat baginda serta para pengikutnya. Allhamdulillah, kami panjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin serta limpah kurnianya dapat kami menyempurnakan satu projek penyelidikan kod PPPP (L) / 2005.

Setinggi-tinggi penghargaan diajukan kepada pihak Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) kerana memberikan kami keizinan dan kemudahan untuk menyempurnakan penyelidikan ini. Tanpa keizinan dan kerjasama dari pihak universiti, sudah pasti penyelidikan ini tidak dapat disiapkan dengan sempurna. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) kerana telah memberikan kerjasama yang sewajarnya terutama kesediaan kedua-dua pihak untuk ditemu bual. Tidak lupa juga jutaan terima kasih diucapkan kepada para pensyarah dari pelbagai universiti, guru, pelajar dan pengusaha makanan halal kerana kerjasama mereka yang tidak berbelah bagi dalam menjawab borang soal selidik.

Kami juga ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada Rektor KUIM, YBhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Bin Hj Hussin. Tidak dilupakan kepada YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Bin Dolah, Timbalan Rektor Akademik Dan Pengantarabangsaan. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada YBhg. Prof. Dr. Mohammad Bin Hj. Alias, Timbalan Rektor HEP dan ALUMNI, serta seluruh pegawai dan kakitangan KUIM yang telah terlibat secara langsung atau tidak dalam menyiapkan penyelidikan ini.

Akhir sekali, kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak, jutaan terima kasih diucapkan. Semoga kajian yang telah disiapkan ini memberikan manfaat kepada agama, bangsa dan negara.

Sekian, terima kasih.

## ABSTRAK

Penyelidikan ini mengkaji kesan faktor bahasa Arab iaitu terminologi, semantik dan budaya terhadap penghuraian isu makanan dalam surah al-Māidah dan surah al-An'ām. Di samping itu, penyelidikan ini juga cuba melihat tahap pengetahuan masyarakat dan kesedaran mereka terhadap isu makanan halal. Bagi tujuan pertama, metod kajian perpustakaan digunakan dengan mengkaji beberapa ayat al-Quran yang berkaitan isu makanan dalam dua surah tersebut. Dalam merealisasikan tujuan kedua, sebanyak 300 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden yang terdiri daripada pensyarah, pelajar, pegawai, guru dan pengusaha makanan. Penganalisaan semua borang soal selidik ini menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) dengan menggunakan kaedah deskriptif (kekerapan dan peratusan) dan jadual silang (*Crosstabulations*). Selain daripada itu, kaedah temu bual juga dijalankan dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) bagi mencapai tujuan kedua ini. Hasil kajian mendapati bahawa ketiga-tiga aspek bahasa Arab iaitu terminologi, semantik dan budaya mempunyai kaitan yang amat rapat dan mesti diambil kira dalam penghuraian isu makanan dalam surah al-Māidah dan al-An'ām. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa sebahagian besar masyarakat semakin mengambil berat terhadap isu makanan halal dan mengikuti perkembangannya. Namun, apabila dikaitkan dengan faktor-faktor bahasa di atas didapati masyarakat kurang pengetahuan mengenai peranan faktor-faktor ini terhadap penghuraian al-Quran khususnya dalam isu makanan.

## ABSTRACT

The objective of this research is to investigate the effect of the Arabic language in terms of its terminology, semantic and culture focusing on the issue of food in Quranic surahs of al-Mā'idah and al-An'ām. The research also tried to analyse the level of public understanding and their awareness towards halal food. For the first objective, library research method was used to analyse verses from the selected surahs regarding the food issue. For the second objective, 300 questionnaire forms were distributed to the respondents consist of lecturers, students, officers, teachers and food producers. These questionnaires were analysed using the Statistical Packages for Social Sciences software (SPSS) which used the descriptive method (frequency and percentage) and crosstabulations. Apart from that, interviews were held with Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) and Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) as to achieve the result for the second objective. The findings show that the three aspects of Arabic language that are: terminology, semantic and culture have a close relationship and must be taken into account when discussing the issue of food in both surahs of al-Mā'idah and al-An'ām. The findings of the research also indicate that majority of the community shows great concern on halal food issue and they also observe its development. However, when it is associated with linguistics factors, it is found that our community has lack of knowledge regarding the roles of terminology, semantic and culture in the interpretation of al-Quran especially on the food issue.

## ملخص البحث

قام هذا البحث بالدراسة عن تأثير عوامل اللغة العربية وهي الاصطلاح والدلالة والعرف في فهم وتفسير قضية الأطعمة في سورتي المائدة والأنعام. كما حاول البحث معرفة على مستوى استيعاب المجتمع ووعيهم في ما يباح ويحرم من الأطعمة. ومن أجل تحقيق الهدف الأول، يتطرق البحث منهج الدراسة المكتبية في الدراسة على بعض الآيات القرآنية المتعلقة بالأطعمة في السورتين المذكورتين. وأما في الهدف الثاني، فقد وزعت 300 استبانة على المحاضرين والطلبة والموظفين والأساتذة وشركة إنتاج الأغذية. ويكون تحليل هذه الاستبانات باستخدام البرنامج الكمبيوترى *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS)* مطبقا فيه المنهج الوصفي (التكرارية والمثوية) بالإضافة إلى جدول *(Crosstabulations)*. فضلا عن ذلك، لقد أجرى الباحثون أيضا المحادثة العلمية مع المؤسسين المعروفين بإدارة مصلحة الشؤون الإسلامية الماليزية (JAKIM) والمكتب للشؤون الإسلامية بولاية نكري سمبلن (JHEAINS) من أجل تحقيق هذا الهدف الثاني. ونتيجة البحث تدل على أن تلك العوامل اللغوية الثلاثة وهي الاصطلاح والدلالة والعرف لها علاقة وثيقة بالقرآن الكريم التي لا بد من اهتمامها في تفصيل قضية الأطعمة في سورتي المائدة والأنعام. كما أنها تؤكد أن معظم المسلمين حاليا بدأوا يهتمون بشؤون أطعمتهم ويتابعون تطوراتها. وعلى الرغم من ذلك، وجد البحث أن المجتمع لم يزالوا في أشد حاجة إلى المعلومات والمعارف عن دور تلك العوامل اللغوية الثلاثة في فهم وشرح الآيات القرآنية خصوصا فيما يتعلق بالأطعمة.

## ISI KANDUNGAN

Pengakuan	i
Penghargaan	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
ملخص البحث	v
Isi Kandungan	vi
Senarai Jadual	ix

### BAB 1

#### PENGENALAN

1.0	PENDAHULUAN	1
1.1	PERMASALAHAN KAJIAN	1
1.2	KEPENTINGAN KAJIAN	3
1.3	TINJAUAN LITURATUR	3
1.4	MATLAMAT	6
1.5	OBJEKTIF	7
1.6	METODOLOGI	7
1.7	SKOP KAJIAN	7

### BAB 2

#### BAHASA ARAB DAN ISU MAKANAN DALAM AL-QURAN

2.1	BAHASA ARAB	8
	2.1.1 Bahasa Arab Sepintas Lalu	8
	2.1.2 Bahasa Arab Sebagai Bahasa Al-Quran Dan Kepentingannya	8
2.2	LATAR BELAKANG SURAH AL-MĀIDAH DAN AL-AN <sup>C</sup> ĀM	10
	2.2.1 Surah Al-Māidah	10
	2.2.2 Surah Al-An <sup>C</sup> ām	11
2.3	ISU MAKANAN DAN PRINSIP-PRINSIP HUKUM DALAM ISLAM	12
	2.3.1 Kepentingan Makanan Halal	12
	2.3.2 Prinsip-Prinsip Hukum Dalam Islam	13

2.3.2.1 Prinsip Umum	13
2.3.2.2 Prinsip khusus	15
2.4 PENGERTIAN TERMINOLOGI, SEMANTIK DAN BUDAYA	15
2.4.1 Terminologi	15
2.4.2 Semantik	16
2.4.3 Budaya ( <sup>C</sup> Urf)	18
2.5 HUBUNGAN AL-QURAN DENGAN ASPEK TERMINOLOGI, SEMANTIK DAN BUDAYA	19

### BAB 3

#### ANALISA KESAN BAHASA ARAB TERHADAP PENGHURAIAN ISU MAKANAN DALAM SURAH AL-MĀIDAH DAN AL-AN<sup>C</sup>ĀM

3.0 PENDAHULUAN	20
3.1 ANALISA AYAT SURAH AL-MĀIDAH	20
3.1.1 Huraian Ayat Ke-1	20
3.1.1.1 <i>Bahīmatul An<sup>c</sup>ām</i> (Binatang Ternak)	21
3.1.1.2 <i>Illā Mā Yutlā<sup>C</sup> Alaikum</i> (Kecuali Apa Yang Dibacakan Kepada Kamu)	23
3.1.2 Huraian Ayat Ke-3	24
3.1.2.1 <i>Hurrimat<sup>C</sup> Alaikumul Mayyitah</i> (Diharamkan Ke Atas Kamu Bangkai)	25
3.1.2.2 <i>Illā Mā Zakkaitum</i> (Kecuali Sempat Disembelih)	26
3.1.3 Huraian Ayat Ke-4	28
3.1.4 Huraian Ayat Ke-90	30
3.1.5 Huraian Ayat Ke-96	33
3.2 ANALISA AYAT SURAH AL-AN <sup>C</sup> ĀM	36
3.2.1 Huraian Ayat Ke-118	36
3.2.2 Huraian Ayat Ke-119	37
3.2.3 Huraian Ayat Ke-121	38
3.2.4 Huraian Ayat Ke-141	41
3.2.5 Huraian Ayat Ke-145	42
3.2.5.1 <i>Mayyitah</i> (Bangkai)	43
3.2.5.2 <i>Lahm Al-Khinzīr</i> (Daging Khinzir)	45
3.2.5.3 <i>Damman Masfūha</i> (Darah Yang Mengalir)	47
3.2.5.4 <i>Uhillā Li Ghairillāhi Bihi</i> (Sembelihan Yang Bukan Kerana Allah SWT)	48
3.3 ISU-ISU SEMASA BERKAITAN TAJUK YANG DIKAJI	50

## BAB 4

### PENGANALISAAN DATA DAN TEMU BUAL

4.0	PENGENALAN	55
4.1	ANALISA BORANG SOAL SELIDIK	55
	4.1.1 Analisis Deskriptif	56
	4.1.1.1 Bahagian A: Maklumat Peribadi Dan Latar Belakang Akademik	56
	4.1.1.2 Bahagian B: Pengetahuan Dalam Bidang Linguistik	59
	4.1.1.3 Bahagian C: Isu Mengenai Makanan Dalam Al-Quran	62
	4.1.2 Analisis Jadual Silang ( <i>Crosstabulations</i> )	63
4.2	LAPORAN TEMU BUAL	67
	4.2.1 Temu Bual 1	67
	4.2.2 Temu Bual 2	70

## BAB 5

### DAPATAN KAJIAN DAN CADANGAN

5.1	DAPATAN KAJIAN	73
	5.1.1 Kajian Perpustakaan: Kesan Terminologi, Semantik Dan Budaya Dalam Penghuraian Isu Makanan Dalam Surah Al-Māidah Dan Surah Al-An <sup>c</sup> ām	74
	5.1.2 Kajian Lapangan: Dapatan Dari Analisa Borang Soal Selidik Dan Temu Bual	81
	5.1.2.1 Borang Soal Selidik	81
	5.1.2.2 Temu Bual	84
5.2	CADANGAN	84

## BAB 6

### PENUTUP

KESIMPULAN	87
RUJUKAN	89
LAMPIRAN	93

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
Jadual 4.1 : Taburan Responden Mengikut Jantina	56
Jadual 4.2 : Taburan Responden Mengikut Bahasa Pertuturan Pertama	57
Jadual 4.3 : Taburan Responden Mengikut Bahasa Pertuturan Kedua	57
Jadual 4.4 : Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik	58
Jadual 4.5 : Taburan Responden Mengikut Profesion	58
Jadual 4.6 : Taburan Responden Mengikut Institusi	59
Jadual 4.7 : Penguasaan Responden Dalam Bahasa Arab Dan Bidang Linguistik	59
Jadual 4.8 : Kesan Linguistik Arab Terhadap Penghuraian Al-Quran	60
Jadual 4.9 : Tahap Pengetahuan Masyarakat Terhadap Isu Makanan	62
Jadual 4.10: Kesan Terminologi, Semantik Dan Budaya Dalam Penghuraian Al-Quran	63
Jadual 4.11: Taburan Kekerapan Dan Peratus Faktor Demografik (Profesion) Dengan Pembolehubah Penghuraian Isu Makanan Dalam Al-Quran	64
Jadual 5.1 : Pecahan Kesan Aspek Terminologi, Semantik Dan Budaya Dalam Ayat-Ayat Yang Dikaji	75

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 PENDAHULUAN

Bahasa Arab telah mendapat kedudukan yang istimewa sebagai bahasa perantaraan al-Quran. Pemilihannya sebagai bahasa al-Quran memang tepat berdasarkan ciri-ciri keistimewaan yang dimiliki oleh bahasa itu sesuai dengan perannya membawa isi kandungan al-Quran yang dianggap agung dan mulia. Oleh kerana wujudnya hubungan yang begitu signifikan antara bahasa Arab dan al-Quran yang menjadi sumber perlembagaan umat Islam, maka penguasaan yang mantap dalam bahasa ini amatlah penting dalam memahami nas-nas yang terkandung di dalam al-Quran.

Penguasaan yang mantap dalam kalangan ulama terdahulu seperti Imam al-Zamakhshariyy (538H), Ibn ʿĀsyūr dan Abū Hayyān (754H) dalam bahasa Arab telah membuktikan bahawa aspek bahasa juga memainkan peranan yang penting dalam pentafsiran ayat-ayat al-Quran. Oleh yang demikian, pengabaian aspek bahasa dalam pentafsiran sesuatu ayat al-Quran boleh dipertikaikan. Maka, para ulama telah menetapkan bahawa seseorang ahli tafsir itu mestilah juga menguasai bahasa Arab di samping ilmu-ilmu teras yang berkaitan secara langsung dengan bidang tafsir. Antara faktor bahasa yang mesti dititikberatkan dalam pentafsiran al-Quran ialah terminologi, semantik dan *ʿurf* atau budaya. Ketiga-tiga faktor inilah yang telah mewarnai dunia pentafsiran al-Quran dan mewujudkan kepelbagaian penghuraian.

#### 1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Kepelbagaian huraian dan pentafsiran tentang isu makanan di dalam al-Quran khususnya surah al-Māidah dan surah al-Anʿām sebahagiannya adalah disebabkan oleh faktor bahasa Arab itu sendiri. Antara faktor bahasa yang banyak memberi kesan terhadap pentafsiran ayat-ayat al-Quran umumnya ialah faktor terminologi, semantik dan *ʿurf* atau tuntutan budaya setempat. Faktor-faktor ini akan menyebabkan perbezaan pentafsiran sesuatu ayat dalam kalangan para ulama. Apabila pentafsiran yang pelbagai ini dikaitkan dengan ayat-ayat hukum seperti isu makanan yang

memerlukan kepada *pengistinbatan* sama ada halal, haram, makruh, sunat atau harus, maka akan berlakulah perbezaan hukum dalam kalangan ulama dalam isu yang sama.

Bagi mereka yang mempelajari dan memahami secara jelas punca perbezaan hukum ini dan sebab musababnya, tidak mungkin menghadapi sebarang masalah. Namun bagi sesetengah orang awam yang tidak mempelajarinya secara terperinci akan mempersoalkan perbezaan pendapat para ulama dalam menghuraikan sesuatu permasalahan. Persoalan ini tidak seharusnya timbul kerana kepakaran dan kelayakan mereka khususnya dalam mengeluarkan hukum telah diiktiraf. Kita juga sedia maklum bahawa para ulama dahulu bersungguh-sungguh untuk mendalami ilmu agama, mengkaji dan *berijtihad* demi menjelaskan hukum-hakam agama kepada generasi akan datang.

Dari sudut yang lain pula kepelbagaian pentaafsiran dalam isu makanan ini boleh mencetuskan kekeliruan dalam masyarakat. Apabila kekeliruan yang berlaku ini menjadi semakin parah dan tidak dapat dibendung lagi, maka mereka akan mengambil sikap tidak peduli lagi terhadap kesucian sesuatu makanan dan sanggup menjamah apa sahaja makanan yang terhidang di depan mata tanpa usul periksa lagi. Justeru, kajian ini cuba melihat penghuraian para ulama ini dari sudut linguistik iaitu *terminologi*, semantik dan budaya, dan sejauh mana ia memberi kesan terhadap penghuraian isu makanan. Kajian ini juga cuba menyingkap faktor manakah yang lebih dominan dalam penghuraian tersebut. Memandangkan isu makanan banyak disebut dalam surah al-Māidah dan al-Anʿām, maka kedua-dua surah ini dipilih untuk dijalankan kajian ini.

Sebagai contoh para ulama telah membahaskan tentang persoalan ‘kecuali sempat disembelih’ yang terdapat dalam surah al-Māidah ayat 3 yang berbunyi:

إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ

Bahagian ayat ini menjelaskan tentang pengecualian makanan yang halal dimakan setelah Allah SWT mengharamkan memakan binatang yang telah menjadi bangkai dengan sebab-sebab tertentu. Bagaimanapun, para ulama telah berbeza pendapat tentang maksud huruf *istisnāʾ* (kecuali) dari segi semantik dalam ayat ini iaitu sama ada membawa maksud ‘penghubung’ atau ‘pemisah’. Oleh kerana

wujudnya perbezaan pendapat dalam semantik huruf *istisnā'* ini, maka berlakulah perbezaan penghuraian dan hukum.

## 1.2 KEPENTINGAN KAJIAN

Memandangkan kajian ini berkaitan dengan isu makanan dari segi kesucian dan halal haramnya maka adalah wajar ia diberi lebih perhatian dan fokus. Dalam Islam, isu makanan amat dititikberatkan kerana ia antara faktor yang akan menentukan sikap dan tingkah laku seseorang muslim. Selain daripada itu, makanan yang halal dan suci juga menjadi faktor penentu penerimaan amal ibadah seseorang muslim itu.

Tanggapan sesetengah masyarakat yang terlalu mengambil mudah isu makanan juga perlu ditangkis segera. Kajian ini memberi penjelasan terhadap kesamaran tersebut sebagai panduan di dalam kehidupan masyarakat. Selain itu kajian ini amat penting untuk menerangkan kepada mereka bahawa perbezaan ini adalah disebabkan oleh perbezaan penghuraian dan pemahaman yang dipengaruhi oleh ketiga-tiga faktor bahasa yang telah disebutkan iaitu terminologi, semantik dan *ʿurf* atau budaya. Apa sahaja hukum yang telah dikeluarkan oleh para ulama adalah jelas halal haramnya dan masyarakat seharusnya mengamalkan hukum yang telah ditetapkan tanpa mempersoalkannya.

## 1.3 TINJAUAN LITERATUR

Terdapat beberapa buah buku yang berlainan yang membicarakan tentang ketiga-tiga faktor bahasa Arab iaitu terminologi, semantik dan budaya serta penghuraian isu makanan di dalam surah al-Māidah dan surah al-Anʿām.

<sup>C</sup>Abd al-ʿAzīz al-Khayyāt (1977) ada menyentuh tentang definisi *ʿurf* atau budaya yang bermaksud amalan seseorang manusia atau kelompok masyarakat tertentu. Penulis juga menyatakan bahawa perkataan adat itu berbeza dengan budaya yang bermaksud amalan masyarakat turun-temurun dan diwarisi dari satu generasi ke satu generasi yang berikutnya. Dalam konteks kajian ini, *ʿurf* atau budaya dilihat memainkan peranan yang penting dalam menentukan *pengistimbatan* hukum syariat Islam khususnya berkaitan isu makanan di dalam kedua-dua surah yang dipilih.

Namun begitu, buku ini lebih memfokuskan tentang budaya dan pembahagiannya seperti sejarah budaya, jenis-jenis budaya dan kaitannya dengan usul fiqh. Tiada huraian terperinci mengenai hubungan budaya itu dengan nas-nas al-Quran yang menyentuh isu makanan. Apa yang diperkatakan oleh penulis ialah *‘urf* atau budaya itu merupakan antara faktor penting dalam mengeluarkan hukum seperti isu makanan dan sebagainya. Perbincangan buku ini lebih tertumpu kepada pendapat para ulama seperti al-Sayūti berkaitan teori budaya dan ijtihad.

Dr. ‘Abd al-Karīm Mujāhid (1985) menyatakan bahawa bahasa dari segi zahirnya adalah suara yang menggambarkan makna yang telah disebutkan. Oleh yang demikian, ahli bahasa, pengkritik dan ahli usul fiqh amat menitikberatkan pengucapan perkataan dan ayat dari segi istilah dan maknanya. Begitu juga ahli bahasa Arab mengetahui akan kepentingan dan nilai kedudukan ilmu *dilālah* atau semantik ini dalam memberi khidmat serta sumbangan terhadap al-Quran dan al-Sunnah. Hal ini kerana cabang ilmu ini dapat menjaga kesucian bahasa daripada menyimpang dalam memberi huraian dan makna sesuatu ayat al-Quran dan pengeluaran sesuatu hukum. Walaupun buku ini membincangkan ilmu semantik dari pelbagai sudut dan pandangan ahli usul fiqh, pengkritik dan ahli balaghah, namun ia tidak banyak menyentuh tentang hubungan dan kepentingan semantik dalam menghuraikan isu seperti makanan di dalam al-Quran.

‘Abd al-Hamīd Thihmaz (2001) menjelaskan mengenai hidangan yang diharamkan dan diharamkan oleh Allah SWT untuk rujukan dan manfaat masyarakat Islam. Buku ini juga menyentuh tentang hidangan orang Yahudi dan Nasrani untuk dijadikan perbandingan kajian bagi umat Islam pada zaman Rasulullah SAW, masa kini dan akan datang. Di samping itu, buku ini juga menyingkap hidangan-hidangan yang berbentuk *shubhah* atau ragu-ragu kedudukan halalnya seperti produk-produk makanan import keluaran bukan Islam. Buku ini boleh dijadikan rujukan utama kajian kerana ia menghuraikan secara terperinci berkaitan isu makanan di dalam surah al-Māidah serta perbincangan tentang ketiga-tiga faktor bahasa Arab yang telah dipilih iaitu terminologi, semantik dan budaya. Namun begitu, penghuraian tersebut tidak secara teratur dan kemas dan memerlukan pembacaan dan penelitian yang mendalam terhadap huraian yang diberikan.

Contoh hukum haiwan buruan seperti yang terdapat di dalam surah al-Māidah: ayat 3, penulis telah membincangkan perkataan ‘sempat’ dari sudut semantik bagi haiwan buruan yang disembelih. Perkataan ‘sempat’ bermaksud binatang itu masih dalam keadaan hidup. Dalam bab menyembelih haiwan tersebut, ia hendaklah disembelih dengan cara baik kerana dari sudut bahasa, ia bermaksud memperlakukan sesuatu dengan baik, bahkan dengan bau harum. Manakala bau harum di sini membawa maksud yang tersirat iaitu darah yang masih mengalir dari tubuh haiwan buruan tersebut dan bukan yang telah menjadi bangkai.

Ahmad <sup>ʿ</sup>Ata Muhammad <sup>ʿ</sup>Umar (2000) telah mentafsirkan keseluruhan surah al-An<sup>ʿ</sup>ām dan ia tidak membahagikan secara terperinci mengenai isu-isu penting yang terdapat di dalam surah tersebut. Antara yang terkandung di dalam pembahagian buku ini adalah penamaan surah al-An<sup>ʿ</sup>ām, sebab-sebab penurunan surah tersebut serta hukum-hukum syariah yang terdapat di dalamnya. Ia juga menyentuh ilmu Balaghah dan gaya bahasa Arab seperti ‘*uslūb al-taqrīr*’ dan ‘*uslūb al-talqīm*’. Contoh ‘*uslūb al-taqrīr*’ ialah:

هُوَ الَّذِي خَلَقَ مِنْ طِينٍ ثُمَّ قَضَىٰ أَجَلًا وَأَجَلٌ مُّسَمًّى عِنْدَهُ ثُمَّ أَنْتُمْ نَمْرُوتُونَ

Maksudnya:

*Dialah yang menciptakan kamu dari tanah, kemudian Ia tentukan ajal (kematian kamu) dan satu ajal lagi yang tertentu di sisi-Nya, dalam pada itu kamu masih ragu-ragu (tentang hari pembalasan).*

(al-An<sup>ʿ</sup>ām: 2)

Contoh ‘*uslūb al-talqīm*’ ialah:

قُلْ أَيُّ شَيْءٍ أَكْبَرُ شَهَادَةً قُلْ اللَّهُ شَهِيدٌ بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ

Maksudnya:

*Bertanyalah (wahai Muhammad) “Apakah sesuatu yang lebih besar persaksiannya?” Katakanlah: “Allah menjadi saksi antaraku dengan kamu.*

(al-An<sup>ʿ</sup>ām: 19)

Huraian yang khusus tentang isu makanan serta perbincangan mengenai terminologi, semantik dan budaya tidak disentuh secara terperinci dalam surah ini. Aspek bahasa yang disentuh di dalam buku ini adalah tertumpu kepada tatabahasa Arab.

Buku terbitan Majlis Tertinggi Urusan Keislaman Mesir (1989) menjelaskan bahawa untuk memahami al-Quran, al-Sunnah dijadikan sebagai rujukan utama untuk menerangkan dengan lebih terperinci tentang sesuatu ayat atau hukum. Buku ini mengandungi himpunan makanan, minuman dan haiwan korban beserta huraian dari sunnah Rasulullah SAW. Antara periwayat-periwayat hadis yang disebutkan ialah seperti Bukhāri, Abū Daud dan Ibn Mājah. Manakala aspek bahasa Arab seperti semantik dan budaya ada disebutkan secara sepintas lalu dan tidak menyeluruh kerana terlalu banyak penghuraian hadis difokuskan di dalam buku ini iaitu sebanyak 247 hadis.

Kesimpulannya, kajian ini dianggap penting kerana belum ada lagi rujukan yang hanya menumpukan isu makanan di dalam surah al-Māidah dan surah al-An<sup>ʿ</sup>ām serta membincangkan ketiga-tiga aspek bahasa Arab iaitu terminologi, semantik dan budaya.

#### 1.4 MATLAMAT

Penyelidikan ini dijalankan bertujuan melihat secara dekat kesan bahasa Arab terhadap penghuraian ayat-ayat al-Quran berkaitan isu makanan dalam surah al-Māidah dan surah al-An<sup>ʿ</sup>ām terutamanya dari aspek terminologi, semantik dan budaya atau *ʿurf*. Di samping itu, kajian ini juga cuba menerangkan secara terperinci kepada masyarakat khususnya, bahawa antara faktor yang menyumbang kepada kepelbagaian penghuraian dan tafsiran adalah disebabkan oleh ketiga-tiga faktor bahasa ini. Kajian ini juga ingin menjelaskan kekeliruan serta kesamaran berkaitan penghuraian hukum terhadap sesuatu permasalahan makanan. Kajian ini diharap dapat meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap kepentingan bahasa khususnya penggunaan terminologi, semantik dan *ʿurf* dalam mentafsir al-Quran. Ia juga bertujuan meluaskan kajian dalam bidang pengajian al-Quran dengan melihat penghuraian ayat al-Quran dari aspek tertentu dalam bahasa Arab iaitu terminologi, semantik dan *ʿurf*.

## 1.5 OBJEKTIF

Objektif utama penyelidikan ini adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti kesan bahasa Arab khususnya aspek terminologi, semantik dan budaya setempat terhadap penghuraian ayat al-Quran berkaitan isu makanan dalam surah al-Māidah dan surah al-Anʿām.
2. Mengetahui tahap pengetahuan masyarakat dan kesedaran mereka terhadap isu makanan halal.

## 1.6 METODOLOGI

Sebahagian besar kajian ini menggunakan kaedah analisa kandungan. Ia melibatkan dua kaedah; pertama analisa kandungan (*content analysis*) ayat yang menumpukan tiga aspek utama linguistik iaitu terminologi, semantik dan budaya. Di samping itu juga, isu makanan yang menjadi isu kontemporari dan mempunyai kaitan dengan surah dan aspek yang dikaji menjadi sebahagian daripada analisa kandungan. Manakala bahagian kedua pula melibatkan kajian soal selidik di mana seramai 300 orang responden telah dipilih terdiri daripada latar belakang yang berbeza seperti golongan pensyarah, siswazah, syarikat pengeluar makanan dan pegawai di jabatan berkaitan. Selain daripada itu, data juga diperolehi dari para pegawai jabatan berkaitan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) melalui proses wawancara dan temu bual.

## 1.7 SKOP KAJIAN

Kajian ini tertumpu kepada kesan bahasa Arab dari aspek terminologi, semantik dan budaya terhadap penghuraian ayat-ayat al-Quran berkaitan isu makanan dalam surah al-Māidah dan surah al-Anʿām. Justifikasi pemilihan dua surah ini adalah kerana isu makanan paling banyak dibincangkan di dalam dua surah ini terutamanya berkaitan dengan hukum-hakam. Walau bagaimanapun, kajian ini merupakan kajian bidang bahasa dan akan memberi lebih penumpuan kepada ketiga-tiga faktor bahasa yang disebutkan tadi dan hubungannya dengan penghuraian ayat-ayat al-Quran tentang isu makanan dalam dua surah yang dipilih.

## **BAB 2**

### **BAHASA ARAB DAN ISU MAKANAN DALAM AL-QURAN**

#### **2.1 BAHASA ARAB**

##### **2.1.1 Bahasa Arab Sepintas Lalu**

Bahasa Arab ialah bahasa yang dipertuturkan oleh masyarakat Arab sebagai bahasa komunikasi utama khususnya di negara-negara timur tengah dan beberapa negara di benua Afrika. Dari sudut sejarah, bahasa Arab adalah antara bahasa yang paling lama bertapak di atas muka bumi dan merupakan bahasa yang paling mantap serta stabil dari segi struktur dan tatabahasa asasnya. Menurut pendapat yang menjadi kesepakatan ahli sejarah dunia, bahasa Arab adalah salah satu cabang bahasa *Sāmiah* yang berasal dari keturunan Nabi Nuh yang terdiri dari bahasa *Asyūriah* dan *Kaldāniah* di Iraq dan *Finiqiah* dan *Siryāniah* di Syam dan Habsyah serta bahasa-bahasa lain seperti *Balbaliah*, *Qibtiah* dan *Lāīniah*. Sebahagian besar bahasa-bahasa ini telah hilang ditelan zaman kecuali bahasa Arab yang menjadi bahasa al-Quran kerana keistimewaan-keistimewaan yang dimilikinya.

Pada masa kini, bahasa Arab dipertuturkan oleh 600 juta penutur jatinya di beberapa buah negara Arab seperti Arab Saudi, Mesir, Jordan, Libya, Sudan, Syria, Iraq, Lubnan, Kuwait, Magribi dan Tunisia, Oman dan lain-lain (A.F.L. Beeston: 1970). Selain daripada itu, beberapa negara bukan Arab telah menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa rasmi kedua atau ketiga seperti sesetengah negara-negara Afrika yang sebahagian penduduknya beragama Islam. Secara keseluruhannya bahasa kini telah menjadi bahasa pengantara kepada satu per lima atau 1.5 bilion umat Islam di seluruh dunia terutamanya dalam hal-hal berkaitan agama.

##### **2.1.2 Bahasa Arab Sebagai Bahasa Al-Quran Dan Kepentingannya**

Bahasa Arab telah menjadi bahasa rasmi bagi seluruh umat Islam di dunia kerana Rasul yang menjadi ikutan mereka berbangsa Arab dan al-Quran yang menjadi pegangan mereka diturunkan dalam bahasa Arab. Ini jelas seperti yang ditegaskan di dalam al-Quran. Firman Allah:

كِتَابٌ فُصِّلَتْ آيَاتُهُ فَرَأْنَا عَرَبِيًّا لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

Maksudnya:

*Kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya, yakni bacaan dalam bahasa Arab untuk kaum yang mengetahui.*

(al-Fussilat: 3)

Menurut pendapat para sejarawan bahasa, bahasa Arab merupakan bahasa yang paling menonjol dalam kalangan 3000 bahasa lain yang wujud di dunia kerana kelebihan-kelebihan yang dimilikinya. Jika dilihat dari sejarahnya, bahasa Arab memang sudah dikagumi dari pelbagai sudut. Susunan perkataan serta gaya bahasanya yang tinggi melayakkannya dipilih menjadi bahasa al-Quran untuk memikul amanah Allah menyampaikan 'risalah Islamiyyah' dari langit kepada seluruh umat manusia dengan mudah dan berkesan. Atas dasar inilah Allah SWT melantik utusannya Nabi Muhammad SAW untuk membawa risalah suci ini kepada bangsa Arab dan memilih bahasa Arab sebagai bahasa wahyu al-Quran serta menjadikan tanah Arab sebagai tempat turun dan bertapaknya agama suci Allah semenjak lebih 14 abad yang lalu.

Seperti yang telah dinyatakan, antara faktor yang menjadi penyebab pemilihan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran adalah kerana ia dianggap sebagai bahasa yang paling mantap dan stabil di dunia dari aspek pembentukan dan struktur. Hal ini kerana dua ilmu utama iaitu ilmu saraf dan nahu yang menjadi asas kepada kaedah-kaedah pembentukan perkataan dan ayat dalam bahasa ini amat sukar untuk berubah meskipun sudah dipertuturkan semenjak berabad lamanya. Semua ini berlaku kerana sumber utama dalam pembentukan perkataan dan ayat bahasa ini adalah al-Quran. Sedangkan al-Quran sudah dijamin oleh Allah SWT akan kekal dan dijaga hingga ke akhir zaman. Firman Allah:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya:

*Sesungguhnya kamilah yang menurunkan al-Quran dan sesungguhnya kami benar-benar memeliharanya.*

(al-Hijr: 15)

Penurunan al-Quran dalam bahasa Arab telah memperkukuhkan lagi kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa yang mulia dan dikagumi. Al-Quran bukan sahaja telah mengangkat martabat bahasa Arab malah ia telah berkembang pesat selepas penurunan al-Quran. Banyak ilmu berkaitan bahasa telah muncul yang tujuan

utamanya adalah menjaga kefahaman orang Islam terhadap maksud sebenar ayat al-Quran seperti ilmu saraf dan nahu yang bertujuan menjaga al-Quran daripada kesalahan bacaan dan baris. Begitu juga dengan ilmu balaghah yang bertujuan mengkaji gaya bahasa ayat-ayat al-Quran dan sastera yang mengkaji sejarah peradaban bangsa Arab dan kesan kedatangan al-Quran terhadapnya. Menurut Ibn Qayyim al-Jauziyyah: "Sesungguhnya hanya orang memahami bahasa Arab sahaja yang mengetahui kelebihan al-Quran. Maksud memahami ini ialah mengetahui ilmu linguistik, ilmu Arab, tahu mentafsir syair-syair Arab, ucapan-ucapan dan tulisan-tulisannya".

## 2.2 LATAR BELAKANG SURAH AL-MĀIDAH DAN AL-AN<sup>Ā</sup>M

### 2.2.1. Surah Al-Māidah

Surah ini dinamakan surah al-Māidah yang bermaksud 'hidangan makanan'. Nama ini diberi kerana terdapat beberapa kali perkataan al-Māidah disebut ketika menceritakan tuntutan golongan *al-Hawāriyyūn* (pendokong) Nabi Isa supaya ditunjukkan tanda yang membuktikan kenabiannya dan menjadi '*aidān*' (hari raya) kepada mereka. Menurut pendapat Muhammad <sup>Ā</sup>Ali al-Sābūniyy (1993), kisah pembuktian kenabian di antara Nabi Isa dan golongan *al-Hawāriyyūn* dengan menuntut satu hidangan makanan adalah cerita yang paling menarik dan amat menakjubkan di dalam surah ini.

Surah ini adalah surah *Madaniah* kerana semua ayat-ayatnya turun selepas hijrah (al-Zamahsyariyy: 1987). Ia adalah surah yang ke-5 mengikut susunan al-Quran dan mengandungi 120 ayat. Di antara kelebihan yang jelas berkaitan surah ini ialah ketika Nabi Muhammad SAW sedang menunggang kenderaannya turunlah surah ini kepada baginda. Imam Ahmad menceritakan tentang kemuliaan surah ini, dari Asmā' bt Yazīd, beliau berkata "Pada saat aku sedang memegang tali kekang unta Rasulullah, tiba-tiba turun kepada baginda surah al-Māidah secara keseluruhan. Kerana beratnya surah al-Māidah, sehingga berdetak pangkal kaki depan unta itu" (Abdullah Muhammad: 2003).

Surah ini menyentuh pelbagai aspek seperti yang terdapat dalam surah-surah *Madaniah* yang lain terutamanya berkaitan pensyariatian dan hukum-hakam. Antara

hukum-hukum yang terdapat dalam surah ini dan secara khususnya berkait rapat dengan kajian ini ialah pengharaman pemburuan semasa mengerjakan haji, pengharaman arak, judi, bertenung nasib, pengharaman makanan seperti daging babi, bangkai, darah dan lain-lain, keharusan memakan sembelihan ahli kitab dan keharusan memakan apa sahaja dari rezeki Allah SWT dengan syarat ia halal dan baik.

Hukum-hukum yang terdapat dalam surah ini khususnya yang berkaitan dengan makanan amat penting dan menjadi sumber rujukan utama hukum kerana ia adalah surah yang terakhir diturunkan. Ini selaras dengan apa yang pernah diceritakan oleh al-Hākim, Muhammad bin Ya<sup>q</sup>ūb menceritakan kepada kami, dari Jubair bin Nufair ia berkata: "Aku pernah pergi haji, lalu masuk ke rumah <sup>‘</sup>Aisyah maka beliau berkata kepadaku, "Hai Jubair, adakah kamu sudah membaca surah al-Māidah? "Sudah" jawabku. Kemudian <sup>‘</sup>Aisyah berkata, "Sesungguhnya ia adalah surah yang terakhir sekali diturunkan. Apa saja yang kalian temukan dari yang halal, maka halalkanlah, dan apa saja yang kalian temukan dari yang haram maka haramkanlah. Kemudian al-Hākim menyatakan, "Hadis tersebut sahih sesuai dengan syarat *shaikhān* tetapi keduanya tidak mengeluarkan hadis itu" (Abdullah: 2003).

### 2.2.2 Surah Al-An<sup>‘</sup>ām

Nama surah ini ialah surah al-An<sup>‘</sup>ām yang bermaksud 'binatang-binatang ternakan'. Menurut pendapat (al-Sābūniyy: 1993) surah ini dinamakan surah al-An<sup>‘</sup>ām kerana disebut perkataan al-An<sup>‘</sup>ām di dalamnya. Antara sebabnya yang lain ialah kebanyakan ayat-ayatnya menerangkan kejahilan orang-orang musyrik Mekah menyembah berhala mereka.

Surah ini adalah surah yang ke-6 selepas surah al-Māidah dan merupakan surah *Makiyyah* kerana penurunannya berlaku sebelum hijrah. Ia mengandungi sebanyak 165 ayat dan merupakan antara surah yang terpanjang dalam kalangan surah *Makiyyah*. Berbeza dengan surah-surah *Madaniah* yang banyak berbicara tentang hukum-hakam seperti puasa dan haji, peperangan dan kisah-kisah orang Yahudi dan Nasrani, perbincangan surah *Makkiyyah* banyak berkisar perkara-perkara asas dalam Islam seperti persoalan iman dan ketuhanan yang menyatakan kewujudan Allah SWT,

keesaan dan kekuasaan-Nya. Ia juga membincangkan isu-isu wahyu, kerasulan dan hari kebangkitan dan pembalasan.

Seperti surah-surah yang lain, surah al-An<sup>ʿ</sup>ām juga mempunyai keutamaan dan keistimewaannya yang tersendiri iaitu seperti yang diriwayatkan dari Ibn <sup>ʿ</sup>Abbās bahawa dia berkata “Diturunkan surah al-An<sup>ʿ</sup>ām di Mekah pada waktu malam sekali gus, ketika itu ia dikelilingi oleh 70,000 para malaikat sambil tunduk bertasbih kepada Allah SWT” (al-Sābūniyy: 1993). Berkata Imam al-Razi “Kelebihan surah ini adalah dalam dua perkara, pertama: kerana penurunannya sekali gus. Kedua: Semasa penurunannya ia dikelilingi oleh 70,000 para malaikat. Sebab mengapa surah ini begitu istimewa kerana ia dilengkapi dengan bukti-bukti tauhid, keadilan, kenabian, perjanjian, penyangkalan kepada anutan-anutan orang-orang musyrik (al-Sābūniyy: 1993).

Walaupun kedua-dua surah al-Māidah dan al-An<sup>ʿ</sup>ām ini berbeza dari segi *Makkiyah* dan *Madaniyah*, namun kedua-duanya ada membincangkan isu makanan. Dalam surah al-An<sup>ʿ</sup>ām ini ada juga dibincangkan tentang pengharaman memakan makanan yang tidak sempat disembelih, pengharusan memakan apa sahaja makanan dan buah-buahan yang dikurniakan Allah dengan mengeluarkan zakat, isu makanan sembelihan yang disebut nama Allah dan beberapa isu lain.

## **2.3 ISU MAKANAN DAN PRINSIP-PRINSIP HUKUM DALAM ISLAM**

### **2.3.1 Kepentingan Makanan Halal**

Makanan dan minuman adalah keperluan asas harian setiap insan dan ia seperti perkara-perkara lain tidak terlepas dari hukum halal dan haram ketika melakukannya. Dalam Islam tidak semua makanan halal dimakan. Islam hanya membenarkan setiap muslim mengambil makanan yang halal dan meninggalkan makanan yang haram. Sempadan ini diletakkan oleh Islam bagi memastikan manusia hidup berdasarkan fitrah sebagai insan yang sempurna (Lokman Abd. Rahman: 2002). Isu makanan adalah salah satu perkara yang penting dalam Islam dan mesti dititikberatkan oleh setiap individu muslim kerana ia melibatkan perkembangan jasmani dan rohani. Dari segi jasmani, makanan yang halal dan baik memastikan tubuh badan mendapat

keperluan yang secukupnya untuk berkembang sihat, sementara dari segi rohani makanan yang halal dapat menambah cahaya iman, menjadikan doa mudah dimakbulkan dan menggiatkan anggota badan mengerjakan ibadah dan ketaatan (al-Ghazāliyy: 2000). Justeru penentuan halal dan haram bagi sesuatu makanan itu amat penting dan perkara ini haruslah jelas.

Dalam Islam mencari rezeki yang halal dan baik adalah amat dituntut. Umat Islam mesti bekerja keras dan berusaha mencari makanan yang halal lagi suci untuk mencukupi keperluan peribadi dan keluarganya. Ia mestilah disertai dengan niat yang baik untuk memelihara agama supaya makanan yang dijamah tidak mengandungi bahan yang haram di sisi Islam.

### **2.3.2 Prinsip-Prinsip Hukum Dalam Islam**

Islam meletakkan beberapa prinsip dalam penentuan halal dan haram sama ada secara umum untuk semua perkara atau khusus untuk makanan. Kedua-dua prinsip ini bergabung untuk menjadi panduan penentuan hukum sesuatu makanan itu.

#### **2.3.2.1 Prinsip Umum**

*1. Asal segala sesuatu adalah mubāh atau dibolehkan.*

Ini bermaksud selagi tidak ada nas yang sahih mengharamkan makanan itu atau hanya terdapat hadis *dha'īf* atau dalilnya tidak jelas, maka selagi itulah perkara itu kembali pada asalnya iaitu *mubāh*.

*2. Penghalalan dan pengharaman adalah hak Allah.*

Ini bermaksud tidak ada kuasa bagi makhluk biar setinggi manapun darjatnya di dunia yang dapat memiliki hak ini.

*3. Pengharaman sesuatu perkara sesuai dengan mudharat yang dibawanya.*

Allah tidak akan mengharamkan sesuatu perkara kecuali kerana adanya keburukan atau mudharat yang dibawanya.

*4. Pengharaman sesuatu akan diganti dengan sesuatu yang lebih baik*

Allah tidak mengharamkan sesuatu kecuali dengan menggantikannya dengan yang lain atau lebih baik daripada yang diharamkan seperti pengharaman arak yang telah digantikan dengan minuman yang lebih lazat serta bermanfaat kepada tubuh dan jiwa.

*5. Perkara yang membawa kepada haram adalah haram*

Apabila Allah mengharamkan sesuatu Dia akan mengharamkan perkara-perkara yang membawa kepada haram seperti pendedahan aurat dan duduk berdua-duaan yang boleh membawa kepada zina.

*6. Tipu helah pada yang haram adalah haram*

Penipuan untuk menghalalkan sesuatu yang telah jelas haram adalah haram seperti mengubah nama sesuatu bahan yang jelas haram dalam Islam dalam makanan atau minuman untuk menghalalkannya sedangkan bahan itu tetap wujud.

*7. Niat baik tidak menghalalkan cara*

Menggunakan yang haram walaupun untuk tujuan yang baik tidak dapat menghalalkan perkara itu, contohnya: berjudi dengan niat untuk membina sebuah masjid.

*8. Menjaga diri dari syubhah.*

Umat Islam sepatutnya mengelakkan diri dari melakukan perkara yang syubhah (meragukan) kerana bimbang terjerumus kepada perkara yang haram.

*9. Perkara yang haram adalah haram kepada semua*

Islam tidak mengharamkan sesuatu perkara hanya untuk kaum tertentu sebaliknya kepada semua umat Islam di dunia.

*10. Darurat membolehkan yang dilarang*

Semua perkara yang diharamkan boleh dilakukan dalam keadaan darurat pada kadar tertentu (al-Qardhāwiyy: 2004).

### 2.3.2.2. Prinsip Khusus

1. Semua binatang yang dianggap elok oleh orang Arab semasa hidup senang dan pada zaman Rasulullah SAW adalah halal. Ini termasuklah semua jenis ikan yang hidup di laut walau apa pun namanya dan binatang ternakan iaitu unta, lembu, biri-biri, kambing, kuda, seladang, keldai liar, kijang, arnab dan lain-lain yang dianggap elok oleh orang Arab yang kemudiannya diakui halal oleh syarak.

2. Semua binatang buas yang mempunyai taring yang kuat untuk menangkap mangsa adalah haram seperti anjing, gajah, singa harimau, kera dan sebagainya.

3. Semua binatang yang sunat dibunuh adalah haram dimakan, contohnya ular, kala jengking, gagak, tikus dan semua binatang yang memudharatkan (Zulkifli Mohamad: 2005).

## 2.4 PENGERTIAN TERMINOLOGI, SEMANTIK DAN BUDAYA

### 2.4.1 Terminologi

Terminologi di dalam Bahasa Arab ialah *mustolah* atau *istilah*. Selain daripada itu, perkataan *kalimah* atau *lafaz* juga digunakan. Ia boleh dilihat dari dua sudut:

#### 1. Dari sudut bahasa

Perkataan 'terminologi' (*istilah*) berasal daripada perkataan *solaha* (صلاح) yang bermaksud baik atau bagus dan merupakan antonim kepada perkataan *fasad* (فسد) iaitu keburukan (A.W.Munawwir: 2002).

#### 2. Dari sudut teknikal

Ia bermaksud persepakatan satu kumpulan terhadap sesuatu perkara yang khusus. Selaras dengan perkembangan cabang-cabang ilmu Islam, perkataan 'terminologi' telah digunakan untuk membawa maksud perkataan yang dipersetujui penggunaannya oleh golongan pakar dalam sesuatu bidang tertentu untuk menunjukkan maksud tertentu dalam bidang tersebut. Oleh yang demikian, muncullah istilah-istilah baru

seperti istilah ilmu hadis, istilah ilmu sintaks, istilah ilmu bahasa dan sebagainya (Nur al-Huda Lushan: 2004). Contoh istilah dalam ilmu bahasa ialah istilah yang digunakan di dalam ilmu fonetik iaitu (نير) bermaksud tekanan suara, (تنعيم) bermaksud intonasi dan sebagainya. Definisi yang sama juga diberikan oleh pakar-pakar bahasa Barat. Menurut mereka 'terminologi' bermaksud satu set perkataan teknikal atau satu pernyataan yang digunakan di dalam subjek-subjek tertentu seperti terminologi perubatan, undang-undang dan lain-lain (A S Hornby: 2005, David Crystal: 1992).

#### 2.4.2 Semantik

Semantik ialah satu cabang ilmu yang berkaitan dengan makna atau perubahan makna kata. Ia merupakan disiplin ilmu bahasa Arab yang pertama sekali menerima pengaruh al-Quran. Ini kerana melalui al-Quran satu perubahan yang besar dalam perbendaharaan kata bahasa Arab telah berlaku. Perubahan yang dimaksudkan ini boleh dibahagikan kepada empat cara iaitu:

1. Menghapuskan lafaz-lafaz Arab jahiliyyah yang bertentangan dengan roh Islam seperti: lafaz (خَبِثَتْ نَفْسِي) yang bermaksud mencerca diri sendiri. Terdapat juga lafaz yang tidak bertentangan dengan Islam tetapi telah diganti dengan perkataan yang lebih baik, contohnya: lafaz (أَنْعَمَ صَبَاحًا) dan (أَنْعَمَ ظِلَامًا) yang mana ia bermaksud pagi dan malam yang baik dan lafaz ini telah diganti dengan kata-kata (كَيْفَ أَصْبَحْتُمْ) dan (كَيْفَ أَمْسَيْتُمْ).
2. Memindahkan makna lafaz yang bersifat *hissiy* kepada bersifat *ma'nawi* seperti perkataan (رَب) yang membawa makna tuan atau raja telah berubah kepada makna yang dikhususkan untuk tuhan atau Allah yang mentadbir setiap sesuatu yang bersifat *ma'nawi*. Dalam erti kata lain, jika perkataan (رَب) itu ditambah dengan (ال) maka secara khususnya ia membawa makna tuhan. Namun, jika ia disandarkan kepada perkataan lain maka ia telah bertukar makna kepada tuan punya barang atau sesuatu seperti (رَبَ الْبَيْتِ) yang bermaksud 'tuan rumah'.

3. Memperbaharui dan memperkayakan makna perkataan terutamanya bagi lafaz-lafaz yang dikenali dengan *al-Alfāz al-Islāmiyyah*, seperti : الصلاة, المسجد, العقيدة dan sebagainya.

4. Mewujudkan *al-Tarkīb al-Islāmiyy* dengan menyandarkan perkataan yang terdapat di dalam bahasa Arab kepada perkataan seperti Islam, muslimin, Allah dan lain-lain. Contohnya ialah lafaz *assalamualaikum* yang terdapat perkataan Islam atau salam di dalamnya, *saifullāh* yang mempunyai nama Allah dan *ikwānul muslimīn* yang terselit kalimah muslimin (Kamarul Shukri: 2002).

Semantik atau juga dikenali dengan *Ilm Dalālah* di dalam cabang ilmu linguistik Arab menekankan aspek kajian tentang makna yang terkandung di dalam sesuatu perkataan. Contohnya perkataan zakat dari aspek bahasa bermakna penambahan atau penyucian, manakala dari istilah ilmu fiqh pula ia bermaksud penambahan serta penyucian harta. Ia juga menyentuh tentang hubungan antara makna dan perubahan makna kata. Dalam erti kata lain, semantik mengkaji makna perkataan, idea, konsep dan perasaan dalam fikiran manusia (Nur Aini Abu Bakar: 1995).

Terdapat tiga bentuk perkembangan ilmu semantik iaitu (Nor Hashimah Jalaluddin: 1992):

#### 1. *Semantik struktural*

Ia merupakan salah satu daripada komponen tatabahasa yang menunjukkan gambaran maksud di dalam ayat.

#### 2. *Semantik generatif dan interpretif*

Ia juga merupakan salah satu daripada yang menunjukkan bentuk-bentuk logik di dalam ayat.

#### 3. *Semantik formal*

Salah satu daripada komponen tatabahasa yang menunjukkan tafsiran semantik kepada ayat bagi mendapatkan situasi sebenar ayat tersebut.

Kesimpulan yang dapat dibuat daripada peranan semantik ini ialah ia dapat mengumpulkan perbendaharaan kata serta memperincikan makna yang terkandung atau tersirat di sebalik sesuatu perkataan sehinggalah membawa kepada penghasilan kamus Arab yang pelbagai. Di samping itu, al-Quran juga telah memainkan peranan penting dalam menghuraikan sesuatu makna yang tersirat di sebalik firman Allah di dalam ayat-ayat-Nya dengan berpaksikan kepada ilmu semantik. Ini amat penting bagi menerangkan maksud sebenar yang dikehendaki oleh Allah SWT kepada umat-Nya tanpa berlaku penyelewengan aqidah dan tauhid.

### 2.4.3 Budaya (Adat<sup>ʿurf</sup>)

Dari sudut pengertian bahasa, <sup>ʿurf</sup> berasal dari perkataan (عرف) yang bermaksud mengetahui, atau apa yang telah diketahui, atau sesuatu yang dikerjakan (al-Jurjāniyy: 1987). Budaya juga dikenali di dalam bahasa Arab sebagai adat atau <sup>ʿurf</sup>. Dari segi bahasa budaya atau <sup>ʿurf</sup> merupakan antonim kepada makna "tidak mengetahui atau jahil". Di samping itu ia mempunyai beberapa maksud, antaranya (Hasanain: 1988)

1. sesuatu yang lebih tinggi kedudukannya.
2. berturut-turut
3. sesuatu perbuatan atau kebiasaan yang baik dan sesuai

Manakala, pengertian budaya mengikut istilah pula menjelaskan bahawa budaya atau <sup>ʿurf</sup> merupakan sesuatu perbuatan atau perkataan yang telah menjadi satu kebiasaan dan diterima pakai oleh golongan tertentu (Hasanain: 1988). Ia merupakan satu manifestasi dari amalan seharian masyarakat dan bangsa tertentu yang sudah menjadi satu adat istiadat yang sudah berkembang, atau sesuatu yang sudah menjadi kebiasaan yang sudah sukar diubah. Menurut al-Jurjāniyy (1987), <sup>ʿurf</sup> merupakan perbuatan atau kepercayaan di mana orang-orang berpegang teguh kepadanya melalui persetujuan minda dan penerimaannya secara *natural* sebagai sesuatu yang benar.

Budaya atau <sup>ʿurf</sup>, menurut pandangan ahli fiqh Islam, masih dianggap sebagai salah satu sumber yang penting dalam perundangan Islam (*Syarʿah Islāmiyyah*) kerana peranannya dalam menyelesaikan masalah-masalah mendatang yang kadang-kadang tidak diduga. Begitu juga di dalam perundangan sivil, <sup>ʿurf</sup> merupakan sumber rasmi

yang melengkapi undang-undang tersebut di sesetengah negara seperti di negara Arab apabila sesuatu hukum itu tidak terdapat di dalam sumber-sumber utama perundangan Islam (Samir <sup>Ā</sup>Alia: 1986).

Dalam erti kata lain, budaya bukanlah satu hukum yang mutlak, tetapi ia memainkan peranan yang besar dalam pelbagai aspek hukum yang wujud di negara-negara Islam. Ia boleh diterima pakai sebagai sumber hukum selagi tidak bercanggah dengan ajaran yang termaktub di dalam al-Quran dan al-Sunnah nabi. <sup>Ā</sup>Urf juga dihubungkan dengan perbuatan-perbuatan yang baik yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Tiap-tiap sesuatu yang diperintah atau diakui baik oleh Allah termasuk di dalam <sup>Ā</sup>urf.

## 2.5 HUBUNGAN AL-QURAN DENGAN ASPEK TERMINOLOGI, SEMANTIK DAN BUDAYA

Kesimpulan yang dapat dibuat di sini ialah bahasa Arab memainkan peranan yang amat penting dalam memahami dan menghuraikan ayat-ayat suci al-Quran. Antara aspek yang perlu diberi perhatian dalam menghuraikan ayat-ayat ini ialah aspek terminologi, semantik dan budaya. Ini kerana, ketiga-tiga faktor ini boleh mempengaruhi kepelbagaian hukum dalam sesuatu isu yang terdapat dalam al-Quran. Lebih-lebih lagi kesan ketiga-tiga faktor ini mesti diberi perhatian khusus dalam menghuraikan isu makanan dalam al-Quran kerana isu makanan memang dipandang serius dalam agama Islam. Makanan yang halal akan membentuk peribadi muslim yang berkualiti, sebaliknya makanan yang haram akan merosakkan iman dan roh muslim itu sendiri.

Kajian ini menjadi semakin penting pada masa kini memandangkan munculnya pelbagai isu kontemporari melibatkan makanan, bermula dari proses penyembelihan sehinggalah kepada proses seterusnya untuk dijadikan sumber makanan. Pelbagai bahan yang telah diproses sehingga merubah bentuk asalnya dimasukkan dalam makanan yang juga dijamah oleh orang Islam pada masa kini dan mesti dikaji status halalnya.

## BAB 3

### ANALISA KESAN BAHASA ARAB TERHADAP PENGHURAIAN ISU MAKANAN DALAM SURAH AL-MĀIDAH DAN AL-AN'ĀM

#### 3.1 PENDAHULUAN

Terdapat 10 ayat dalam surah al-Māidah yang membicarakan secara langsung tentang isu makanan dan 9 ayat dalam surah al-An'ām. Dalam kajian ini, hanya ayat-ayat yang berkaitan dengan terminologi, semantik dan budaya yang akan difokuskan. Setelah kajian terperinci dilakukan ke atas dua surah ini, didapati hanya terdapat 5 ayat yang penghuraiannya dipengaruhi oleh faktor-faktor bahasa yang dikaji dalam surah al-Māidah dan 5 lagi dalam surah al-An'ām. Bilangan ini termasuklah beberapa ayat yang membincangkan isu yang hampir sama iaitu isu menyebut nama Allah dalam penyembelihan binatang yang diulang beberapa kali dalam surah ini.

Metod kajiannya akan dimulakan dengan penerangan terperinci dari satu ayat yang telah dipilih ke satu ayat yang lain dalam surah al-Māidah dan al-An'ām dengan mengemukakan terlebih dahulu ayat al-Quran tersebut. Setelah itu, fokus akan diberikan kepada bahagian ayat yang menjadi topik perbincangan sama ada berbentuk perkataan, frasa atau ayat. Langkah seterusnya ialah mengutarakan penghuraian ulama berkaitan bahagian ayat ini serta menjelaskan kesan bahasa Arab dari tiga aspek yang dipilih iaitu terminologi, semantik dan budaya dalam penghuraian itu. Perbezaan pendapat ulama juga akan dibincangkan sekiranya wujud.

#### 3.1 ANALISA AYAT SURAH AL-MĀIDAH

##### 3.1.1 Huraian Ayat Ke-1

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ أُحِلَّتْ لَكُمْ بَهِيمَةُ الْأَنْعَامِ إِلَّا مَا يُتْلَى عَلَيْكُمْ غَيْرَ مُحِلِّي الصَّيْدِ  
وَأَنْتُمْ حُرْمٌ إِنَّ اللَّهَ يَحْكُمُ مَا يُرِيدُ

Maksudnya:

*Wahai orang-orang yang beriman! Sempurnakanlah 'Uqūd! Dihalalkan bagi kamu binatang ternak, kecuali yang akan dibacakan kepada kamu, dalam keadaan tidak menghalalkan buruan sedang kamu berhram. Sesungguhnya Allah menghukumkan apa yang dia kehendaki.*

Dalam ayat ini Allah SWT menerangkan tentang kewajiban umat Islam dalam menunaikan janji. Setelah itu, Allah menjelaskan tentang keharusan memakan daging binatang-binatang yang dikenali dengan *bahimatul an'ām* (binatang ternak) dengan mengecualikan beberapa jenis binatang yang hanya dinyatakan secara umum.

Hasil analisa mendapati bahawa terdapat dua bahagian ayat ini yang penghuraiannya dipengaruhi secara langsung oleh faktor bahasa dalam ketiga-tiga aspek yang dikaji. Pertama: perkataan *bahimatul an'ām* (بهيمة الأنعام), kedua: ayat yang berbunyi: *إِلَّا مَا يُتْلَى عَلَيْكُمْ*, maksudnya: Kecuali apa yang dibacakan kepada kamu.

### 3.1.1.1 *Bahimatul An'ām* (Binatang Ternak)

Ibn Manzūr (2003) dalam kamusnya *Lisān al-ʿArab*, berpendapat bahawa perkataan (بهيمة) dari segi terminologinya membawa maksud 'setiap binatang yang mempunyai empat kaki sama ada di darat atau di laut'. Manakala perkataan (الأنعام) pula bermaksud tiga jenis binatang iaitu unta, kambing dan lembu, sementara ada yang mengkhususkannya kepada dua jenis binatang sahaja iaitu unta dan kambing (Ibn Manzūr: 2003). Walau bagaimanapun, pentafsiran yang dibuat oleh para ulama tafsir contohnya *Tafsir al-Azhar* karangan Prof Dr Hamka (1999) dan sebahagian besar buku-buku tafsir yang lain menterjemahkan (بهيمة الأنعام) ini sebagai binatang ternak. Namun pengertiannya sebagai binatang ternak agak umum kerana terdapat banyak jenis binatang yang ditenak termasuk yang berkaki dua seperti ayam dan itik.

Dari sini dapat dilihat bahawa berlakunya perbezaan pendapat ulama terhadap maksud *bahimatul an'ām* yang dipengaruhi oleh faktor semantik. Dalam kata lain, para ulama fiqh berbeza pendapat dalam memahami maksud perkataan (بهيمة الأنعام)

dan ini memberi impak kepada pengeluaran hukum memakannya. Antara pendapat-pendapat tersebut ialah:

1. Sebahagian ulama mengatakan bahawa (البهيمة) itu adalah semua jenis binatang sama ada yang berkaki empat atau tidak. Perkataan ini diidhāfahkan kepada *an'ām* (الأنعام) bagi membawa maksud bahawa binatang yang dimaksudkan ini adalah jenis *an'ām* (yang ditenak) sahaja dan tidak termasuk yang lain seperti kuda, baghal dan *himar* atau lainnya seperti singa, harimau dan serigala (R. Lubis Zamakhsyariyy: 1980).

2. Sebahagian ulama lain mengatakan bahawa *bahīmah* (بهيمة) itu hanya khusus untuk empat jenis binatang sahaja iaitu unta, lembu, biri-biri dan kambing. Prof Dr Hamka (1999) memasukkan kerbau dalam kumpulan *bahīmah* (بهيمة) kerana ia diklasifikasikan dalam golongan lembu. Ini adalah berdasarkan kepada kesan budaya atau *urf* kerana kebiasaan masyarakat di Nusantara atau Tanah Melayu memakan daging kerbau. Menurut pendapat ini, daging kerbau halal dimakan kerana ia tergolong dalam kumpulan lembu atau sapi.

3. Ibn 'Abbās mengatakan 'yang dimaksudkan dengan kata-kata *bahīmah* di sini ialah binatang ternak kerana ia sama dengan jenis binatang-binatang yang dihalalkan, seperti kijang, lembu liar, rusa dan pelanduk yang tidak disebutkan haramnya'.

Perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa kepelbagaian pemahaman dan penghuraian terhadap maksud perkataan *bahīmah* dari segi semantik menyebabkan berlakunya perbezaan pendapat di kalangan ulama. Tambahan pula perkataan *an'ām* itu sendiri dari segi terminologinya sudah cukup sebagai faktor penyebab kepada perbezaan pendapat. Selain daripada itu, kesan budaya setempat atau *urf* juga berperanan dalam penghuraian isu makanan ini. Contoh yang telah diberikan ialah 'kerbau' yang pada asalnya tidak disebut dalam pentakrifan *bahīmatul an'ām* telah dimasukkan dalam golongan lembu dan dititikberatkan oleh ulama di Nusantara memandangkan *urf* masyarakat di situ serta tidak terdapat nas yang mengharamkannya. Ini jelas menunjukkan bahawa bahasa Arab dari aspek terminologi dan semantik memberi kesan secara langsung kepada kepelbagaian penghuraian dalam isu makanan.

### 3.1.1.2 *Illā Mā Yutlā<sup>c</sup> Alaikum* (Kecuali Apa Yang Dibacakan Kepada Kamu)

Bahagian ayat ini menjelaskan tentang pengecualian makanan yang haram dimakan setelah Allah SWT menghalalkan memakan binatang ternak secara umum. Walau bagaimanapun, jenis-jenis binatang yang dikecualikan ini tidak diterangkan secara terperinci.

Faktor penerangan ayat secara umum ini dikenali dalam bahasa Arab sebagai *Mujmal*. Takrif *Mujmal* dari segi istilah ialah perkataan yang tidak jelas maksudnya disebabkan berlaku kesamaran antara dua maksud atau lebih serta memerlukan kepada penjelasan (Abd al-Wahhāb: 2000). Ciri *mujmal* yang menggunakan kaedah penerangan secara umum mempengaruhi maksud sesuatu perkataan atau frasa itu dari segi semantikanya. Oleh yang demikian, berlakulah pelbagai penghuraian dalam kalangan ulama.

Dalam ayat ini, pengecualian secara umum tentang binatang yang haram dimakan telah mempengaruhi penghuraian dari segi semantikanya. Ia agak samar kerana tidak diketahui apakah jenis-jenis binatang yang haram dimakan secara terperinci. Hal ini bukan sahaja telah memberi kesan kepada perkara yang dihalalkan itu, malah binatang-binatang yang telah dihalalkan sebelumnya dari *bahīmatul an'ām* juga turut menjadi samar.

Namun begitu, situasi ini adalah perkara biasa dan tidak menjadi kecacatan sama sekali kerana dalam ayat ke-3 selepas itu diperincikan jenis-jenis binatang yang haram dimakan. Dalam kata lain, ayat ini telah menghalalkan memakan segolongan binatang secara umum kemudian mengecualikan beberapa jenis binatang yang haram dimakan juga secara umum. Pada hakikatnya penerangan secara umum ini adalah bertujuan memberi gambaran awal bahawa bukan semua *bahīmatul an'ām* (binatang ternak) itu boleh dimakan oleh orang Islam dan perinciannya akan dijelaskan dalam ayat ke-3 selepasnya. Ini bertepatan dengan maksud ayat yang dikaji ini “kecuali apa yang dibacakan kepada kamu”.

Kesimpulannya, ciri penerangan ayat ini secara *mujmal* atau umum telah mempengaruhi penghuraian dari segi semantik. Ini menjelaskan bahawa faktor

bahasa Arab amat penting dalam mempengaruhi penghuraian isu makanan dalam kedua-dua surah tersebut.

### 3.1.2 Huraian Ayat Ke-3

حَرَّمْتُ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَنِقَةَ وَالْمَوْقُوذَةَ وَالْمُتَرَدِّيَةَ  
وَالنَّطِيحَةَ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى النُّصُبِ وَأَنْ تَسْتَقْسِمُوا بِالْأَزْلَامِ ذَلِكَ فِسْقٌ  
الْيَوْمَ يَنْسَى الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ دِينِكُمْ فَلَا تَخْشَوْهُمْ وَاخْشَوْنَ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ  
نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا فَمَنِ اضْطُرَّ فِي مَخْمَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya:

*Diharamkan bagi kamu bangkai, darah, daging babi dan apa-apa yang disembelih untuk yang selain Allah, dan yang mati tercekik, dan yang mati terpukul, dan yang mati terjatuh, dan yang kena tanduk dan yang dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih; dan yang disembelih atas Nusub dan bahawa kamu melihat nasib dengan undi. Yang demikian adalah kedurhakaan. Pada hari ini telah putus asa orang-orang kafir daripada agama kamu. Lantaran itu janganlah kamu takut kepada mereka, dan takutlah kepada-Ku. Pada hari ini telah Aku sempurnakan bagi kamu agama kamu dan telah Aku lengkapkan atas kamu nikmatKu, dan telah Aku redhai Islam itu untuk agama bagi kamu. Akan tetapi barang siapa yang terpaksa pada waktu kelaparan bukan kerana sengaja hendak berdosa, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Penyayang.*

Ayat ini menjelaskan tentang jenis-jenis binatang yang haram dimakan oleh orang Islam. Ia termasuklah bangkai, darah, daging babi, sembelihan yang tidak disebut nama Allah serta beberapa jenis binatang yang pada asalnya halal dimakan tetapi berlaku perkara-perkara tertentu yang menjadikannya haram seperti binatang yang mati dipukul, terjatuh, dimakan binatang buas dan sebagainya. Ayat ini mempunyai kaitan yang amat rapat dan merupakan perincian kepada ayat pertama.

Kesan bahasa Arab dalam ayat ini dapat dilihat dengan jelas dalam dua bahagian ayat, pertama: penghuraian maksud 'diharamkan'. Kedua: penghuraian maksud 'kecuali sempat disembelih'.

### 3.1.2.1 *Hurrimat* <sup>c</sup>*Alaikumul Mayyitah* (Diharamkan Ke Atas Kamu Bangkai)

Ayat di atas dari segi semantikanya membawa maksud hukum haram ke atas orang-orang Islam dalam perkara-perkara yang dinyatakan selepasnya. Bagaimanapun dapat dilihat bahawa pengharaman ini dalam bentuk umum. Ini kerana pengharaman ini boleh berlaku sama ada dalam bentuk memakan, menggunakan, memakai dan apa jua bentuk manfaat yang diperolehi dari benda yang diharamkan itu.

Kajian mendapati bahawa faktor semantik telah mempengaruhi penghuraian perkataan 'diharamkan' ini apabila para ulama telah mengaitkannya dengan ciri *Iqtidhā'* (الاعتضاء). Maksud *Iqtidhā'* dari segi terminologi ialah perkataan yang membawa maksud 'keluar dari makna zahir'. Ia perlu dita'wilkan bersesuaian dengan kehendak syarak dan akal (<sup>c</sup>Abd al-Wahhāb: 2000). Merujuk kepada ayat di atas didapati bahawa terdapat perkataan yang tidak dizahirkan dan menjadi *mudhāf* (sandaran) kepada perkataan bangkai iaitu 'memakan'.

Dalam tatabahasa Arab, pembuangan atau penyingkiran *mudhāf* (sandaran) memang perkara yang biasa berlaku untuk tujuan tertentu dengan syarat wujudnya *qarīmah* atau tanda yang membuktikannya (al-Khatīb al-Qazwīniyy: 1999), contohnya: ayat al-Quran: *واسأل القرية* (Surah Yūsuf: 82) yang membawa maksud: 'dan tanyalah kampung itu'. *Mudhāf* (sandaran) yang dibuang dalam ayat ini ialah 'penduduk' kerana secara logiknya hanya penduduk kampung yang boleh ditanya dan bertutur bukanlah kampung itu sendiri (<sup>c</sup>Abd al-Hamīd al-Sayyid Tholab: 1991). Manakala *qarīmah* yang dapat dilihat di sini ialah faktor logik akal yang menyatakan bahawa adalah mustahil kampung boleh ditanya.

Situasi yang sama berlaku dalam ayat dalam surah al-Māidah ini apabila didapati bahawa *mudhāf* yang dibuang itu adalah perkataan 'memakan' (al-Khatīb al-Qazwīniyy: 1999). Ia dibuktikan dengan wujudnya perkataan 'daging' pada perkataan babi yang biasanya dimanfaatkan untuk dimakan serta ayat selepas itu yang bermaksud 'kecuali yang sempat disembelih'. Ini kerana lazimnya penyembelihan binatang dilakukan bertujuan untuk dimakan. Bukti lain pula adalah terdapat nas-nas yang menunjukkan bahawa penggunaan bangkai untuk tujuan yang lain selain makan

adalah dibenarkan, antaranya satu riwayat dari Ibn ʿAbbās yang berbunyi: ‘Sekali peristiwa ada orang yang menyedekahkan seekor kambing kepada hamba Um al-Mukminin Siti Maimunah lalu kambing itu mati dan dibuang. Sebentar kemudian datang Rasulullah SAW melihat kambing itu dan berkata: “Mengapa kamu tidak mengambil kulitnya, kemudian kamu menyamaknya serta kamu memanfaatkannya?” Beliau menjawab: “Binatang itu adalah bangkai”. Jawab nabi pula: “Hanyasanya yang diharamkan itu ialah memakan dagingnya sahaja” (riwayat Jamāʿah kecuali Ibn Mājah) (al-Qardhāwiyy: 2004).

Oleh itu, para ulama berpendapat bahawa perkataan ‘diharamkan’ yang dinyatakan dalam ayat ini bukanlah bermaksud semua jenis manfaat secara umum, sebaliknya khusus kepada memakannya sahaja. Apabila dihuraikan secara lebih terperinci, ayat ini boleh difahami sebagai ‘diharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, daging babi, sembelihan yang tidak disebut nama Allah, binatang yang mati tercekik, dipukul, terjatuh, ditanduk dan dimakan binatang buas kecuali yang sempat kamu sembelih’. Menurut ʿAbd al-Wahhāb ʿAbd al-Salām (2000), unsur *Iqtidhā* yang dikaitkan dengan ayat ini telah memberi kesan kepada penghuraian maksud ‘diharamkan’ yang telah dikhususkan daripada semua jenis manfaat dari binatang yang diharamkan itu kepada perbuatan memakannya sahaja .

### 3.1.2.2 *Illā Mā Zakkaitum* (Kecuali Sempat Disembelih)

Jika diimbaz kembali pengertian ayat ini dari awal, jelas menunjukkan bahawa Allah SWT menerangkan tentang jenis-jenis binatang yang haram dimakan oleh orang Islam. Setelah itu datanglah ayat ini yang menjadi topik perbincangan kajian ini. Pengaruh faktor semantik pada perkataan ‘kecuali’ (*istinā*) dalam ayat ini memberi kesan kepada penghuraian hukum memakan daging binatang. Berlaku perbezaan pendapat dalam kalangan ulama tentang semantik huruf *istinā* ini, adakah ia membawa makna penghubung atau pemisah. Perbezaan pendapat ini berlaku disebabkan kesan bahasa Arab.

Apabila ditinjau dari sudut tatabahasa Arab, didapati bahawa huruf *istinā* terbahagi kepada dua iaitu pertama: membawa makna penghubung dan yang kedua: pemisah (Ibn ʿAqīl: 1998). Contoh *istinā* yang membawa makna penghubung ialah

(حضر الطلاب إلا محمدا) maksudnya: 'Telah datang para pelajar kecuali Muhammad'. Manakala contoh pemisah pula ialah: (رحل القوم إلا جملا), maksudnya: 'Mereka telah bermusafir kecuali seekor unta' (Abd al-Hamid al-Sayyid Tholab: 1991). Berdasarkan contoh di atas dapat disimpulkan bahawa maksud 'penghubung' ialah perkara yang hadir selepas huruf *istisnā'* dan merupakan sebahagian daripada apa yang dinyatakan sebelumnya kerana Muhammad dalam contoh di atas adalah sebahagian dari pelajar. Manakala 'pemisah' pula adalah sebaliknya iaitu perkara yang datang selepas huruf *istisnā'* bukanlah sebahagian dari sebelumnya seperti yang terdapat dalam contoh kedua.

Kesan daripada faktor semantik dalam huruf *istisnā'* ini, berlakulah perbezaan pendapat terhadap isu makanan di kalangan ulama fiqh dalam ayat ini. Ulama yang berpendapat bahawa huruf *istisnā'* ini membawa makna 'penghubung' mengatakan bahawa apa yang diharamkan sebelum huruf *istisnā'* menjadi halal apabila didapati binatang itu masih hidup dan sempat disembelih. Mereka berpendapat bahawa pengecualian atau kelonggaran ini adalah merujuk kepada beberapa jenis binatang sahaja yang pada asalnya dihalalkan tetapi menjadi haram oleh sebab tertentu. Ini secara tidak langsung mengeluarkan beberapa jenis makanan yang disebutkan dalam ayat kerana tiada kaitan dengan pengecualian kepada 'sempat disembelih' iaitu bangkai, darah, daging babi dan binatang yang disembelih bukan dengan nama Allah.

Oleh itu, menurut pendapat Ibn 'Abbās, jenis-jenis binatang yang menjadi pokok persoalan frasa 'kecuali sempat disembelih' dalam ayat ini ialah: binatang yang mati tercekik, dipukul, terjatuh, ditanduk dan binatang yang mati dimakan binatang buas. Sementara ulama lain berpendapat bahawa pengecualian ini hanya untuk binatang yang mati dimakan binatang buas sahaja kerana kedudukannya paling hampir dengan huruf *istisnā'* itu.

Manakala para ulama yang menyatakan bahawa huruf *istisnā'* ini membawa makna 'pemisah' berpendapat bahawa, apa yang diharamkan sebelum huruf *istisnā'* tiada kaitan dengan perkara yang dikecualikan itu. Menurut mereka, tiada kaitan antara perkara yang dijelaskan sebelum huruf *istisnā'* dan selepasnya kerana masing-masing mempunyai hukumnya yang tersendiri. Oleh itu, ayat ini boleh difahami

bahawa binatang-binatang yang disembelih selain daripada apa yang telah disebutkan sebelum huruf *istisnā'* adalah halal dimakan. (R. Lubis Zamakhsyariyy: 1980). Ini bermakna, binatang-binatang yang disebutkan sebelum huruf *istisnā'* itu adalah haram dimakan sama sekali kerana ia telah menjadi bangkai dan tidak timbul persoalan sempat disembelih atau tidak.

### 3.1.3 Huraian Ayat Ke-4

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أَحَلَّ لَهُمْ قُلْ أَحَلَّ لَكُمْ الطَّيِّبَاتُ وَمَا عَلَّمْتُم مِّنَ الْجَوَارِحِ مُكَلِّبِينَ تُعَلِّمُونَهُنَّ مِمَّا عَلَّمَكُمُ اللَّهُ فَكُلُوا مِمَّا أَمْسَكْنَ عَلَيْكُمْ وَاذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ

Maksudnya:

*Mereka bertanya kepada engkau apakah yang dihalalkan bagi mereka. Katakanlah: telah dihalalkan bagi kamu yang baik-baik, dan apa yang kamu ajar dari binatang-binatang penangkap, padahal telah kamu biasakan mereka berburu, yang kamu ajar mereka daripada apa yang diajarkan Allah kepada kamu. Maka makanlah apa yang mereka tangkap buat kamu, dan sebutlah nama Allah atasnya, dan takwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah adalah amat cepat perkiraan-Nya.*

Dalam ayat ini Allah SWT menerangkan ciri-ciri makanan yang dihalalkan dalam Islam. Antaranya ialah makanan yang baik dan hasil buruan binatang yang terlatih. Ayat ini diturunkan rentetan dari ayat sebelumnya yang mengharamkan beberapa jenis binatang, lalu Rasulullah ditanya tentang apakah jenis binatang yang dihalalkan.

Perkataan yang menjadi topik perbincangan dalam ayat ini ialah *mukallibīm* yang ditafsirkan sebagai 'binatang-binatang yang diajar atau terlatih'. Nyata sekali bahawa pentafsiran ini agak umum kerana terdapat banyak jenis binatang yang boleh dilatih dan diajar seperti anjing, burung ereng, serigala, harimau, singa dan lain-lain lagi. Namun, jika dilihat dari segi terminologi perkataan *mukallibīm*, ia membawa erti binatang dari golongan anjing dan terbit dari perkataan *kalb* (Ibrahim Anīs & lain-lain: 1972). Menurut kamus *Lisān al-ʿArab* (Ibn Manzūr: 2003), *mukallib* juga dari segi terminologi membawa maksud binatang buas yang digunakan untuk berburu dan tidak khusus kepada anjing sahaja. Berdasarkan pengertian ini, tidak timbul pertikaian yang hebat dalam kalangan ulama bahawa binatang buruan mestilah dari keluarga anjing

kecuali sebahagian kecil ulama (R. Lubis Zamakhsyariyy: 1980). Bertitik tolak dari terminologi perkataan ini timbullah pelbagai penghuraian tentang penggunaannya.

Jumhur ulama berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengan *mukallib̄m* ini adalah umum kepada semua jenis binatang yang boleh diajar asalkan menepati syarat-syarat tertentu. Antara syarat-syarat itu ialah binatang itu mestilah mahir dan terlatih serta boleh memahami dan mengikut kehendak tuannya (R. Lubis Zamakhsyariyy: 1980).

Oleh itu, apa sahaja jenis binatang yang boleh dilatih seperti burung helang, ereng, singa, harimau dan sebagainya boleh dijadikan sebagai binatang buruan dan hasil tangkapannya halal dimakan. Mereka juga berpendapat bahawa penggunaan perkataan *kilāb* ini yang bermaksud 'anjing' adalah dipengaruhi oleh faktor *urf* atau budaya kerana kebiasaan masyarakat Arab menggunakan anjing untuk berburu serta menggiaskan penggunaan binatang lain untuk berburu mengikut kebiasaan sesuatu tempat itu (Hamka: 1999). Manakala Abū Yūsuf berpendapat walaupun ia umum untuk semua jenis binatang yang dilatih, tetapi beliau melarang penggunaan singa dan beruang sebagai binatang buruan disebabkan kedua-dua binatang itu biasanya memburu untuk dirinya (Wahbah al-Zuhayliyy: 1997).

Sebahagian ulama melarang penggunaan ular kerana kekejiannya. Sementara sebahagian ulama lain pula berpendapat bahawa hanya anjing sahaja boleh diajar berburu, manakala makanan hasil dari buruan selain anjing tidak halal untuk dimakan. Ini berdasarkan kepada terminologi perkataan *mukallib̄m* yang hanya khusus untuk anjing. Bagaimanapun pendapat ini kurang masyhur di kalangan jumhur ulama atas dasar pemahamannya yang terlalu sempit.

Dari perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa kesan terminologi dan *urf* memainkan peranan penting dalam menghuraikan isu binatang yang boleh dijadikan binatang buruan. Walaupun dari segi terminologinya merujuk kepada anjing tetapi maksud sebenar yang dikehendaki dari ayat ini ialah semua jenis binatang yang boleh dilatih. Begitu juga dengan faktor *urf* yang mempengaruhi penghuraian ayat ini di mana penggunaan apa jua jenis binatang untuk berburu dibolehkan mengikut kebiasaan sesuatu tempat selagi tidak ada larangan penggunaannya.

### 3.1.4 Huraian Ayat Ke-90

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ  
لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya:

*Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.*

Ayat di atas menjelaskan tentang pengharaman 4 perkara dalam Islam iaitu arak, judi, pemujaan berhala dan bertengung nasib dengan menganggap bahawa keempat-empat perkara itu sebagai kotor atau *rijsun* serta wajib dijauhi. Bahagian ayat yang ingin dikaji dalam ayat ini ialah perkataan *al-khamr* (arak).

Dari sudut bahasa, lafaz (إنما) dalam bahasa Arab membawa pengertian (القصر) iaitu tidak menjangkau kepada yang lain (Kamus Dewan: 2006). Dalam ayat ini, tegahan daripada melakukan keempat-empat perkara di atas iaitu meminum arak, berjudi, memuja berhala dan mengundi nasib adalah dihadkan atas sebab sifat kotor (keji) dari perbuatan syaitan (Ibn ʿAsyūr: t.t), dan tidak menjangkau kepada sebab yang lain. Dengan kata lain, Allah menegaskan pengharaman tersebut dengan menilainya sebagai perbuatan najis. Perkataan *rijsun* tidak pernah diguna dalam al-Quran melainkan terhadap perkara yang memang sangat kotor (al-Ghazāliyy: 2000).

Selain daripada itu, lafaz (*ijtanibūhu*) merupakan satu kata kerja yang menunjukkan perintah (*amar*) atau suruhan melakukan sesuatu dan ianya menuntut supaya orang yang diperintahkan itu mematuhi dan taat kepada perintah tersebut (ʿAbd al-Wahhāb ʿAbd al-Salām: 2000). Dalam konteks ayat ini ia mengandungi perintah Allah supaya menjauhi keempat-empat perkara di atas. Oleh itu, frasa (*fa ijtanibūhu*) yang bermaksud 'Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya' menunjukkan tegahan daripada Allah supaya kita menjauhkan diri daripada sifat kotor dan keji. Disebabkan keempat-empat perkara tersebut mempunyai sifat kotor dan keji, maka setiap individu muslim wajib meninggalkannya. Perintah ini mengandungi pengertian wajib untuk menjauhinya secara mutlak (Thihmaz: 2001) kerana ia boleh membawa

kepada *mafsadah* (kerusakan) dan menyebabkan perkara-perkara buruk berlaku seperti permusuhan, pecah belah, pembunuhan sekaligus menjatuhkan maruah umat Islam itu sendiri.

*Al-khamr* dari sudut terminologi bermaksud sesuatu yang memabukkan yang diperbuat daripada air anggur dan lain-lainnya (al-Munazzamah al-Arabiyyah lil al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-<sup>o</sup>Ulūm: 1988). Menurut Kamus Dewan, *al-khamr* bermaksud arak yang diperbuat daripada perahan anggur dan lain-lainnya kerana ia menutup akal fikiran (Kamus Dewan: 2006). Oleh itu, para ulama berpendapat bahawa *al-khamr* bermaksud setiap minuman yang menyebabkan mabuk ataupun minuman yang memabukkan (Hamka: 1999). Oleh itu, *al-khamr* bukan hanya arak tetapi juga apa jua minuman yang memabukkan (al-Zuhayliyy: 1991). Dalam tafsiran makna yang lain, *al-khamr* ialah semua minuman yang menutupi (yang dapat menghilangkan) akal, khususnya air anggur yang mengalir yang telah diolah sedemikian rupa (R. Lubis Zamakhsyariyy: 1980).

Imam Hanafi pula menjelaskan, *al-khamr* dikenali dalam kalangan orang Arab sebagai minuman yang diperbuat daripada air anggur sahaja kerana menurut mereka tidak berlaku *qias* dalam bahasa. Oleh itu, sekiranya minuman itu memabukkan tetapi tidak diperbuat daripada anggur, maka tidak dinamakan minuman itu *al-khamr*. Namun, pendapat ini disangkal oleh para ulama yang lain dengan mengatakan bahawa *al-khamr* dinamakan untuk semua minuman yang memabukkan dan boleh menguasai pemikiran seseorang serta menghilangkan kewarasannya seperti mana yang disebut dalam hadis Rasulullah yang diriwayatkan oleh Ahmad, Muslim dan ahli-ahli hadis yang lain kecuali Ibn Majāh, iaitu:

كل مسكر خمر، وكل خمر حرام

Maksudnya:

*Setiap yang memabukkan itu adalah arak, dan setiap arak itu adalah haram.*

Dari perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa faktor terminologi pada perkataan *al-khamr* telah mempengaruhi penghuraian para ulama tentang maksud sebenar arak yang diharamkan itu. Oleh itu perkataan ini tidak boleh dikaji hanya dari

sudut terminologinya sahaja kerana ia tidak memadai untuk memahami pengertian sebenar yang dimaksudkan dengan *al-khamr*.

Dari sudut semantik, walaupun hanya perkataan *al-khamr* disebut dalam ayat, namun kita mengetahui bahawa *al-khamr* atau arak itu diambil dengan cara meminumnya kerana ia adalah sejenis minuman. Walau bagaimanapun, skop pengharaman arak ini sebenarnya lebih luas berdasarkan kepada tafsiran ulama dan hadis nabi. Pengharaman arak bukan hanya dengan meminumnya tetapi juga membelinya kerana para ulama juga bersepakat bahawa membeli arak juga adalah haram hukumnya, dan tidak termasuk dalam kategori ini menyentuh atau memegangnya. Di samping itu, memperdagangkannya juga haram sekalipun dengan orang bukan Islam, termasuklah mengimport arak, mengeluarkan, membuka atau bekerja di kilang membuat arak. Malah menghadiahkan arak kepada orang bukan Islam juga haram (al-Ghazāliyy: 2000). Rasulullah melaknat orang yang mempunyai hubungan dengan arak, dan bukan hanya orang yang meminumnya sahaja seperti mana sabda baginda yang bermaksud:

*Rasulullah saw telah melaknati tentang khamar sepuluh golongan iaitu: yang memerasnya, yang diperah untuknya, yang meminumnya, yang membawanya, yang dibawakan kepadanya, yang menuangkannya, yang menjualnya, yang memakan harganya, yang membelinya dan yang dibelikan untuknya.*

(Riwayat Tirmizi dan Ibn Mājah)

Sekiranya kita tinjau pula dari jenis sumber yang boleh menghasilkan arak, kita akan dapati penghasilannya adalah mengikut <sup>c</sup>*urf* sesebuah tempat itu. Maka, kita tidak mengatakan bahawa arak yang haram itu hanya diperbuat daripada anggur yang diperam, kerana lain tempat, lainlah budayanya dan lainlah sumbernya untuk menghasilkan arak. Selain daripada anggur, Rasulullah telah menyebut lima jenis sumber lain yang boleh menghasilkan arak iaitu gandum, barli, buah anggur kering, kurma dan madu sepertimana yang disebut dalam hadis Rasulullah SAW:

إن من الحنطة خمرا، وإن من الشعير خمرا، وإن من الزبيب خمرا، وإن من التمر خمرا، وإن من العسل خمرا

Maksudnya:

*Sesungguhnya daripada gandum itu terhasilnya arak, dan daripada barli itu terhasilnya arak, dan daripada anggur kering itu terhasilnya*

*arak, dan daripada tamar (kurma) itu terhasilnya arak, dan yang berasal daripada madu itu juga arak.*

(Riwayat Ahmad)

Sumber-sumber ini terdapat di tempat atau negara tertentu, seperti negara Arab atau Eropah, dan tidak semuanya terdapat di sesetengah negara, seperti di Asia. Di negara-negara Asia, antaranya Indonesia dan Malaysia, arak juga boleh dihasilkan daripada nira yang diambil dari pohon nipah, ataupun dihasilkan daripada beras pulut yang diperam dan sebagainya, manakala di Jepun pula, arak boleh dihasilkan daripada saringan beras (bukan pulut). Oleh itu, pengharaman arak ini juga berkaitan dengan budaya atau *‘urf* sesebuah tempat, walaupun berbeza sumbernya kerana *‘ilahnya* (sebab) tetap sama, iaitu minuman yang memabukkan.

### 3.1.5 Huraian Ayat Ke-96

أَحِلَّ لَكُمْ صَيْدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُهُ مَتَاعًا لَّكُمْ وَلِلسَّيَّارَةِ وَحُرِّمَ عَلَيْكُمْ صَيْدُ الْبَرِّ مَا دُمْتُمْ حُرْمًا وَاتَّقُوا  
اللَّهَ الَّذِي إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ

Maksudnya:

*Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut, dan makanan yang didapati dari laut, sebagai bekalan bagi kamu (untuk dinikmati kelazatannya) dan juga bagi orang-orang yang dalam pelayaran; tetapi diharamkan atas kamu memburu binatang buruan darat selama kamu sedang berihram. Oleh itu bertakwalah kepada Allah, yang kepada-Nya kamu akan dihimpunkan.*

Ayat di atas menjelaskan tentang hukum halal memakan apa jua jenis binatang hasil tangkapan dari laut dan pengharaman melakukan pemburuan binatang darat semasa dalam ihram. Ayat ini adalah pengulangan bicara (استئناف) daripada ayat yang sebelumnya iaitu:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْتُلُوا الصَّيْدَ وَأَنْتُمْ حُرْمٌ

Maksudnya:

*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu membunuh binatang buruan ketika kamu sedang berihram.*

(al-Māidah: 95)

Oleh itu lafaz (لكم) bermaksud bagi kamu (orang-orang beriman) dan lebih dikhususkan kepada orang-orang yang sedang berihram. Allah menyatakan di sini bahawa dihalalkan bagi mereka memburu atau menangkap buruan laut dan memakan hasil daripada buruan tersebut. Terdapat ulama yang berpendapat bahawa lafaz tersebut juga berkaitan dengan semua muslim sama ada berada dalam ihram atau tidak (al-Zuhayliyy: 1991).

Perkataan yang menjadi pokok perbincangan di sini ialah (صيد البحر وطعامه) iaitu binatang buruan laut dan makanan yang diperolehi daripada laut. Kita dapat melihat di sini bahawa penggunaan istilah-istilah umum yang dari segi semantikanya telah menyebabkan berlakunya penghuraian yang berbeza dalam kalangan ulama. Dalam erti kata lain, persoalan yang timbul ialah apakah semua jenis buruan laut dan makanan yang terdapat di dalamnya boleh dimakan.

Dari segi terminologi, lafaz (صيد البحر) bermaksud binatang buruan laut (Kamus Dewan: 2006). Buruan laut ialah binatang-binatang yang hidup di laut dan mendiami di dalam air (R. Lubis Zamakhsyariyy: 1980). Maksud buruan laut ini perlu dihuraikan lagi dan kita tidak boleh memahami ayat ini hanya dengan bergantung kepada huraian dari sudut terminologinya sahaja, kerana ia tidak menjelaskan secara terperinci apa yang sebenarnya dihalalkan oleh Allah untuk dimakan daripada binatang-binatang laut tersebut.

Manakala (طعامه) pula bermaksud makanan yang berasal daripada laut (Kamus Dewan: 2006). Ada yang menghuraikannya sebagai semua makanan yang halal dimakan. Ada juga yang berpendapat bahawa hasil buruan laut halal untuk dimakan (R. Lubis Zamakhsyariyy: 1980). Sekiranya kita mengambil kira huraian-huraian di atas, segala jenis binatang yang hidup di laut boleh dimakan, termasuk juga binatang yang kadang-kadang berada di darat dan segala jenis makanan yang didapati dalam laut termasuklah lumut, rumpai atau alga yang menjadi makanan ikan dan hidupan laut yang lain.

Ada ulama yang menghuraikan makna dari sudut semantik bagi buruan laut ini sebagai buruan yang dikhususkan untuk ikan, dan ini tidak termasuk burung-burung

laut (R. Lubis Zamakhsyariyy: 1980). Malah, semua ulama bersepakat bahawa semua jenis ikan yang hidup dalam laut walau apa pun namanya adalah halal dimakan. Ini adalah kerana binatang tersebut dianggap elok oleh orang Arab (Zulkifli Mohamad: 2005). Ada juga ulama yang berpendapat buruan laut itu ialah ikan yang segar dan masih baru dan yang dimaksudkan dengan makanannya (طعامه) ialah ikan masin. Terdapat juga pendapat yang mengatakan buruan laut itu boleh dimanfaatkan bukan sekadar untuk dimakan, seperti memanfaatkan minyaknya, tulang dan sebagainya (R. Lubis Zamakhsyariyy: 1980).

Para ulama juga berpendapat bahawa semua binatang yang hidup sepenuhnya dalam laut atau dalam air adalah halal dimakan termasuklah ikan, udang, sotong, dan ketam. Namun begitu, menurut al-Syāfi'iyy ikan lumba-lumba dan ikan jerung tidak harus dimakan kerana mempunyai taring. Selain daripada itu, sebahagian besar ulama, termasuklah al-Syāfi'iyy, berpendapat bahawa buruan laut ini yang halal dimakan juga termasuklah binatang yang lebih banyak hidupnya dalam air dan hanya kadang-kadang di darat seperti penyu, singa laut dan anjing laut (al-Zuhayliyy: 1991).

Manakala, bagi binatang yang dua alam, iaitu yang hidup di darat dan juga dalam air pula adalah haram dimakan mengikut pendapat al-Syāfi'iyy, seperti ketam batu, buaya, biawak, katak dan seumpamanya. Imam Mālik pula berpendapat bahawa binatang-binatang ini tidak haram dimakan tetapi makruh kecuali katak yang boleh dimakan menurut mazhab tersebut kerana ia tergolong dalam buruan laut atau dikategorikan sebagai ikan dan haiwan yang tinggal dalam air (Hamka: 1999, al-Zuhayliyy: 1991).

Untuk huraian (وطعامه), terdapat ulama yang menyatakan bahawa maksud makanan yang terdapat di laut itu ialah ikan mati yang hanyut di permukaan laut selagi ia belum busuk (al-Zuhayliyy: 1991). Ada juga huraian yang menyatakan bahawa makanan laut (طعامه) itu ialah ikan mati yang timbul di permukaan laut dan kematian itu bukan disebabkan oleh tangkapan pemburu (Ibn °Asyūr: t.t).

Selain daripada itu, penghuraian isu ini juga telah membawa para ulama untuk membahaskan cara memperoleh dan memburu hidupan laut seperti ikan. Para ulama

berpendapat bahawa dihalalkan seluruh hasil buruan ataupun makanan dari seluruh hidupan laut dengan apa jua cara memperolehi atau menjumpainya sama ada mengail, menjala atau memukat.

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa, kepelbagaian penghuraian oleh ulama tentang maksud semantik frasa ‘buruan dan makan laut’ telah memberikan impak kepada hukum memakan makanan-makanan tersebut. Selain daripada itu, aspek *‘urf* juga sedikit sebanyak memainkan peranan apabila para ulama menjadikan pandangan orang Arab sebagai penanda aras kepada penentuan halal haram sesuatu makanan. Ini membuktikan bahawa faktor bahasa khususnya faktor semantik dan *‘urf* mempengaruhi penghuraian ulama dalam isu makanan.

### 3.2 ANALISA AYAT SURAH AL-AN‘ĀM

#### 3.2.1 Huraian Ayat Ke-118

فَكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ إِنْ كُنْتُمْ بِآيَاتِهِ مُؤْمِنِينَ

Maksudnya

*Maka makanlah dari apa yang disembelih dengan menyebut nama Allah atasnya, jika memang kamu beriman kepada ayat-ayat-Nya.*

Ayat di atas membincangkan tentang suruhan Allah SWT iaitu umat Islam hendaklah memakan daging yang disembelih dengan nama Allah sahaja. Ini menjelaskan bahawa terdapat peraturan serta penetapan khusus yang telah ditentukan oleh Allah SWT apabila memperkatakan tentang perkara penyembelihan. Seseorang muslim yang beriman mesti memakan apa yang disembelih dengan menyebut nama Allah berdasarkan kepada kata kerja berbentuk suruhan iaitu ‘makanlah’ (كُلُوا).

Bagaimanapun, pengaruh bahasa Arab dapat dilihat dalam ayat ini khususnya dari sudut semantik tentang maksud sebenar dari ayat ‘menyebut nama Allah atasnya’. Allah SWT telah menetapkan bahawa yang dimaksudkan dengan nama ‘Allah’ itu ialah pertama: dengan melafazkan ‘*Bismillāh*hir *Rahmān*ir *Rahīm*’ (dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang) ketika binatang tersebut disembelih atau kedua: dengan menyebut ‘*Bismillah*’ (dengan nama Allah).

Lanjutan daripada itu, terdapat penghuraian yang lebih terperinci mengenai menyebut nama Allah dalam penyembelihan binatang. Ini kerana hanya dengan menyebut nama Allah, maka binatang sembelihan itu boleh dimakan. Manakala binatang yang sama tetapi disembelih untuk upacara penyembahan berhala atau pemujaan, ia tidak halal lagi untuk dimakan. Ini dibuktikan dengan jelas dalam firman Allah di penghujung ayat ini: “Jika memang kamu beriman kepada ayat-ayat-Nya”. Ini bermakna hanya orang yang beriman dengan kitab dan rasul-Nya sahaja yang patuh kepada penetapan ini dan bagi orang-orang kufur serta tidak beriman, akan merasakan tiada bezanya memakan binatang sembelihan sama ada yang disebut dengan nama Allah, atau dengan nama syaitan atau dengan nama berhala.

Di dalam buku *Tafsīr al-Tabariyy* ada dihuraikan dengan lebih terperinci dari sudut semantik mengenai perintah Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW dan hamba-Nya yang beriman supaya memakan apa yang disembelih dengan menyebut nama Allah. Allah menjelaskan kepada mereka tentang binatang yang disembelih itu boleh dimakan dari sembelihan orang Yahudi dan Nasrani iaitu ahli kitab. Namun begitu, Allah SWT menegah mereka dari memakan sembelihan dari orang Musyrikin dan Majusi yang ternyata tidak beriman dengan Allah dan kitab-Nya. Selain daripada itu, terdapat penerangan dari <sup>6</sup>Atta mengenai maksud perintah Allah ini iaitu Allah menyuruh supaya menyebut nama-Nya ketika makan, minum dan melakukan sembelihan.

Daripada ayat ini, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa faktor semantik memainkan peranan besar dalam menghuraikan maksud penyembelihan dengan menyebut nama Allah. Apa yang ditetapkan oleh Allah SWT di dalam ayat ini dapat diperjelaskan lagi maksud yang terkandung dengan lebih luas dan mendalam agar perkara penyembelihan ini dapat difahami oleh umat manusia yang beriman kepada Allah serta dapat dipraktikkan dengan lebih berkesan dalam kehidupan seharian.

### 3.2.2 Huraian Ayat Ke-119

وَمَا لَكُمْ أَلَّا تَأْكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَقَدْ فَصَّلَ لَكُمْ مَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا اضْطُرَّرْتُمْ إِلَيْهِ وَإِنْ كَثِيرًا لَيُضِلُّونَ بِأَهْوَاءِهِمْ بِغَيْرِ عِلْمٍ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِالْمُعْتَدِينَ.

## Maksudnya

*Mengapa kamu tidak akan memakan dari apa yang disebutkan nama Allah atasnya, padahal telah Dia jelaskan kepada kamu apa yang Dia haramkan atas kamu. Kecuali apa yang terpaksa kamu padanya. Dan sesungguhnya kebanyakan (orang) telah menyesatkan dengan hawa nafsu mereka, dengan tidak pengetahuan. Dan sesungguhnya Tuhan engkau, Dialah yang lebih mengetahui, siapa orang-orang yang melanggar batas.*

Di dalam ayat 119 ini juga, Allah SWT telah mengulangi tentang pentingnya memakan dari apa yang disembelih dengan disebut nama-Nya terlebih dahulu seperti yang telah dihuraikan di dalam ayat 118 di atas. Tujuan utama di sebalik penetapan ini adalah supaya dapat membezakan di antara cara dan tujuan penyembelihan yang dilakukan oleh orang yang beriman dengan orang yang masih jahil dan ingkar dengan suruhan Allah. Dalam erti kata lain, ia dapat membezakan di antara makanan yang halal atau haram untuk dimakan serta untuk tujuan pemujaan berhala atau syaitan atau semata-mata niat kerana Allah taala.

Allah SWT menekankan pentingnya menyebut nama Allah ketika menyembelih binatang halal untuk dimakan adalah untuk tujuan memelihara aqidah, tauhid dan menjauhkan dari sebarang penyelewengan agama. Firman Allah yang menyebut (اسم الله) itu bermaksud dengan nama Allah sahaja iaitu 'bismillāh' dan bukan menyebut nama-nama berhala seperti yang dilakukan oleh orang bukan Islam untuk tujuan pemujaan atau penyembahan. Dengan penghuraian yang lebih terperinci dari sudut semantik tentang 'memakan dari apa yang disembelih dengan menyebut nama Allah atasnya' di dalam ayat 118 serta pengulangan di dalam ayat 119 dapat memberi penerangan dan pemahaman yang jelas berhubung perkara ini.

### 3.2.3 Huraian Ayat Ke-121

وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُ لَفِسْقٌ وَإِنَّ الشَّيَاطِينَ لِيُوحُونَ إِلَىٰ أَوْلِيَآئِهِمْ لِيُجَادِلُوكُمْ  
وَإِنْ أَطَعْتُمُوهُمْ إِنَّكُمْ لَمُشْرِكُونَ

## Maksudnya

*Dan janganlah kamu makan dari apa yang tidak disebutkan nama Allah atasnya, dan sesungguhnya itu adalah suatu kedurhakaan. Dan*

*sesungguhnya syaitan-syaitan itu membisikkan kepada pengikut-pengikut mereka, supaya mereka membantah kamu. Dan jika kamu menuruti kepada mereka, sesungguhnya musyriklah kamu.*

Ayat ini menegaskan perkara yang sama iaitu tentang kemestian menyebut nama Allah dalam penyembelihan binatang. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan dengan 2 ayat yang dibincangkan sebelum ini di mana Allah menyifatkan penyembelihan yang tidak disebut nama Allah sebagai *fasik* dengan firmanNya: **وإنه لفسق**.

Faktor bahasa yang dikaji dalam ayat ini ialah fungsi huruf (الواو) dalam mempengaruhi penghuraian maksud pengharaman memakan sembelihan yang tidak disebut nama Allah. Dari sudut semantik huruf (الواو) membawa tiga maksud, pertama: mengikuti, kedua: berhenti dan ketiga: hal keadaan. Oleh kerana terdapat tiga maksud yang berbeza bagi huruf (الواو) ini, maka berlakulah penghuraian yang pelbagai dalam kalangan ulama.

1. Sebahagian ulama yang terdiri daripada golongan al-Syāfi'iyah, Ahmad dan sebahagian dari golongan al-Mālikiyyah serta lain-lain menyatakan bahawa menyebut nama Allah semasa penyembelihan bukanlah satu syarat sebaliknya hanya sekadar sunat muakkad. Ia halal dimakan sekalipun perbuatan menyebut nama Allah ditinggalkan dengan sengaja atau terlupa (Abd al-Wahhāb: 2000). Mereka berpendapat bahawa huruf ini membawa erti 'hal keadaan' yang bermaksud 'jangan memakan dalam keadaan *fasik*'. Mereka menghuraikan maksud *fasik* ialah apabila disebut nama selain nama Allah seperti nama berhala dan sebagainya. Ini bermakna sesuatu sembelihan itu halal dimakan sekalipun tidak disebut nama Allah asalkan tidak menyebut nama selain Allah. Golongan ini berpaksikan kepada beberapa dalil yang menyokong hujah mereka antaranya ayat al-Quran yang berbunyi:

**وَطَعَامُ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حَلَالٌ لَكُمْ وَطَعَامُكُمْ حَلَالٌ لَهُمْ**

Maksudnya

*Sembelihan ahli kitab halal bagi kamu dan sembelihan kamu halal bagi mereka.*

(Al-Mā'idah: 5)

Ayat ini menunjukkan hukum halal memakan sembelihan ahli kitab tanpa mensyaratkan menyebut nama Allah dalam penyembelihan.

2. Sebahagian ulama lain antaranya golongan Zāhiriyyah, al-Sya<sup>ʿ</sup>biyy dan Ibn Sīrīn berpendapat bahawa menyebut nama Allah adalah wajib. Haram memakan sembelihan yang tidak disebut nama Allah sama ada dengan sengaja atau terlupa. Dalil mereka ialah ayat al-Quran yang berbunyi:

فَكُلُوا مِمَّا أَمْسَكْنَ عَلَيْكُمْ وَاذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ

Maksudnya:

*Oleh itu makanlah dari apa yang mereka tangkap untuk kamu dan sebutlah nama Allah atasnya.*

(al-Māidah: 4)

Mereka berpendapat bahawa huruf (الواو) ini dari segi semantikanya membawa maksud mengikuti (*al-athfu*) atau terputus (*al-isti'nāf*) dan bukanlah 'hal keadaan'.

3. Golongan ketiga iaitu jumbuh ulama antaranya al-Hanafiyyah, Mālik, Ahmad dalam riwayatnya yang kedua, al-Thauri dan lain-lain berpendapat bahawa menyebut nama Allah adalah syarat bagi menghalalkan memakannya. Apabila perbuatan tersebut ditinggalkan dengan sengaja makan hukumnya haram tetapi jika terlupa maka hukumnya halal. Antara dalil yang menjadi asas pendapat mereka ialah hadis yang berbunyi:

ذبيحة المسلم حلال وإن لم يسم ما لم يتعمد

Maksudnya:

*Sembelihan seorang Muslim itu halal walaupun tidak disebut nama Allah selagi mana ia tidak disengajakan*

(Riwayat Sa<sup>ʿ</sup>id bin Mansour)

Perbezaan pendapat ulama ini jelas menunjukkan kesan faktor semantik bagi huruf (الواو) dalam ayat di atas terhadap penghuraian dan hukum memakan sembelihan yang tidak disebut nama Allah.

### 3.2.4 Huraian Ayat Ke-141

هُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَّعْرُوسَاتٍ وَالنَّخْلَ وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أَكْلُهُ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَانَ مُتَشَابِهًا وَغَيْرَ مُتَشَابِهٍ. كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَعَآثُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

Maksudnya:

*Dialah yang menjadikan kebun-kebum yang menjalar dan yang tidak menjalar, kurma dan tumbuh-tumbuhan yang berbagai corak (jenis rasanya), zaitun, delima yang sejenis dan yang berlainan jenis. Makanlah buahnya apabila ia berbuah. Bayarkanlah zakatnya di hari mengetam (memetikny). Jangan kamu berlebih-lebihan. Dia tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan.*

Dalam ayat ini, perkataan yang dikaji ialah *mutasyābihāt*. Dari sudut terminologi, perkataan ini bererti bersamaan iaitu persamaan dari sudut pandangan luaran. Perkataan *ghair mutasyābihāt* pula ditakrifkan sebagai tidak ada persamaan iaitu tiada persamaan dari sudut rasa (al-Zuhayliyy: 1998). Dalam ayat ini, perkataan ini dikaitkan secara langsung dengan isu makanan yang terdiri dari pohon kurma dan tumbuh-tumbuhan. Kebanyakan buku yang dirujuk seperti *Tafsīr al-Munīr* karangan Wahbah al-Zuhayliyy, *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm* karangan Ibn Kathīr dan beberapa buku yang lain, tidak banyak menyentuh penghuraian mengenai permasalahan ini. Kebanyakan pentafsiran hanyalah dari sudut terminologi dan budaya.

Menurut Prof Dr Hamka, tumbuhan yang pelbagai macam rasa ini merujuk kepada buah-buahan yang biasa tumbuh di negara Arab misalnya kurma. Selain itu, sayur-sayuran juga diambil kira kerana bukan hanya buah-buahan sahaja yang dimakan malah daun dan pucuknya juga boleh dijadikan makanan. Kesemua bahagian makanan ini serupa dari sifat luaran, namun berbeza dari segi rasanya. Selain itu, buah zaitun juga disebutkan dalam ayat ini. Mengikut penghuraian yang diberikan oleh beliau, selain dari buah zaitun itu sendiri, beberapa bahagian lain dari pokok zaitun dan buahnya boleh dimanfaatkan oleh manusia. Kemudian disebut tentang buah delima yang bersamaan rasanya dan tidak bersamaan rasanya. Pentafsiran yang dibuat oleh beliau adalah dari sudut terminologi iaitu buah-buahan dan sayur-sayuran yang pelbagai jenis ini mempunyai persamaan rupa tetapi berbeza rasanya.

Budaya atau *‘urf* juga mempengaruhi penghuraian ayat ini. Menurut beliau lagi, seandainya dibuat perbandingan antara buah-buahan yang disebutkan di daerah Hijaz iaitu tempat al-Quran mula-mula diturunkan, dengan buah-buahan di negeri yang lain pula, terutama di negara kita iaitu di kawasan Khatulistiwa yang kaya dengan pelbagai jenis buah-buahan dan tanam-tanaman yang beraneka rupa dan rasa, buah-buahan dan sayur-sayuran di kawasan yang berlainan sudah pasti ada yang sama jenis dan sebaliknya. Buah kurma hanya terdapat di negara Arab manakala buah durian hanya terdapat di negara-negara Asia. Kesemuanya ini mempunyai rasa yang berbeza walaupun dalam kategori yang sama seperti rasa masam, manis dan sebagainya (Hamka: 1999).

### 3.2.5 Huraian Ayat Ke-145

قُلْ لَا أُجِدُ لِإِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنزِيرٍ فَإِنَّهُ رَجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهِلَّ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ، فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ رَحِيمٌ.

Maksudnya:

*Katakanlah tidaklah aku dapati di dalam apa yang diwahyukan kepadaku sesuatu yang diharamkan bagi si pemakan yang mahu memakannya, kecuali bangkai atau darah yang mengalir atau daging khinzir kerana sesungguhnya ia kotor atau suatu penderhakaan yang disembelih untuk selain daripada Allah. Oleh kerana itu, barangsiapa yang terpaksa, bukan kerana ingin atau sengaja hendak melebihi, maka sesungguhnya Tuhan engkau adalah Pengampun lagi Penyayang.*

Dalam ayat ini, terdapat 4 perkataan yang dikaji iaitu *mayyitah*, *damman masfūha*, *lahm al-khinzīr* dan *uhilla li ghairillāh bihi*. Perkataan-perkataan tersebut mempunyai kaitan dengan isu makanan sama ada penghuraian dari sudut terminologi, semantik atau budaya.

Dalam ayat di atas Allah hanya menerangkan tentang 4 perkara sahaja yang diharamkan dalam Islam iaitu: bangkai, darah yang mengalir, daging khinzir dan sesuatu yang disembelih bukan atas nama Allah SWT, sedangkan pada hakikatnya yang diharamkan lebih banyak dari itu. Oleh yang demikian, timbullah pelbagai huraian terhadap permasalahan ini (R. Lubis Zamakhsyariyy: 1980). Huraian-huraian ini dikaji berdasarkan kepada 3 faktor bahasa iaitu terminologi, semantik dan budaya.

Bagi memudahkan perbincangan setiap penerangan akan dihuraikan mengikut kategori-kategori berikut:

### 3.2.5.1 *Mayyitah* (Bangkai)

Menurut Kamus Dewan, *Mayyitah* (bangkai) dari sudut terminologi bermaksud binatang yang sudah mati (Kamus Dewan :2006). Dari sudut semantik pula ia merujuk kepada semua benda yang kotor seperti najis, kotoran-kotoran tanah dan lain-lain (R. Lubis Zamakhsyariyy: 1980) atau apa yang dipotong dari binatang ternak sedangkan ia masih hidup dianggap bangkai.

Oleh kerana maksud semantiknya yang begitu luas serta umum kepada semua jenis binatang yang kotor atau najis, maka ia menimbulkan banyak penghuraian dalam kalangan ulama. Antaranya para ulama telah mengklasifikasikan pengertian bangkai ini iaitu semua binatang bertaring dan burung yang mencakar bersandarkan kepada dalil hadis yang bermaksud: “Rasulullah SAW melarang semua binatang bertaring dan semua burung yang mencakar” (Riwayat Muslim daripada Ibn ‘Abbās). Begitu juga hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, sabda Rasulullah SAW bermaksud: “Memakan semua yang bertaring dari binatang buas adalah diharamkan”. (al-Ghazāliyy: 2000).

Selain daripada itu, lima jenis binatang kotor yang diperintahkan kepada kita supaya membunuhnya di waktu ihram iaitu gagak, helang, kala jengking, tikus dan anjing gila (yang menggigit) adalah makna semantik bagi perkataan bangkai. Mafhum hadis ini diriwayatkan oleh ‘Aisyah, Hafisah dan Ibn ‘Umar. Suruhan membunuh diguna pakai di sini bermaksud haram dimakan. Perintah supaya dibunuh dan bukan disembelih membawa pengertian bahawa binatang-binatang tersebut tidak boleh dimakan kerana seandainya ia boleh dimakan, nescaya ia tidak boleh disakiti dengan cara membunuh tetapi disembelih (R. Lubis Zamakhsyariyy: 1980).

Budaya atau ‘urf juga memainkan peranan penting dalam penghuraian perkataan *al-mayyitah* ini. R Lubis Zamakhsyariyy (1980) menyatakan bahawa adat atau kebiasaan bangsa Arab dijadikan kayu pengukur bagi menentukan halal atau haram sesuatu makanan. Hal ini jelas dapat dilihat melalui pendapat yang dipegang

oleh golongan Imam al-Syāfi'iy berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang berbunyi "Semua yang dianggap kotor oleh bangsa Arab, hukumnya haram". Mereka menyatakan bahawa semua binatang yang tidak dijelaskan dalam nas halal atau haramnya, tidak pula ada suruhan atau larangan membunuhnya, apabila bangsa Arab menganggapnya baik, maka hukumnya halal, dan apabila mereka menyatakannya kotor, maka hukumnya haram. Menurut Zulkifli Mohamad al-Bakri (2005), penentuan halal atau haram sesuatu binatang berdasarkan kepada kebiasaan orang Arab diguna pakai kerana mereka merupakan golongan pertama yang menerima wahyu dan syariat Ilahi.

Selain dari bangsa Arab, kebiasaan sesuatu bangsa lain juga boleh dijadikan ukuran. Sebahagian ulama yang lain pula menyandarkan pegangan ini kepada perkataan *al-tayyibāt* dan *al-khabā'ith* yang disebutkan dalam al-Quran bagi isu sesuatu makanan. Perkataan *al-tayyibāt* bermaksud yang baik-baik manakala perkataan *al-khabā'ith* bermaksud yang keji, kotor dan jijik. Firman Allah dalam surah al-A'raf ayat 157:

وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ

Maksudnya:

*Dan dihalalkan bagi mereka yang baik-baik dan diharamkan ke atas mereka segala yang kotor-kotor.*

Walaupun al-Syāfi'iy, pengikut Imam Hambali menyatakan bahawa ukuran baik atau buruk sesuatu makanan merujuk kepada anggapan masyarakat Arab di kampung dan desa dan bukannya masyarakat Badwi atau bangsa-bangsa lain selain Arab, namun menurut pandangan Imam al-Ghazāliyy (2000), ukuran yang baik-baik (*al-tayyibāt*) adalah semua yang dianggap baik dan dinikmati oleh manusia tanpa adanya nas atau dalil yang mengharamkannya. Jika dianggap kotor maka ia menjadi haram. Ukuran yang kotor (*al-khabā'ith*) pula ialah semua yang dianggap kotor oleh perasaan manusia secara umum, meskipun terdapat beberapa prinsip yang mungkin menganggapnya tidak kotor.

Termasuk dalam pengertian dari sudut budaya juga ialah kisah teladan berpandukan perbuatan Rasulullah SAW yang menolak hidangan *dhab* salai yang diberikan oleh Khālid bin al-Walīd, namun baginda tidak menghalang beliau memakannya. Hadis daripada Abī °Umar yang diriwayatkan oleh al-Bukhari bahawa Rasulullah SAW bersabda (الضَّبُّ لَسَنَتْ أَكَلُهُ. وَلَا أُحْرَمُهُ). Jelaslah di sini bahawa walaupun mereka kedua-duanya berasal dari tempat yang sama iaitu Mekah namun Rasulullah tidak memakannya kerana tidak menyukainya. Hukum di sini bukanlah haram, cuma makruh sahaja. Hukum makruh ini adalah kerana dua sebab iaitu kerana menghormati Rasulullah dan sunnahnya dan kedua kerana ia termasuk yang kotor juga tetapi tidak termasuk 4 jenis yang dijelaskan dalam al-Quran (Hamka: 1999) Belut juga boleh dijadikan sebagai contoh. Bagi golongan petani, belut dianggap baik, tetapi tidak bagi bangsa-bangsa yang lain.

### 3.2.5.2 *Lahm al-khinzīr* (Daging Khinzir)

Menurut Hamka (1999), daging khinzir diharamkan kerana kekotorannya. Binatang ini bukan sahaja memakan najis binatang lain malah turut memakan najisnya sendiri.

Menurut Imam al-Ghazāliyy (2000), perkataan *lahm al-khinzīr* (daging khinzir) membawa maksud semantik kerana ia merangkumi pengertian lemak, urat, kulit dan lain-lain. Tetapi sebaliknya, apabila kita menyebut perkataan lemak, urat atau kulit, maka ia tidak membawa maksud daging. Dalam bahasa Arab juga, orang yang gemuk disebut *lahīm* (لَحِيم) bererti orang yang berdaging. Kita telah memaklumi bahawa orang yang gemuk itu bukan dengan daging sahaja, tetapi dengan daging dan lemak. Contoh yang lain pula ialah, seandainya orang membeli daging, maka termasuk sekali dengan lemak-lemaknya kerana manusia akan menyebut sesuatu perkara dengan melihat apa yang penting.

Dari sudut bahasa Arab, kata ganti nama - *hu* (dia atau ia lelaki) dalam perkataan (يَطْعَمُهُ) mempunyai pelbagai pentafsiran terhadap pemilik kata ganti nama tersebut. Sebahagian ulama misalnya al-Mawardi dan Ibn Hazam menyatakan bahawa ia adalah kata ganti nama bagi khinzir kerana haiwan tersebut adalah kata nama yang terdekat sekali disebutkan oleh Allah dalam ayat ini. Dakwaan ini disokong dengan

menyatakan bahawa pengharaman terhadap khinzir bukan sahaja kepada dagingnya malah terhadap keseluruhan tubuh binatang tersebut seperti lemak, rambut, tulang dan juga kukunya. Seandainya kita mengembalikan kata ganti nama ini kepada perkataan 'khinzir', maka maksudnya sudah sempurna, tetapi seandainya dikembalikannya kepada perkataan 'daging' pula, maka di dalam ayat ini tidak terdapat sebarang penerangan mengenai daging selain daging khinzir. Maka jelaslah di sini bahawa topik perbincangan adalah berkenaan khinzir.

Abū Hayyān pula mempunyai pandangan yang berbeza. Menurut beliau, kata ganti nama ini dikembalikan kepada 'daging' yang disandarkan kepada khinzir. Dalam kaedah bahasa Arab, bagi perkataan *mudhāf* dan *mudhāf ilayh*, seandainya kedua-dua perkataan ini boleh berdiri secara berasingan, perkataan pertama iaitu *al-mudhāf* tetap menjadi keutamaan dan bukannya *mudhāf ilayh* kerana ia sekadar ikutan. Contohnya, apabila kita menyebut perkataan ibu Muhammad, maka tumpuan diberikan kepada perbincangan mengenai si ibu dan bukannya si anak Muhammad. Justeru, dalam ayat ini dapatlah disimpulkan bahawa perbincangan sebenarnya adalah terhadap perkataan 'daging' dan bukannya 'khinzir'.

‘Abd al-Wahhāb ‘Abd al-Salām Tawīlah (2000) pula memberikan skop makna yang lebih luas kepada perkataan *lahm* ini. Menurut beliau, perkataan 'daging' di sini bukanlah merujuk kepada daging semata-mata, malah juga termasuk kuku, tulang atau sebagainya walaupun ia juga termasuk dalam frasa yang dimaksudkan. Ini kerana bagi semua jenis binatang, daging merupakan komponen utama dan menjadi tumpuan sesuatu perbincangan.

Terdapat hadis Rasulullah SAW yang boleh dijadikan panduan bahawa keseluruhan tubuh khinzir adalah haram dan bukan dagingnya sahaja;

إِنَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ حَرَّمَ بَيْعَ الْخَمْرِ وَالْمَيْتَةِ وَالْخِنْزِيرِ وَالْأَصْنَامِ

Maksudnya:

*Sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya telah mengharamkan jual beli arak, bangkai, babi dan berhala.*

(Riwayat Bukhāri dan Muslim)

Hadis ini mengharamkan kegiatan jual beli khinzir kerana seluruh anggota binatang ini haram di sisi agama (al-Ghazāliyy: 2000).

Jelaslah di sini bahawa pengertian semantik memainkan peranan utama dalam penghuraian isu *lahm al-khinzīr* kerana ia meliputi segala yang berkaitan dengan khinzir itu sendiri sama ada tulangnya, kulitnya, barang-barang atau produk yang dihasilkan dari binatang tersebut atau bercampur dengannya.

Oleh itu, umat Islam perlulah peka dalam hal ini dan berhati-hati kerana baru-baru ini, terdapat sebuah syarikat pengilang sosej yang dikesan menggunakan usus haiwan disyaki babi (Jamilul Anbia & Muhd Izawan: 2005) dan hukum memakannya tetap haram.

### 3.2.5.3 *Damman Masfūha* (Darah Yang Mengalir)

Perkataan *damman masfūha* di dalam ayat ini bukan sahaja dihuraikan dari aspek terminologi tetapi juga dari segi semantik dan budaya. Perbincangan turut dibuat oleh ahli bahasa terhadap penghuraian ayat ini melalui kaedah bahasa *al-muqayyad* (khusus) dan *al-mutlak* (umum). Satu perbandingan ayat ini telah dibuat dengan ayat 3, surah al-Māidah iaitu: *حَرَّمَ عَلَيْنَا الْمَيْتَةَ وَالِدَّمَ وَالْخِنْزِيرَ وَمَا أَهْلَ لَعْنِ اللَّهِ بِهِ* kerana topik yang dibincangkan adalah sama iaitu 'darah'. Dari sudut perbincangan ilmu bahasa Arab, para ulama bersepakat menyatakan bahawa hukum bahasa *al-muqayyad* diguna pakai.

Menerusi kedua-dua ayat ini didapati bahawa isu yang dibincangkan adalah sama iaitu darah dan sebabnya juga sama iaitu kerana darah memudaratkan kesihatan sekiranya dimakan. Hukum menjadikan darah sebagai makanan juga adalah sama iaitu haram. Namun begitu, perkataan darah (*الدَّم*) dalam surah al-Māidah disebut secara umum, manakala dalam ayat surah al-An'ām pula (*دَمًا مَسْفُوحًا*) yang bermaksud 'darah yang mengalir' disebut secara khusus iaitu darah yang mengalir atau tumpah dari tempatnya. Hukum haram yang diguna pakai di sini ialah hukum yang dikhususkan kepada darah yang mengalir dan bukannya darah semata-mata

(Abd al-Wahhāb: 2000). Oleh yang demikian, hati, limpa dan sebagainya yang terdiri dari darah beku halal dimakan kerana tidak termasuk dalam bab ini .

Dari sudut semantik, 'darah yang mengalir' bermaksud darah yang masih segar dan sedang mengalir. Menurut Ibn ʿAbbās, darah tersebut keluar dari haiwan sewaktu masih hidup dan yang keluar dari urat lehernya sewaktu disembelih. Namun begitu, hati dan limpa tidak dikategorikan dalam bab ini kerana darah tersebut darah beku, begitu juga darah yang bercampur dengan daging sewaktu penyembelihan atau yang tertinggal pada urat-urat leher haiwan sebab semuanya tidak mengalir (R. Lubis Zamakhsyariyy: 1980).

Menurut Dr Yūsof al-Qardhāwiyy (1995), rahsia pengharaman darah yang mengalir adalah kerana kekotorannya dan membahayakan kesihatan manusia sebagaimana bangkai. Menurut budaya masyarakat jahiliyah dahulu, ketika mereka lapar mereka menusukkan tulang yang tajam atau objek-objek tajam yang lain ke tubuh binatang seperti unta untuk mendapatkan darah yang mengalir sebagai minuman mereka. Amalan ini disebut dalam syair oleh al-Aʿsyaa berbunyi:

وَأَيَّكَ وَالْمَيْتَاتِ لَا تَقْرَبَنَّهَا      وَلَا تَأْخُذَنَّ عَظْمًا حَدِيدًا فَتَقْصِدَا

Maksudnya

*Awas kamu! Pada bangkai-bangkai itu, jangan kamu mendekatinya  
Jangan pula diambil tulang yang tajam lalu ditusukkannya (untuk  
mengalirkan darah).*

Budaya jahiliyah ini adalah keji dan termasuk dalam penganiayaan terhadap makhluk Allah. Oleh yang demikian, darah yang mengalir hasil dari penganiayaan tangan manusia diharamkan oleh Allah SWT dari memakannya.

#### 3.2.5.4 *Uhillā Li Ghairillāhi Bihi* (Sembelihan Yang Bukan Kerana Allah SWT)

Prosa ini membawa pengertian yang luas. Setiap sembelihan yang dilakukan bukan kerana Allah adalah dianggap haram kerana tidak disebut nama Allah ketika penyembelihan tersebut. Terdapat penghuraian dari sudut semantik bagi perkataan ini.

Menurut Imam al-Ghazāliyy (2000), sesuatu penyembelihan terhadap binatang yang halal dimakan mestilah menepati hukum-hukum syariat seperti menyebut nama Allah, pisaunya tajam dan lain-lain lagi. Seandainya binatang tidak disembelih menurut hukum syariat, tercekik, mati dengan sendirinya, ditikam atau dicekik, maka haram untuk dimakan kerana telah dikategorikan sebagai bangkai walaupun pada hakikatnya jasadnya adalah halal kecuali bangkai ikan dan belalang.

Dari sudut budaya, penyembelihan binatang oleh kaum terdahulu seperti penyembah berhala, mereka menyebut nama berhala (*wathaniyyīm*) terlebih dahulu apabila hendak menyembelih binatang seperti *Laata* dan *‘Uzza*. Pengharaman ini adalah disebabkan oleh faktor agama semata-mata kerana pengaliran darah semasa penyembelihan tersebut tidak dengan nama-Nya. Penyebutan nama Allah ketika proses penyembelihan itu adalah simbol pemberitahuan bahawa Dialah yang menciptakan haiwan yang hidup ini dan kini telah memberi perkenan untuk menyembelihnya. Oleh kerana itu, menyebut selain dari nama Allah ketika menyembelih bererti menidakkan perkenan ini dan Dia berhak menerima larangan memakan binatang yang disembelih itu (al-Ghazāliyy: 2000).

Penyembelihan selain kerana Allah juga memberi makna semantik yang luas. Baik disembelih bukan kerana Allah ataupun yang disembelih untuk berhala, kedua-duanya adalah suatu pengagungan terhadap berhala. Bezanya ialah, sembelihan yang dilakukan bukan kerana Allah kadang-kadang bertujuan untuk ibadat kepada patung-patung, tetapi binatang tersebut jauh dari patung, tetapi disebutkan nama berhala. Adapun binatang yang disembelih untuk berhala, binatang tersebut mesti berada dekat dengan berhala dan tidak semestinya nama Allah disebutkan semasa sembelihan (al-Ghazāliyy: 2000).

Fakta saintifik membuktikan bagi setiap penyembelihan, darah haiwan itu perlu dialir keluar. Ini kerana darah adalah medium terbaik bagi mikro organisma membiak. Bahagian ‘spinal cord’ hendaklah dielakkan daripada terpotong ketika sembelihan dilakukan. Ini adalah kerana ia akan menyekat aliran darah keluar akibat daripada saluran darah terganggu dan jantung haiwan yang terhenti secara tiba-tiba.

Pemilihan corak pemakanan yang halal penting dalam memastikan tahap

kesihatan sentiasa berada di tahap yang memuaskan agar memperoleh tenaga yang secukupnya untuk beribadat. Oleh itu, muslim perlu menilai dan meneliti sumber pemakanannya agar datang dari sumber yang halal serta bukan meragukan (Zamri Mohamed: 2003).

Dalam ayat di atas, ulamak sepakat mengatakan, maksud ayat tersebut ialah larangan menyebut nama selain Allah ketika menyembelih. Ini adalah kerana, orang jahiliah mendekati diri mereka kepada tuhan dan berhala dengan cara menyembelih binatang, yang ada kalanya mereka menyebut berhala-berhala itu ketika menyembelih dan penyembelihannya itu diperuntukkan kepada sesuatu berhala tertentu. Jelas di sini bahawa terdapat perbezaan di antara penyembelihan yang disebut nama Allah dengan yang disebut nama berhala serta tujuan penyembelihan dilakukan.

### 3.3 ISU-ISU SEMASA BERKAITAN TAJUK YANG DIKAJI

Setelah kajian terperinci dijalankan terhadap beberapa ayat terpilih berkaitan isu makanan dalam surah al-Māidah dan surah al-An<sup>c</sup>ām, adalah lebih berkesan jika dilihat kepada situasi semasa yang berlaku pada hari ini. Objektifnya adalah untuk mengenalpasti sejauh manakah penghuraian para ulama dahulu yang dipengaruhi oleh ketiga-tiga faktor bahasa Arab yang dikaji ini dalam mendepani isi-isu semasa berkaitan makanan.

Dari analisa yang telah dilakukan, didapati bahawa hanya beberapa isu yang telah dikemukakan dalam ayat surah al-Māidah dan al-An<sup>c</sup>ām ini mempunyai kaitan langsung dengan apa yang berlaku pada hari ini. Antara isu-isu itu ialah:

#### 1. *Bahīmatul an<sup>c</sup>ām*

Ulama sepakat mengatakan bahawa maksud *bahīmatul an<sup>c</sup>ām* dari segi terminologinya ialah binatang ternakan yang berkaki empat. Cuma berlaku pelbagai pentafsiran di kalangan para ulama tentang maksud semantik perkataan *an<sup>c</sup>ām*. Ada di antara ulama yang mentafsirkan *an<sup>c</sup>ām* itu terdiri dari tiga jenis binatang, empat dan sebagainya.

Dalam zaman teknologi yang serba moden ini, banyak ciptaan baru dapat dilihat. Semua ciptaan ini adalah untuk memudahkan urusan kehidupan manusia di dunia. Tidak ketinggalan dalam mengalami kemodenan dan menerima teknologi ialah bidang penternakan. Para saintis pada hari ini telah berjaya menghasilkan pelbagai jenis binatang wujud pada masa dahulu hasil kacukan, melalui proses penggabungan DNA, pengklonan dan sebagainya. Semua ini memerlukan reaksi daripada ulama masa kini tentang hukum memakan binatang-binatang tersebut. Apa yang pasti dalam hal ini, menurut pandangan ulama, perlu dilihat kepada punca datangnya DNA atau gen itu. Sekiranya binatang yang dihasilkan itu datang dari unsur binatang yang tidak halal maka binatang yang dihasilkan itu juga haram hukumnya (al-Zuhayliyy: 1997). Pada masa kini para saintis sedang berusaha menghasilkan pelbagai jenis binatang melalui proses pengklonan seperti penghasilan kambing biri, penghasilan lembu dari kerbau liar, penghasilan arnab dari baka panda dan sebagainya.

## 2. *Kaedah penyembelihan*

Dalam ayat ke-3 surah al-Mā'idah telah dijelaskan tentang pengharaman beberapa jenis binatang yang mati dipukul, terjatuh, dimakan binatang buas dan sebagainya kecuali yang sempat disembelih. Pengecualian ini menunjukkan bahawa penyembelihan adalah satu perkara penting dalam Islam sehingga menjadi penentu kepada hukum memakan binatang yang disembelih itu. Apabila dibincangkan secara lebih lanjut sudah pasti perbincangan akan terarah kepada syarat-syarat penyembelihan dan kaedah-kaedahnya. Jelas sekali antara syarat yang penting dalam penyembelihan binatang ialah keadaan binatang itu dan peralatan penyembelihan.

Pada masa kini pelbagai kaedah moden penyembelihan digunakan seperti penggunaan arus elektrik yang dinamakan *stunning*. Terdapat banyak jenis penyembelihan secara *stunning* ini iaitu *stunning* elektrik, *stunning* mekanikal dan *stunning* angin (Lokman Abd. Rahman: 2002).

Berkaitan hukum halal atau haram memakan daging yang disembelih dengan menggunakan kaedah-kaedah moden ini, kita perlulah merujuk kepada ayat-ayat al-Quran seperti dalam surah al-Mā'idah ini yang telah diperkuatkan pula oleh ayat al-Quran yang lain dan hadis-hadis Rasulullah SAW. Para ulama telah mensyaratkan

bahawa sebelum penyembelihan dilakukan binatang yang akan disembelih itu mestilah diyakini masih hidup sekalipun telah menunjukkan tanda-tanda akan mati. Ini adalah merujuk kepada persoalan 'sempat disembelih' dalam ayat ke-3 surah al-Māidah. Selain daripada itu, ulama mensyaratkan binatang yang disembelih itu tidak diseksa dan penyembelihan mesti dilakukan segera untuk mengelakkan penyeksaan dan penganiayaan terhadap binatang.

Berdasarkan kenyataan ini dapatlah disimpulkan bahawa semua binatang yang disembelih dengan kaedah moden ini halal dimakan dengan syarat sebelum penyembelihan didapati ia masih hidup mengikut cara yang telah ditentukan oleh agama. Kaedah penggunaan elektrik bukanlah digunakan untuk membunuh binatang itu secara mutlak tanpa dijalankan penyembelihan tetapi untuk memudahkan proses penyembelihan sahaja. Ini sejajar dengan hasil Muzakarah Fatwa Kali ke-22 yang telah memutuskan bahawa penggunaan kaedah 'Water Stunner' dalam proses sembelihan ayam adalah harus (Fatwa Berkaitan Halal: 2004).

### *3. Menyebut nama Allah dalam penyembelihan*

Perkara lain yang berkaitan dengan kaedah penyembelihan ini dan berhubung dengan beberapa ayat yang dikaji ialah isu menyebut nama Allah. Pada masa kini penyembelihan binatang terutamanya ayam dijalankan dalam jumlah yang banyak oleh pusat-pusat penyembelihan dan perlu dilakukan dalam masa yang singkat akibat permintaan yang begitu tinggi. Oleh itu, untuk menyebut nama Allah pada setiap ekor binatang yang disembelih adalah agak mustahil kerana jumlahnya kadang kala mencecah berpuluh ribu ekor sehari. Bagi mengatasi masalah ini, para penyembelih hanya menyebut sekali nama Allah untuk mewakili sejumlah binatang yang disembelih dan bukannya setiap binatang.

Situasi begini memang tidak wujud di zaman Rasulullah SAW mahupun para sahabat serta tidak pernah ada mana-mana pendapat ulama dahulu berkaitan perkara ini. Walau bagaimanapun, wujud beberapa asas yang telah diletakkan oleh mereka yang boleh dijadikan sandaran dalam mengeluarkan hukum berkaitan perkara ini. Antaranya menurut pendapat pengkaji ialah pendapat sesetengah ulama yang menghalalkan daging sembelihan yang tidak disebutkan nama Allah asalkan tidak

disebutkan nama selain Allah. Bagi yang berpegang kepada pendapat ini, apabila tanpa menyebut nama Allah dalam sembelihan juga halal hukumnya lebih-lebih lagi yang menyebut nama Allah hanya sekali untuk sejumlah binatang yang banyak yang tentu juga halal untuk dimakan.

#### 4. *Daging babi*

Pada masa kini bahan-bahan yang datang dari unsur babi dan dimasukkan dalam makanan kita bukannya datang dari daging babi semata-sama, bahkan ada yang yang diperbuat dari tulang, kulit, lemak dan mana-mana bahagian babi. Sudah diperjelaskan bahawa walaupun Allah hanya menyebut daging babi yang diharamkan dalam Islam, tetapi semantikanya membawa maksud umum termasuklah lemak, tulang dan apa jua bahagian tubuh badan babi itu.

Antara bahan yang sering diberi perhatian utama dewasa ini ialah gelatin, emulsifier, lesitin, lemak binatang dan enzim. Pada hakikatnya ada banyak lagi bahan yang dihasilkan dari unsur binatang termasuklah babi yang diharamkan dalam Islam dan jarang didengari oleh masyarakat biasa seperti gliserida, asid palmitik, asid miristik, asid kaprik, kalsium stearat, pankreatin dan banyak lagi. Bahan-bahan ini walaupun boleh dihasilkan dari lemak tumbuhan atau lemak binatang yang halal seperti lembu tetapi mempunyai kemungkinan besar dihasilkan dari salah satu bahagian babi sama ada tulang, darah, kulit, tisu, lemak, perut, pankreas dan sebagainya (Persatuan Pengguna Pulau Pinang: 2006). Ini kerana kebanyakan bahagian badan babi mempunyai kelebihan tersendiri yang sesuai untuk dimasukkan ke dalam makanan. Contoh yang paling jelas ialah gelatin yang dihasilkan dari sisa buangan binatang sembelihan yang biasanya dari kulit dan urat binatang seperti babi dan lembu. Tetapi sekalipun ia diperolehi daripada lembu kita tidak tahu sama ada lembu tersebut disembelih mengikut Islam atau tidak kerana lazimnya gelatin dihasilkan di negara-negara bukan Islam khususnya barat. Gelatin banyak digunakan dalam makanan sebagai bahan pemantap, pengemulsi, pemekat makanan, pengental, bahan lekatan dalam gula-gula dan bahan penggebu. Antara contoh makanan yang berkemungkinan besar menggunakan gelatin ini seperti jeli, aiskrim, gula-gula getah, pencuci mulut segera, jem, jus buah, dadih, keju, mentega, minuman susu masam dan sebagainya (Persatuan Pengguna Pulau Pinang: 2006).

Ayat al-Quran yang dikaji berkaitan dengan pengharaman daging babi dan bahan-bahan yang disebutkan di atas ialah maksud semantik yang boleh difahami dari perkataan 'daging babi' dalam al-Quran membawa kepada pengharaman bahan-bahan itu walaupun ia bukan dihasilkan dari dagingnya. Ini kerana semantik perkataan babi dalam ayat al-Quran bukan khusus kepada daging semata-mata tetapi semua bahagian tubuh babi. Dengan pemahaman semantik ini hukum memakan bahan-bahan tersebut adalah haram sekalipun ia dihasilkan dari tulang, tisu, perut, kulit, rambut babi dan bukannya dari daging seperti yang disebut dalam al-Quran.

## BAB 4

### PENGANALISAAN DATA DAN TEMU BUAL

#### 4.0 PENGENALAN

Tujuan borang selidik dan temu bual ini dijalankan adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan masyarakat terhadap pemahaman dan perkembangan terkini berkaitan isu makanan dalam al-Quran dan hubungannya dengan ketiga-tiga faktor bahasa Arab yang iaitu terminologi, semantik dan budaya. Responden kajian ini terdiri daripada pelbagai tahap pendidikan dan profesion. Dengan kaedah ini diharap keputusan yang lebih konkrit dapat dihasilkan bagi tujuan itu.

#### 4.1 ANALISA BORANG SOAL SELIDIK

Soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A yang bertujuan mengetahui latar belakang peribadi dan bahasa Arab responden secara ringkas. Bahagian B bertujuan mengetahui tahap pengetahuan responden dalam bidang linguistik. Manakala Bahagian C bertujuan mengetahui tahap pengetahuan masyarakat dalam isu makanan dalam al-Quran dan hubungannya dengan faktor linguistik ini.

Pengolahan dan penganalisan data dilakukan dengan menggunakan pakej komputer *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) ver. 11.5 for Windows* untuk mendapatkan suatu keputusan kajian. Kaedah analisis statistik yang telah digunakan bagi mengolah dan menganalisa data adalah seperti berikut:-

##### 1. Kaedah Analisis Statistik Deskriptif

Statistik deskriptif menggunakan arahan menu *Frequencies* (kekerapan). Analisis ini digunakan untuk menghasilkan kecenderungan memusat seperti nilai peratus, min, median, mod dan varians. Ia digunakan untuk mengira respon atau nilai dalam bentuk jadual frekuensi satu hala (*one-way*) bagi mengolah taburan data yang pelbagai (Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir: 2001, Singgih Santoso: 1999, Mohd Majid Konting: 1990).

## 2. Kaedah Analisis Jadual Silang (Crosstabs)

*Analisis Crosstabs* juga digunakan bagi menghasilkan dan mengolah taburan data dalam bentuk taburan Jadual Silang (*Crosstabulations*) yang terdiri dari ukuran baris dan lajur. Selain itu, arahan ini juga menghasilkan analisis hubungan korelasi dua-hala (*two-way*) dan pelbagai hala (*multi-way*) iaitu di antara pembolehubah baris dan pembolehubah lajur. Dengan menggunakan analisis ini, statistik korelasi seperti Pearson chi-Square (bagi data skala nominal) dan Kendall's tau dan Somers'd (bagi data skala ordinal). Analisis ini sebenarnya termasuk juga dalam statistik inferensi atau induksi dan merupakan perluasan skop dari statistik deskriptif yang dinyatakan. (Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir: 2001, Singgih Santoso: 1999, Mohd Majid Konting: 1990).

### 4.1.1. Analisis Deskriptif

#### 4.1.1.1 Bahagian A: Maklumat Peribadi Dan Latar Belakang Akademik

Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Frekuensi	Peratus	Peratus Kumulatif
Lelaki	117	39	39
Perempuan	183	61	100
<b>Jumlah</b>	<b>300</b>	<b>100</b>	

**Jadual 4.1** menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Bilangan responden perempuan ialah seramai 183 responden (61%), manakala bilangan responden lelaki ialah seramai 117 (39%).

Jadual 4.2: *Taburan Responden Mengikut Bahasa Pertuturan Pertama*

<b>Bahasa Pertuturan Pertama</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>	<b>Peratus Kumulatif</b>
Melayu	292	97.3	97.3
Arab	7	2.3	99.7
Inggeris	1	0.3	100.0
<b>Jumlah</b>	<b>300</b>	<b>100</b>	

Jadual 4.2 menunjukkan taburan responden mengikut bahasa pertuturan pertama. Majoriti responden menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama iaitu seramai 292 responden (97.3%). Sementara responden yang menggunakan bahasa Arab ialah seramai 7 responden (2.3%), manakala bahasa Inggeris pula ialah 1 responden (0.3%).

Jadual 4.3: *Taburan Responden Mengikut Bahasa Pertuturan Kedua*

<b>Bahasa Pertuturan Kedua</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>	<b>Peratus Kumulatif</b>
Melayu	2	0.7	0.7
Arab	117	39.0	39.7
Inggeris	177	59.0	98.7
Lain-lain	4	1.3	100
<b>Jumlah</b>	<b>300</b>	<b>100</b>	

Jadual 4.3 menunjukkan taburan responden mengikut bahasa pertuturan kedua. Sebahagian besar responden menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua iaitu seramai 177 responden (59.0%). Ini diikuti oleh bahasa Arab seramai 117 responden (39.0%). Manakala bahasa-bahasa lain ialah sebanyak 4 responden (1.3%) dan bahasa Melayu seramai 2 responden (0.7%).

Jadual 4.4: Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik

Kelayakan Akademik	Frekuensi	Peratus	Peratus Kumulatif
Diploma	68	22.7	22.7
Ijazah Pertama	144	48.0	70.7
Masters	82	27.3	98.0
PhD	6	2.0	100
<b>Jumlah</b>	<b>300</b>	<b>100</b>	

Jadual 4.4 menunjukkan taburan responden mengikut kelulusan akademik. Majoriti responden adalah dari golongan Ijazah Pertama (Sarjana Muda) iaitu seramai 144 responden (48.0%). Kemudian diikuti oleh kumpulan Masters (Sarjana) iaitu seramai 82 responden (27.3%). Manakala pemegang Diploma pula ialah seramai 68 responden (22.7%) dan PhD (Doktor Falsafah) seramai 6 responden (2.0%).

Jadual 4.5: Taburan Responden Mengikut Profesion

Profesion	Frekuensi	Peratus	Peratus Kumulatif
Pegawai	15	5.0	5.0
Pensyarah	105	35.0	40.0
Pelajar	162	54.0	94.0
Pengusaha Makanan	12	4.0	98.0
Guru/Tutor	6	2.0	100.0
<b>Jumlah</b>	<b>300</b>	<b>100</b>	

Jadual 4.5 menunjukkan taburan responden mengikut profesion. Didapati majoriti responden adalah pelajar iaitu seramai 162 responden ((54.0%). Ini diikuti dengan golongan pensyarah dengan 105 responden (35.0%), pegawai 15 responden (5.0%), pengusaha makanan 12 responden (4.0%) dan guru atau tutor seramai 6 responden (2.0%).

Jadual 4.6: Taburan Responden Mengikut Institusi

Institusi	Frekuensi	Peratus	Peratus
			Kumulatif
Kolej Universiti	155	51.7	51.7
Universiti	105	35.0	86.7
Jabatan	20	6.7	93.3
Sdn Bhd/Swasta	11	3.7	97.0
Kolej Swasta	8	2.7	99.7
Sekolah	1	0.3	100
<b>Jumlah</b>	<b>300</b>	<b>100</b>	

Jadual 4.6 menunjukkan taburan responden mengikut institusi. Majoriti responden terdiri dari penuntut kolej universiti iaitu seramai 155 responden (51.7%). Ia diikuti dengan universiti dengan 105 responden (35.0%), jabatan 20 responden (6.7%), syarikat swasta seramai 11 responden (3.7%), kolej swasta seramai 8 responden (2.7%) dan sekolah 1 responden (0.3%).

#### 4.1.1.2 Bahagian B: Pengetahuan Dalam Bidang Linguistik

Jadual 4.7: Penguasaan Responden Dalam Bahasa Arab Dan Bidang Linguistik

Soalan	Ya		Tidak		Tidak pasti	
	f	%	f	%	f	%
a. Adakah anda pernah mempelajari bahasa Arab?	280	93.3	16	5.3	4	1.3
b. Adakah anda menguasai bahasa Arab dengan baik?	156	52.0	93	31.0	51	17.0
c. Adakah anda mempunyai pengetahuan di dalam bidang linguistik Arab?	164	54.7	84	28.0	52	17.3
d. Adakah anda mengetahui bahawa terminologi, semantik dan budaya itu antara cabang-cabang ilmu linguistik?	140	46.7	84	28.0	76	25.3

**Jadual 4.7** di atas menunjukkan pecahan jawapan responden bagi penguasaan mereka dalam bahasa Arab dan bidang linguistik. Bagi soalan a: *Adakah anda pernah mempelajari bahasa Arab?*; terdapat seramai 280 responden (93.3%) menyatakan 'ya' bahawa mereka pernah mempelajari bahasa Arab. Seramai 16 responden (5.3%) menjawab 'tidak' dan 4 responden (1.3%) menjawab 'tidak pasti'. Manakala bagi soalan b: *Adakah anda menguasai bahasa Arab dengan baik?*; seramai 156 responden (52.0%) menjawab 'ya' bahawa mereka menguasai bahasa Arab dengan baik. Seramai 93 responden (32.0%) menjawab 'tidak' dan 51 responden (17.0%) menjawab 'tidak pasti'. Bagi soalan c: *Adakah anda mempunyai pengetahuan di dalam bidang linguistik Arab?*; seramai 164 responden (54.7%) menjawab bahawa mereka mempunyai pengetahuan dalam bidang linguistik. Seramai 84 responden (28.0%) menjawab 'tidak' dan 52 responden (17.3%) menjawab 'tidak pasti'. Bagi soalan d: *Adakah anda mengetahui bahawa terminologi, semantik dan budaya itu antara cabang-cabang ilmu linguistik?*; seramai 140 responden (46.7%) menjawab bahawa mereka mengetahui terminologi, semantik dan budaya merupakan cabang-cabang ilmu linguistik. Seramai 84 responden (28.0%) menjawab 'tidak' dan 76 responden (25.3%) menjawab 'tidak pasti'.

Jadual 4.8: *Kesan Linguistik Arab Terhadap Penghuraian Al-Quran*

Kenyataan	Setuju		Tidak setuju		Tidak pasti	
	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
a. Linguistik bahasa Arab mempunyai kaitan yang rapat terhadap penghuraian ayat al-Quran	268	89.3	1	0.3	31	10.3
b. Kefahaman dalam ilmu linguistik perlu untuk memahami sesuatu isu dalam al-Quran	263	87.7	1	0.3	36	12.0
c. Aspek terminologi, semantik, dan budaya perlu diberi perhatian dalam penghuraian al-Quran	224	74.7	6	2.0	70	23.3
d. Aspek terminologi, semantik dan budaya memberi kesan terhadap penghuraian isu makanan di dalam al-	208	69.3	4	1.3	88	29.3

Quran						
e. Pengetahuan yang mendalam tentang aspek terminologi, semantik dan budaya penting kepada para ulama dalam proses pengeluaran hukum	212	70.7	1	0.3	87	29.0

**Jadual 4.8** di atas menunjukkan pandangan responden terhadap kesan linguistik Arab dalam penghuraian al-Quran. Bagi kenyataan a: *Linguistik bahasa Arab mempunyai kaitan yang rapat terhadap penghuraian ayat al-Quran*; seramai 268 responden (89.3%) menyatakan bahawa bahasa Arab mempunyai kaitan yang rapat terhadap penghuraian ayat al-Quran. Seramai 31 responden (10.3%) 'tidak pasti' dan 1 responden (0.3%) 'tidak setuju'. Bagi kenyataan b: *Kefahaman dalam ilmu linguistik perlu untuk memahami sesuatu isu di dalam al-Quran*; seramai 263 responden (87.7%) bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seramai 36 responden (12.0%) 'tidak pasti' dan 1 responden (0.3%) 'tidak setuju'. Bagi kenyataan c: *Aspek terminologi, semantik dan budaya perlu diberi perhatian di dalam penghuraian al-Quran*; seramai 224 responden (74.7%) bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seramai 70 responden (23.3%) 'tidak pasti' dan 6 responden (2.0%) 'tidak setuju'.

Bagi kenyataan d: *Aspek terminologi, semantik dan budaya memberi kesan terhadap penghuraian isu makanan di dalam al-Quran*; seramai 208 responden (69.3%) bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seramai 88 responden (29.3%) 'tidak pasti' dan 4 responden (1.3%) 'tidak setuju'. Bagi kenyataan e: *Pengetahuan yang mendalam tentang aspek terminologi, semantik dan budaya penting kepada para ulama dalam proses pengeluaran hukum*; seramai 212 responden (70.7%) bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seramai 87 responden (29.0%) 'tidak pasti' dan 1 responden (0.3%) 'tidak setuju'.

#### 4.1.1.3 Bahagian C: Isu Mengenai Makanan Dalam Al-Quran

Jadual 4.9: Tahap Pengetahuan Masyarakat Terhadap Isu Makanan

Soalan	Ya		Tidak		Tidak pasti	
	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
a. Adakah anda mengetahui bahawa isu makanan banyak dibincangkan di dalam surah al-Mā'idah dan al-An'ām jika dibandingkan dengan surah-surah yang lain?	168	56.0	29	9.7	103	34.3
b. Adakah anda mengikuti perkembangan terkini tentang isu makanan halal?	262	87.3	10	3.3	28	9.3

Jadual 4.9 di atas menunjukkan tahap pengetahuan masyarakat terhadap isu makanan. Bagi soalan a: *Adakah anda mengetahui bahawa isu makanan banyak dibincangkan di dalam surah al-Mā'idah dan al-An'ām jika dibandingkan dengan surah-surah yang lain?*; seramai 168 responden (56.0%) menjawab 'ya' bagi soalan tersebut. Seramai 103 responden (34.3%) menjawab 'tidak pasti' dan 29 responden (9.7%) menjawab 'tidak'. Bagi soalan b: *Adakah anda mengikuti perkembangan terkini tentang isu makanan halal?*; seramai 262 responden (87.3%) menjawab 'ya' pada soalan tersebut. Seramai 28 responden (9.3%) menjawab 'tidak pasti' dan 10 responden (3.3%) menjawab 'tidak'.

Jadual 4.10: *Kesan Terminologi, Semantik Dan Budaya Dalam Penghuraian Al-Quran*

Soalan	Ya		Tidak		Tidak pasti	
	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
d. Adakah terminologi memainkan peranan yang besar dalam penghuraian isu makanan?	212	70.7	8	2.7	80	26.7
e. Adakah budaya setempat mempengaruhi corak pemakanan masyarakat?	275	91.7	7	2.3	18	6.0
f. Adakah semantik membantu dalam pemahaman penghuraian isu makanan?	204	68.0	9	3.0	87	29.0

**Jadual 4.10** di atas menunjukkan pendapat responden tentang kesan faktor terminologi, semantik dan budaya dalam penghuraian al-Quran. Bagi soalan d: *Adakah terminologi memainkan peranan yang besar dalam penghuraian isu makanan?*; seramai 212 responden (70.7%) menjawab 'ya' pada soalan tersebut. Seramai 80 responden (26.7%) menjawab 'tidak pasti' dan 8 responden (2.7%) menjawab 'tidak'. Bagi soalan e: *Adakah budaya setempat mempengaruhi corak pemakanan masyarakat?*; seramai 275 responden (91.7%) menjawab 'ya' pada soalan tersebut. Seramai 18 responden (6.0%) menjawab 'tidak pasti' dan 7 responden (2.3%) menjawab 'tidak'. Bagi soalan f: *Adakah semantik membantu dalam pemahaman penghuraian isu makanan?*; seramai 204 responden (68.0%) menjawab 'ya' pada soalan yang dikemukakan. Seramai 87 responden (29.0%) menjawab 'tidak pasti' dan 9 responden (3.0%) menjawab 'tidak'.

#### 4.1.2 Analisis Jadual Silang (*Crosstabulations*)

Tujuan analisis ini dijalankan adalah untuk mengetahui taburan kekerapan dan peratus peranan faktor demografik (profesion) terhadap pembolehubah penghuraian isu makanan dalam al-Quran.

Jadual 4.11: Taburan Kekerapan Dan Peratus Faktor Demografik (Profesion) Dengan Pembolehubah Penghuraian Isu Makanan Dalam Al-Quran.

BAHAGIAN C	Pemarkatan	Profesion										Jumlah Keseluruhan	
		Pegawai		Pensyarah		Pelajar		Pengusaha Makanan		Guru/Tutor			
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
SOALAN 1	Ya	12	4.0	75	25.0	73	24.3	4	1.3	4	1.3	168	56.0
	Tidak Pasti	3	1.0	24	8.0	68	22.7	6	2.0	2	0.7	103	34.3
	Tidak	-	-	6	2.0	21	7.0	2	0.7	-	-	29	9.7
Jumlah keseluruhan S1		15	5.0	105	35.0	162	54.0	12	4.0	6	2.0	300	100
SOALAN 2	Ya	15	5.0	98	32.7	132	44	11	3.7	6	2.0	262	87.3
	Tidak Pasti	-	-	4	1.3	24	8.0	-	-	-	-	28	9.3
	Tidak	-	-	3	1.0	6	2.0	1	0.3	-	-	10	3.3
Jumlah keseluruhan S2		15	5.0	105	35.0	162	54.0	12	4.0	6	2.0	300	100
SOALAN 4	Ya	14	4.7	89	29.7	95	31.7	11	3.7	3	1.0	212	70.7
	Tidak pasti	1	0.3	15	5.0	60	20.0	1	0.3	3	1.0	80	26.7
	Tidak	-	-	1	0.3	7	2.3	-	-	-	-	8	2.7
Jumlah keseluruhan S4		15	5.0	105	35.0	162	54.0	12	4.0	6	2.0	300	100
SOALAN 5	Ya	14	4.7	102	34.0	144	48.0	12	4.0	3	1.0	275	91.7
	Tidak Pasti	1	0.3	3	1.0	11	3.7	-	-	3	1.0	18	6.0
	Tidak	-	-	-	-	7	2.3	-	-	-	-	7	2.3
Jumlah keseluruhan S5		15	5.0	105	35	162	54.0	12	4.0	6	2.0	300	100
SOALAN 6	Ya	12	4.0	87	29.0	92	30.7	8	2.7	5	1.7	204	68.0
	Tidak Pasti	2	0.7	17	5.7	64	21.3	4	1.3	-	-	87	29.0
	Tidak	1	0.3	1	0.3	6	2.0	-	-	1	0.3	9	3.0
Jumlah keseluruhan S6		15	5.0	105	35.0	162	54	12	4.0	6	2.0	300	100

Jadual 4.11 menunjukkan taburan kekerapan dan peratus kepelbagaian jawapan di antara pembolehubah penghuraian isu makanan dengan faktor profesion responden.

**Soalan pertama:** Adakah anda mengetahui bahawa isu makanan dibincangkan di dalam surah al-Māidah dan al-An'ām jika dibandingkan dengan surah-surah lain?

Merujuk soalan pertama dalam jadual tersebut, menunjukkan bilangan responden yang memberikan jawapan 'ya' adalah seramai 168 orang (56%), 'tidak pasti' seramai 103 orang (34.3%) dan jawapan 'tidak' adalah seramai 29 orang (9.7%). Penyumbang terbesar jawapan 'ya' adalah bagi profesion 'pensyarah' iaitu seramai 75 orang (25%), diikuti dengan 'pelajar' iaitu 73 orang (24.3%), 'pegawai' iaitu 12 orang (4.0%) dan

bagi profesion 'pengusaha makanan' dan 'guru/tutor' adalah masing-masing seramai 4 orang iaitu (1.3%). Ini bermakna secara puratanya, sebanyak 56% responden mengetahui bahawa isu makanan ada dibincangkan dalam surah al-Māidah dan al-An'ām dalam al-Quran dengan penyumbang terbesar peratusnya adalah dari kalangan para pensyarah dan pelajar dan diikuti dengan responden dari profesion-profesion yang lain.

**Soalan kedua:** *Adakah anda mengikuti perkembangan terkini tentang isu makanan halal?*

Merujuk soalan kedua dalam jadual tersebut, menunjukkan bilangan responden yang memberikan jawapan 'ya' adalah seramai 262 orang (87.3%), 'tidak pasti' seramai 28 orang (9.3%) dan jawapan 'tidak' adalah seramai 10 orang (3.3%). Penyumbang terbesar jawapan 'ya' adalah bagi profesion 'pelajar' iaitu seramai 132 orang (44%), diikuti dengan 'pensyarah' iaitu 98 orang (32.7%), 'pegawai' iaitu 15 orang (5.0%) dan bagi profesion 'pengusaha makanan' adalah seramai 11 orang (3.7%) dan akhir sekali, 'guru/tutor' adalah seramai 6 orang iaitu (2.0%).

**Soalan keempat:** *Adakah terminologi memainkan peranan yang besar dalam penghuraian isu makanan?*

Merujuk soalan keempat dalam jadual tersebut, menunjukkan bilangan responden yang memberikan jawapan 'ya' adalah seramai 212 orang (70.7%), 'tidak pasti' seramai 80 orang (26.7%) dan jawapan 'tidak' adalah seramai 8 orang (2.7%). Penyumbang terbesar jawapan 'ya' adalah bagi profesion 'pelajar' iaitu seramai 95 orang (31.7%), diikuti dengan 'pensyarah' iaitu 89 orang (29.7%), 'pegawai' iaitu 14 orang (4.7%) dan bagi profesion 'pengusaha makanan' adalah seramai 11 orang (3.7%) dan akhir sekali, 'guru/tutor' adalah seramai 3 orang iaitu (1.0%).

**Soalan kelima:** *Adakah budaya setempat mempengaruhi corak pemakanan masyarakat?*

Merujuk soalan kelima dalam jadual tersebut, menunjukkan bilangan responden yang memberikan jawapan 'ya' adalah seramai 275 orang (91.7%), 'tidak pasti' seramai 18 orang (6.0%) dan jawapan 'tidak' adalah seramai 7 orang (2.3%). Penyumbang terbesar jawapan 'ya' adalah bagi profesion 'pelajar' iaitu seramai 144 orang (48.0%), diikuti dengan 'pensyarah' iaitu 102 orang (34.0%), 'pegawai' iaitu 14 orang (4.7%) dan bagi profesion 'pengusaha makanan' adalah seramai 12 orang (4.0%) dan akhir sekali, 'guru/tutor' adalah seramai 3 orang iaitu (1.0%).

**Soalan keenam:** *Adakah semantik membantu dalam pemahaman penghuraian isu makanan?*

Merujuk soalan keenam dalam jadual tersebut, menunjukkan bilangan responden yang memberikan jawapan 'ya' adalah seramai 204 orang (68.0%), 'tidak pasti' seramai 87 orang (29.0%) dan jawapan 'tidak' adalah seramai 9 orang (3.0%). Penyumbang terbesar jawapan 'ya' adalah bagi profesion 'pelajar' iaitu seramai 92 orang (30.7%), diikuti dengan 'pensyarah' iaitu 87 orang (29.0%), 'pegawai' iaitu 12 orang (4.0%) dan bagi profesion 'pengusaha' makanan' adalah seramai 8 orang (2.7%) dan akhir sekali, 'guru/tutor' adalah seramai 5 orang iaitu (1.7%).

### **Kesimpulan Jadual Silang**

Secara keseluruhannya, walaupun dilihat bahawa pelajar adalah kumpulan yang paling besar menyumbang kepada jawapan 'ya' kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan, namun jika dilihat kepada peratusan responden yang menjawabnya mengikut profesion didapati bahawa jawapan 'ya' kumpulan pelajar adalah lebih sedikit dari kumpulan pensyarah. Merujuk kepada jumlah responden mengikut profesion ialah pelajar 162, pensyarah 105, pegawai 15, pengusaha makanan 12 dan guru 6. Dalam soalan pertama seramai 75 pensyarah dari 105 atau 71.4% telah menjawab 'ya' dan pelajar seramai 73 orang dari 162 atau 45% menjawab 'ya'. Bagi soalan kedua seramai 132 pelajar dari 162 atau 81.5% menjawab 'ya' sementara bagi pensyarah ialah 98 pensyarah dari 105 atau 93.3%. Bagi soalan keempat pula, seramai 95 pelajar dari 162 atau 58.6% telah menjawab 'ya', sementara dari kalangan pensyarah ialah seramai 89 orang dari 105 atau 84.8%. Bagi soalan kelima, seramai 144 pelajar dari 162 atau 88.8% menjawab 'ya', manakala pensyarah ialah 102 orang

dari 105 atau 97.1%. Bagi soalan keenam pula, seramai 92 pelajar dari 162 atau 56.8% menjawab 'ya', sementara pensyarah pula ialah seramai 87 orang dari 105 atau 82.8% memberikan jawapan 'ya'.

Ini bermakna, jika dibandingkan antara dua kumpulan responden yang terbesar dalam soal selidik ini iaitu pelajar dan pensyarah didapati bahawa peratusan pensyarah di dalam kumpulannya sendiri yang menjawab 'ya' adalah lebih banyak berbanding pelajar dalam setiap soalan yang dikaji.

## **4.2 LAPORAN TEMU BUAL**

### **4.2.1 Temu Bual 1**

Satu temu bual telah diadakan dengan Tuan Haji Zakaria bin Hj Itam, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, Negeri Sembilan pada 03 Mei 2006 mengenai isu makanan halal. Laporrannya adalah seperti berikut:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) merupakan salah satu jabatan yang memainkan peranan penting dalam isu jaminan halal bagi makanan dan gunaan umat Islam di Malaysia khususnya di Negeri Sembilan. Menyedari hakikat pentingnya umat Islam mendapat jaminan halal terhadap makanan dan barangan gunaan dalam kehidupan, maka JHEAINS telah menubuhkan sebuah Unit Akidah dan Kajian Makanan dan Gunaan orang Islam untuk tujuan tersebut. Dalam sesi temu bual yang dijalankan oleh penyelidik mengenai isu ini, banyak maklumat serta fakta yang bermanfaat diperolehi. Beberapa persoalan telah dilontarkan dan input yang diberi diharap dapat melengkapkan kajian ini.

Dalam soal sensitiviti masyarakat khususnya masyarakat Islam masa kini terhadap isu makanan dan barangan gunaan Islam, didapati mereka amat sensitif dan memandang serius permasalahan ini. Hal ini adalah kerana golongan dewasa atau golongan tua seperti ibu dan bapa kita kebanyakannya terdiri daripada mereka yang berpendidikan agama semenjak kecil dan didedahkan tentang peri pentingnya menjaga status halal makanan dan minuman serta segala yang berkaitan dengan kehidupan

semenjak kecil melalui pendidikan tidak formal. Kelas fardu ain yang dihadiri oleh masyarakat Islam khususnya masyarakat kampung pula, memberi impak yang besar terhadap penambahan kefahaman ini. Selain ilmu fardu ain seperti solat, puasa dan sebagainya, penekanan terhadap kesucian zahir dan batin turut diberikan. Makanan seharian dipastikan dari sumber yang halal, contohnya seperti daging sembelihan, pakaian dari kulit yang halal dan lain-lain lagi.

Kesedaran ini semakin bertambah dengan kesedaran yang diwarakan oleh kerajaan kita pada hari ini. Atas inisiatif untuk memastikan masyarakat Islam terus berada dalam keberkatan, maka beberapa agensi telah ditubuhkan sebagai pemantau, antaranya JAKIM, JAIN dan lain-lain. Penyelidikan terhadap produk halal juga dilakukan seperti penyelidikan terhadap barangan kosmetik, barangan kegunaan, malah turut melangkaui bidang kebudayaan dan kesenian. Sijil halal yang dikeluarkan juga diberikan hanya bagi yang benar-benar layak dan memenuhi kriteria yang telah disyaratkan. Tempoh sijil yang hanya sah selama dua tahun ini akan diperbaharui seandainya sesebuah syarikat tersebut terus mematuhi syarat-syarat pensijilan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Menyentuh peranan masyarakat terhadap isu penentuan makanan dan barangan kegunaan halal, menurut Tuan Haji Zakaria, masyarakat juga memainkan peranan yang penting. Masyarakat yang prihatin, selain memastikan makanan dan barangan keperluan sehariannya halal, mereka juga perlu bertindak seandainya terdapat pusat-pusat penyembelihan yang meragukan, atau terdapat barangan yang dikhuatiri tidak halal dengan melaporkan segera kepada pihak berkuasa untuk tindakan drastik. Kerjasama masyarakat ini boleh membantu pihak berkuasa membuat pemantauan. Menurut beliau, setakat ini kerjasama masyarakat dalam hal ini amat positif dan memberangsangkan. Hal ini mempercepatkan pemantauan pihak berkuasa atau memudahkan mereka membuat pemeriksaan mengejut ke premis berkenaan.

Mengenai kepentingan dan peranan bahasa Arab terhadap penghuraian isu makanan dalam al-Quran, beliau bersetuju seratus peratus bahawa pemahaman terhadap bahasa ini sangat penting dan peranannya cukup besar kerana al-Quran sendiri berbahasa Arab. Ulama fiqh terdahulu juga adalah pakar dalam bahasa Arab. Kepakaran ini membantu mereka menghuraikan hukum yang tersirat dalam al-Quran

terutamanya isu makanan yang ada ketikanya berbentuk umum dan perlukan penghuraian. Kepakaran dalam bahasa Arab dapat membantu menyelesaikan pelbagai permasalahan yang timbul berkaitan isu-isu halal semasa yang tidak dinyatakan secara terperinci di dalam al-Quran.

Sesi temu bual ini juga mengajukan persoalan terhadap isu kepentingan pegawai yang berkenaan mengetahui bahasa Arab untuk memahami isu makanan dalam al-Quran. Menurut beliau, ia dilihat amat penting kerana isu makanan halal telah menjadi isu global masa kini dan rujukan terhadapnya yang asas adalah al-Quran. Setakat ini, di JHEAINS, secara umumnya, terdapat sebuah jawatan kuasa syariah dan fatwa yang terdiri daripada tokoh-tokoh ulama. Selain kajian terhadap fatwa semasa, mereka juga bersedia menerima maklumat berkenaan kajian berkaitan isu-isu makanan yang terkini. Saranan juga diberikan oleh beliau untuk mewujudkan kepakaran di jabatan tersebut dengan menyediakan pakar yang mahir dalam pentafsiran ayat al-Quran berkaitan isu makanan kerana kerajaan Malaysia sekarang sedang giat mempromosikan makanan halal ke seluruh dunia. Di samping itu, kerajaan juga menjalankan usahasama yang erat dengan negara-negara Timur Tengah dan hal ini memerlukan petugas yang berkemahiran dalam bahasa Arab.

Dengan kesedaran masyarakat yang kian meningkat dalam isu halal ini, peranan jabatan agama negeri juga semakin terserlah. Dengan bantuan yang diberikan oleh JAKIM, jabatan ini perlu mewujudkan satu unit khas bukan setakat pemantauan dan siasatan untuk mengeluarkan sijil halal tetapi juga berperanan untuk memberikan kesedaran yang boleh diletakkan di bawah Unit Dakwah. Satu perkembangan yang sangat positif terhadap kesedaran ini terbukti dengan permohonan yang kian meningkat terhadap sijil halal terutamanya daripada golongan pengusaha bukan Islam. Hal ini adalah kerana umat Islam yang mewakili 1.5 bilion rakyat Malaysia keseluruhannya merupakan antara pelanggan terbesar di pasaraya mahu pun di premis-premis makanan.

Selain itu, kesenian dan kebudayaan juga terangkum di bawah pemantauan bagi penentuan status halal. Aspek halal yang dimaksudkan ialah kesenian dan kebudayaan tersebut perlulah mematuhi nilai-nilai murni yang telah ditetapkan dalam agama dan selaras dengan prinsip ketimuran masyarakat kita. Kesenian yang bermutu

tinggi dari kaca mata Islam adalah yang tidak melalaikan masyarakat, malah membawa mereka kepada kesedaran dan keinsafan. Budaya kesopanan juga telah dinobatkan sebagai identiti masyarakat Malaysia.

Keselarasan bentuk logo halal yang digunakan juga disentuh. Kekeliruan ke atas logo halal juga timbul kerana tiada keselarasan ini. Untuk tujuan tersebut, pihak JAKIM telah menetapkan hanya satu bentuk logo sahaja diguna pakai di seluruh Malaysia, cuma yang membezakannya adalah kod negeri masing-masing. Premis yang telah mendapat kelulusan persijilan halal JAKIM/ JAIN/ MAIN hendaklah mempamerkan logo halal yang diberikan di premis-premis mereka. Permohonan sijil ini perlulah diperbaharui dua tahun sekali.

#### **4.2.2 Temu Bual 2**

Satu sesi temu bual kedua telah diadakan bersama Puan Mariam Abdul Latif, Ketua Penolong Pengarah (Kajian dan Pengesahan) Bahagian Halal Hub di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada hari Isnin bertarikh 15 Mei 2006. Laporrannya seperti berikut:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) merupakan sebuah agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk memantau status halal bagi produk makanan di Malaysia serta menyusun prosedur-prosedur pensijilan halal yang komprehensif. JAKIM telah menubuhkan beberapa bahagian khas untuk tujuan tersebut termasuklah Bahagian Halal Hub dan Bahagian Kajian Makanan dan Barangan Gunaan Islam. JAKIM juga telah mengambil langkah-langkah yang aktif dalam memperkenalkan Malaysia sebagai pelopor dan model dalam pensijilan halal dunia.

Menurut Puan Mariam, belum ada data atau statistik yang dilakukan untuk mengetahui tahap kesedaran masyarakat muslim di Malaysia terhadap status halal makanan. Namun, beliau mengakui bahawa adalah penting bagi masyarakat Islam di Malaysia untuk menyedari dan mengetahui perihal makanan yang halal. Menurut data yang diperolehi oleh JAKIM, pengeluaran makanan halal di dunia semakin meningkat ekoran peningkatan permintaan daripada umat Islam di seluruh dunia. Hal ini

sebenarnya menunjukkan bahawa kesedaran masyarakat Islam di dunia semakin meningkat. Menurut beliau lagi, umat Islam seharusnya menjadi lebih sensitif dengan isu makanan halal kerana Allah telah menegaskan bahawa umat Islam mestilah mengambil makanan yang baik lagi halal dalam kehidupan seharian mereka. Perkara ini menjadi kewajipan setiap individu muslim kerana makanan yang dimakan akan menjadi darah daging mereka.

Masyarakat atau dalam konteks ini pengguna merupakan elemen asas dalam menjayakan makanan halal. Pasaran makanan halal adalah berdasarkan permintaan. Oleh yang demikian, para pengguna memainkan peranan yang penting dalam menentukan pasaran tersebut. Dalam erti kata lain, masyarakat Islam perlu peka serta mengambil berat terhadap perkembangan industri makanan. Dalam hal ini, beliau berpendapat bahawa masyarakat Islam perlu mengetahui bahasa Arab terutamanya mereka yang mempelajari syariah. Hal ini kerana penghuraian ayat al-Quran memerlukan kepada golongan pakar dalam bahasa Arab. Dalam pada itu, beliau juga berpendapat bahawa perlu ada pakar bahasa Arab (*Arabic linguists*) di JAKIM sendiri untuk bekerjasama dengan ahli syariah untuk mengupas isu makanan. Beliau menyatakan bahawa adalah tidak mustahil untuk melahirkan generasi masyarakat Islam yang boleh berbahasa Arab sekiranya pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut dititikberatkan dari peringkat sekolah rendah lagi. Beliau mengakui bahawa bahasa Arab menjadi semakin penting kerana ia merupakan salah satu bahasa yang digunakan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Beliau juga berharap agar masyarakat muslim di Malaysia mampu bertutur dalam bahasa ini di masa akan datang.

Berbalik kepada peranan JAKIM dalam makanan halal, Puan Mariam menegaskan bahawa badan ini bertanggungjawab terhadap apa jua yang disentuh dan dimakan oleh masyarakat Islam. Oleh itu, sebarang permintaan logo halal bagi jenama yang mengelirukan akan ditolak oleh pihak JAKIM agar para pengguna tidak ragu-ragu untuk membeli produk tersebut. Para pengguna boleh mendapatkan maklumat mengenai status halal bagi sesuatu produk makanan melalui beberapa cara iaitu melalui internet atau laman web JAKIM ([www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)), sistem pesanan ringkas (SMS) dan buletin yang diterbitkan oleh JAKIM. JAKIM juga bekerjasama dengan pihak Jabatan Agama Islam Negeri, SIRIM, Kementerian Kesihatan Malaysia,

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia dan Institut Pembangunan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI) bagi memantau pengeluaran produk halal yang bermutu serta memastikan maklumat mengenai makanan halal diketahui oleh masyarakat.

Dalam usaha memberi kesedaran kepada masyarakat, pelbagai medium dijadikan wadah untuk mendidik kesedaran masyarakat terhadap kepentingan memastikan makanan dan barangan halal seperti melalui seminar, khutbah, persidangan (pembentangan kertas kerja dan lain-lain), siaran radio dan televisyen, akhbar, majalah dan sebagainya. Maklumat ini diharapkan dapat meningkatkan kefahaman masyarakat di samping menyalurkan maklumat yang tepat dan semasa berkaitan isu tersebut.

Melalui wawancara-wawancara yang dijalankan ini, jelaslah terbukti bahawa kerajaan Malaysia begitu menitikberatkan isu halal sama ada yang berkaitan dengan makanan, barangan kegunaan mahupun kesenian dan kebudayaan. Usaha-usaha pemantauan dan penganugerahan sijil halal juga merupakan proses yang teliti dan pembatalan sijil akan dikenakan bagi premis yang mengabaikan syarat-syarat yang dimetra. Penubuhan beberapa jabatan kerajaan dalam menyelenggarakan jaminan halal ini adalah langkah bijak kerajaan memastikan rakyatnya hidup sihat, cergas dan sentiasa berada dalam keberkatan Ilahi. Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana urusan agama kita masih terpelihara tidak seperti di negara-negara lain yang sentiasa ditimpa ujian dari-Nya. Ucapan terima kasih juga buat kerajaan Malaysia yang begitu prihatin terhadap kebajikan rakyatnya, khususnya masyarakat yang beragama Islam.

## BAB 5

### DAPATAN KAJIAN DAN CADANGAN

#### 5.1 DAPATAN KAJIAN

Seperti yang telah sedia maklum, bahawa bahasa Arab mempunyai kaitan yang amat rapat dengan al-Quran kerana ia merupakan bahasa rasmi yang digunakan oleh al-Quran. Oleh itu, faktor-faktor bahasa Arab seperti terminologi, semantik dan budaya sudah pasti mempunyai peranan dalam al-Quran terutamanya apabila melibatkan penghuraian ayat-ayatnya seperti isu makanan. Ini kerana, kebanyakan ayat-ayat al-Quran khususnya yang melibatkan hukum-hakam hanya dinyatakan secara ringkas dan menyentuh perkara-perkara dasar. Oleh itu, manusialah yang akan mentafsirkannya mengikut kemampuan akal fikiran masing-masing dengan berpandukan kepada sumber-sumber yang ada. Sebenarnya al-Quran yang bersifat ringkas bukanlah menjadi satu kecacatan kepadanya bahkan keistimewaan yang tidak dapat ditandingi oleh mana-mana kitab suci lain atau sebarang karya kerana ia padat dan sempurna, mencakupi semua aspek kehidupan manusia di samping dapat membuka ruang kepada manusia mengeluarkan pendapat dan pandangan masing-masing.

Dalam keadaan ini dapat dilihat peranan yang dimainkan oleh ketiga-tiga faktor bahasa Arab dan linguistik ini iaitu terminologi, semantik dan budaya dalam menghuraikan maksud sebenar ayat al-Quran yang serba ringkas itu. Situasi ini juga menyebabkan wujudnya penghuraian yang berbeza di kalangan ulama dan hukumnya terhadap sesuatu ayat yang dibincangkan. Ini berlaku kerana setiap ulama mempunyai pandangan, tahap pemikiran dan aspek tumpuan yang berbeza. Dalam dapatan kajian penyelidikan ini, pengkaji akan membahagikannya kepada dua bahagian utama:

### 5.1.1 Kajian Perputakaan: Kesan Terminologi, Semantik Dan Budaya Dalam Penghuraian Isu Makanan Dalam Surah Al-Māidah Dan Surah Al-Anʿām

Dapatan kajian yang diperolehi dalam bahagian ini ialah:

1. Pemilihan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran adalah tepat kerana keistimewaan-keistimewaan dan sifat-sifat yang dimiliki olehnya. Bahasa Arab adalah bahasa yang paling kukuh dan mantap sehingga mampu bertahan hingga ke hari ini. Ia telah dijamin oleh Allah akan kekal sehingga ke hari kiamat dengan kewujudan al-Quran.
2. Sesiapa yang ingin mendalami ajaran Islam mesti menguasai bahasa Arab dengan baik kerana sumber-sumber utamanya tertulis di dalam bahasa Arab. Ia termasuklah al-Quran sendiri, hadis dan kitab-kitab *turāth* yang muktabar.
3. Surah al-Māidah dan surah al-Anʿām merupakan dua surah *madaniah* yang paling banyak menceritakan tentang hukum makanan secara langsung dan terperinci. Faktor inilah yang menjadi asas pemilihan dua surah ini untuk dikaji. Terdapat 10 ayat yang menceritakan tentang isu makanan dan minuman dalam surah al-Māidah dan 9 ayat dalam surah al-Anʿām. Walau bagaimanapun, hanya terdapat 5 ayat yang mempunyai kaitan dengan ketiga-tiga faktor bahasa yang dikaji dalam surah al-Māidah dan 5 ayat juga dalam surah al-Anʿām.
4. Ketiga-tiga faktor linguistik yang dikaji iaitu terminologi, semantik dan budaya mempunyai hubungan yang signifikan dengan penghuraian ulama dalam isu makanan dalam al-Quran. Dalam menghuraikan sesuatu ayat al-Quran dalam isu makanan para ulama menggunakan pengaruh ketiga-tiga faktor ini untuk mengeluarkan hukum dan pandangan.
5. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa dalam setiap ayat yang dikaji, ia tidak semestinya dipengaruhi oleh salah satu faktor bahasa Arab ini sahaja. Dalam sesetengah ayat penghuraiannya mungkin dipengaruhi oleh dua atau ketiga-tiga faktor tersebut. Penjelasan lanjut tentang kesan faktor bahasa Arab iaitu terminologi, semantik dan budaya terhadap ayat-ayat yang dikaji dalam dua surah tersebut dapat diringkaskan dalam jadual di bawah:

## Surah Al-Māidah

Jadual 5.1: Pecahan Kesan Aspek Terminologi, Semantik Dan Budaya Dalam Ayat-Ayat Yang Dikaji

Perkataan yang dikaji	Terminologi	Semantik	Budaya	Ulasan
Ayat 1				
(1) بهيمة الأنعام	√	√	√	-Penghuraiannya dipengaruhi oleh faktor bahasa dalam ketiga-tiga aspek yang dikaji. Aspek semantik dan terminologi menjadi faktor utama penyebab perbezaan pendapat dalam kalangan ulama dalam penghuraian perkataan <i>bahīmah</i> . Selain daripada itu, aspek <i>ʿurf</i> juga berperanan dalam penghuraian ayat ini.
(2) إلا ما يتلى عليكم		√		-Ciri penerangan bahagian ayat ini secara <i>mujmal</i> atau umum telah mempengaruhi penghuraiannya dari segi semantik. Penerangan secara umum ini bertujuan memberi gambaran awal bahawa bukan semua <i>bahīmah al-anʿām</i> boleh dimakan oleh orang Islam.
Ayat 3				
(1) حرمت عليكم الميتة		√		-Aspek semantik banyak mempengaruhi penghuraian perkataan (حرمت) kerana ia dikaitkan dengan ciri <i>iqtidhāʾ</i> .

(2) إلا ما ذكيتم		√		-Aspek semantik yang terdapat pada perkataan 'kecuali' ( <i>istisnā'</i> ) memberi kesan kepada penghuraian hukum memakan daging binatang.
Ayat 4 (1) مكليين	√		√	-Dari segi terminologi, perkataan ini membawa maksud binatang buas yang digunakan untuk berburu dan tidak khusus kepada anjing sahaja. Dalam ayat ini, penggunaan perkataan <i>kilāb</i> yang bermaksud anjing dipengaruhi oleh faktor <i>urf</i> kerana kebiasaan masyarakat Arab menggunakan anjing untuk berburu.
Ayat 90 (1) الخمر	√	√	√	-Penghuraian ayat ini dipengaruhi oleh ketiga-tiga aspek bahasa yang dikaji. Dari sudut terminologi, <i>al-khamr</i> bukan hanya membawa maksud minuman yang memabukkan tetapi juga boleh menghilangkan kewarasan seseorang apabila meminumnya. Skop pengharaman arak lebih luas dari aspek semantik dan <i>urf</i> atau budaya.
Ayat 96 (1) صيد البحر وطعامه	√	√	√	-Aspek semantik dilihat lebih banyak mempengaruhi penghuraian ayat ini. Manakala, aspek terminologi pula

				sebenarnya memandu pentafsir kepada penghuraian ayat dari aspek semantik. Selain daripada itu, aspek <i>urf</i> juga memainkan peranan apabila para ulama menjadikan pandangan orang Arab sebagai penanda aras kepada penentuan halal sesuatu makanan.
--	--	--	--	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

### Surah Al-An'ām

Ayat	Terminologi	Semantik	Budaya atau <i>Urf</i>	Ulasan
1) Ayat 118 فكلوا مما ذكر اسم الله		√		<p>-Faktor semantik memainkan peranan yang besar dalam menghuraikan maksud penyembelihan dengan menyebut nama Allah.</p> <p>-Penyembelihan binatang dengan menyebut “<i>bismillāhir rahmānir rahīm</i>” atau “<i>bismillah</i>” adalah halal dimakan manakala jika untuk tujuan penyembahan atau pemujaan maka binatang sembelihan itu tidak lagi halal dimakan.</p>
2) Ayat 119 وما لكم ألا تأكلوا مما ذكر اسم الله		√		<p>-Faktor semantik dikesan mempengaruhi penghuraian ayat ini.</p> <p>-Selain daripada menekankan kepada peri pentingnya menyebut</p>

				nama Allah ketika menjalankan proses penyembelihan, ayat ini juga menerangkan tentang wujudnya perbezaan antara cara dan tujuan penyembelihan yang dilakukan oleh orang yang beriman dengan orang yang jahil dan ingkar dengan suruhan Allah.
3) Ayat 121 ولا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يَنْكُرْ اسْمَ اللَّهِ وَإِنَّهُ لَفَسْقٌ		√		-Faktor semantik dari sudut bahasa yang menghuraikan peranan huruf (الواو) bagi وإنه لفسق -Huruf ini membawa tiga maksud iaitu pertama: mengikuti; kedua: berhenti; dan ketiga: hal keadaan. -Susulan daripada tiga perbezaan maksud bagi huruf ini maka berlakulah penghuraian yang pelbagai dalam kalangan ulama tentang menyebut nama Allah ketika penyembelihan binatang.
4) Ayat 141 مَتَشَابِهًا وَغَيْرَ مَتَشَابِهٍ	√		√	-Faktor terminologi yang menerangkan kepelbagaian buah-buahan dan sayur-sayuran mempunyai persamaan rupa tetapi berlainan rasa. -Budaya juga mempengaruhi penghuraian ayat ini. -Buah-buahan yang telah disebutkan dalam ayat ini secara

				‘urfnya (kebiasaanya) terdapat di negara-negara Arab.
5) Ayat 145 ميتة	√	√	√	-Perkataan (ميتة) atau bangkai dari sudut terminologi bermaksud binatang yang sudah mati. -Dari sudut semantik pula ia bermaksud semua benda kotor seperti najis dan kotoran tanah. -Budaya atau ‘urf juga turut mempengaruhi penghuraian perkataan ini iaitu semua yang dianggap kotor oleh bangsa Arab hukumnya haram.
دما مسفوحا	√	√	√	-Perkataan ‘darah yang mengalir’ (دما مسفوحا) dari sudut terminologi bermaksud darah yang mengalir atau tumpah dari tempatnya. -Dari sudut semantik pula ia bermaksud darah yang masih mengalir atau keluar dari haiwan sama ada ketika masih hidup atau yang keluar dari urat lehernya ketika disembelih. -Budaya atau ‘urf memainkan peranan secara tidak langsung dalam penghuraian perkataan ini dalam pengharamannya.
لحم خنزير		√		-Perkataan ‘daging khinzir’ (لحم خنزير) membawa maksud

<p>أهل لغير الله</p>		<p>√</p>	<p>√</p>	<p>semantik iaitu tidak terhad kepada daging semata-mata malah termasuk lemak, urat dan kulit.</p> <p>-Penghuraian dari sudut semantik ini juga meliputi barangan atau produk yang dihasilkan dari binatang tersebut atau yang bercampur dengannya.</p> <p>-Perkataan (أهل لغير الله) atau sembelihan yang bukan kerana Allah SWT membawa maksud semantik iaitu sesuatu penyembelihan terhadap binatang yang halal dimakan mestilah menepati hukum syarak.</p> <p>-Dari sudut budaya penghuraian ayat ini mengisahkan tentang kaum jahiliah yang menyebut nama berhala ketika penyembelihan dan ini telah menyebabkan pengharaman memakan binatang yang disembelih bukan atas nama Allah.</p>
----------------------	--	----------	----------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

6. Dari jadual di atas didapati bahawa dari 10 ayat yang dikaji menunjukkan bahawa faktor semantik lebih banyak mempengaruhi penghuraiannya dalam isu makanan dan minuman berbanding faktor terminologi dan budaya. Didapati bahawa faktor semantik telah mempengaruhi sebanyak 13 kali berbanding budaya sebanyak 8 kali dan terminologi 7 kali.

## 5.1.2 Kajian Lapangan: Dapatan Dari Analisa Borang Soal Selidik Dan Temu Bual

### 5.1.2.1 Borang soal selidik

1. Majoriti responden yang menjawab borang soal selidik ini bertutur di dalam bahasa Melayu sebagai bahasa pertama mereka, sementara bahasa kedua pula ialah sama ada bahasa Inggeris atau bahasa Arab. Ini menunjukkan bahawa sebahagian dari responden sekurang-kurangnya memahami atau mampu bertutur dalam bahasa Arab sekalipun tidak dapat menguasai sepenuhnya.

2. Dari segi kelayakan akademik, sebahagian besar responden adalah dari kalangan pelajar yang sudah memiliki atau sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda iaitu sebanyak 144 orang. Ini diikuti dengan Sarjana dan Diploma. Secara tidak langsung ia mempengaruhi jenis pekerjaan para responden dengan kumpulan pelajar adalah bilangan terbesar dengan 162 orang, diikuti pensyarah 105 orang.

3. Sebahagian besar responden iaitu seramai 280 orang pernah mempelajari bahasa Arab. Ini menjadikan pemilihan mereka sebagai responden adalah bertepatan dengan tajuk yang dikaji (bahagian B, soalan a). Walau bagaimanapun, dari jumlah ini hanya 156 responden sahaja yang benar-benar menguasai bahasa Arab dengan baik. Pengurangan jumlah yang hampir mencecah separuh ini mungkin disebabkan di kalangan semua responden yang dipilih, seramai 144 responden adalah pelajar yang telah memiliki atau sedang menuntut di peringkat Ijazah Sarjana Muda sementara 68 responden lagi di peringkat diploma.

4. Secara keseluruhannya, pengalaman minima dalam bahasa Arab dengan hanya pernah mempelajarinya tidak memadai untuk memahami dan mengetahui faktor terminologi, semantik dan budaya dalam bahasa Arab. Ini dibuktikan dengan perbezaan jumlah responden yang ketara antara mereka yang pernah mempelajari bahasa Arab iaitu 280 responden (bahagian B, soalan a) dengan mereka yang mempunyai pengetahuan dalam bidang linguistik Arab iaitu 164 responden (bahagian B, soalan c). Sebaliknya, penguasaan bahasa Arab yang baik diperlukan untuk mengetahui dan memahami bidang linguistik Arab. Kesimpulan ini adalah

berdasarkan bahawa wujudnya keseimbangan di antara jumlah responden yang menguasai bahasa Arab dengan baik (bahagian B, soalan b) dan jumlah responden yang mengetahui ilmu linguistik Arab.

5. Kebanyakan responden mengetahui bahawa linguistik Arab mempunyai kaitan rapat dengan penghuraian ayat-ayat al-Quran (Bahagian B, kenyataan a). Ini kerana seramai 268 responden (89.3%) bersetuju dengan kenyataan yang diberi dan hanya 31 responden (10.3%) menjawab 'tidak pasti' dan 1 responden (0.3%) 'tidak'. Situasi positif ini pada hakikatnya disokong oleh pengalaman sebahagian besar mereka yang pernah mempelajari bahasa Arab. Hasil pengalaman ini mereka mengetahui bahawa bahasa Arab memang mempunyai kaitan yang rapat dengan al-Quran.

6. Situasi ini berjalan seiring dengan kenyataan selepasnya bahawa ilmu linguistik perlu untuk memahami sesuatu isu dalam al-Quran (Bahagian B, kenyataan b). Oleh yang demikian, didapati jumlah responden yang bersetuju dengan kenyataan ini tidak banyak bezanya dengan kenyataan bersetuju responden dalam pertalian rapat antara linguistik Arab dengan al-Quran sebelum itu. Walaupun begitu, jumlah tersebut berkurangan dari 268 responden (89.3%) kepada 263 responden (87.7%).

7. Kajian juga mendapati bahawa para responden kurang pengetahuan tentang keperluan mengambil kira faktor terminologi, semantik dan budaya dalam menghurai dan memahami al-Quran apabila jumlah responden yang bersetuju dengan kenyataan itu semakin menurun kepada hanya 224 responden (74.7%) berbanding kenyataan (a) dan (b) dalam borang soal selidik bahagian B. Kebanyakan responden yang sebelum itu bersetuju dengan kenyataan (a) dan (b) memberi jawapan tidak pasti iaitu seramai 70 responden (23.3%). Dapatan bahawa responden kurang pengetahuan tentang ketiga-tiga faktor bahasa Arab ini diperkukuhkan lagi dengan penurunan kekerapan yang konsisten pada kenyataan selepas itu (bahagian B, kenyataan d dan e). Jumlah responden yang bersetuju dengan kenyataan (d) berkurangan kepada 208 responden (69.3%), manakala responden yang kurang pasti pula meningkat kepada 88 responden (29.3%). Bagi kenyataan (e) pula, 212 responden (70.7%) bersetuju dan 87 responden (29.0%) tidak pasti.

8. Didapati bahawa tahap pengetahuan responden terhadap pengetahuan mereka tentang isu makanan dalam dua surah yang dikaji agak sedikit apabila hanya 168 responden (56.0%) mengaku mengetahuinya, sementara yang lain menjawab tidak pasti seramai 103 orang (34.3%) dan 'tidak' sebanyak 29 responden (9.7%). Situasi ini begitu membimbangkan kerana ia menunjukkan bahawa ramai dalam kalangan responden yang pernah mempelajari bahasa Arab iaitu seramai 280 orang tidak peka dengan ayat-ayat al-Quran berkaitan isu makanan dalam al-Quran.

9. Namun begitu didapati bahawa sebahagian besar responden yang dikaji mengikuti perkembangan terkini isu makanan halal. Ini kerana umum masyarakat Islam di Malaysia memahami bahawa agama Islam amat menitikberatkan soal halal dan haram dalam aspek makanan walaupun mereka tidak memahami bahasa Arab.

10. Antara ketiga-tiga faktor yang dikaji didapati bahawa responden lebih cenderung menyatakan bahawa budaya merupakan faktor utama yang mempengaruhi penghuraian isu makanan. Manakala faktor terminologi dan semantik lebih kurang pengaruhnya berbanding faktor budaya. Sedangkan jika dilihat kepada analisis dalam kedua-dua surah yang dikaji didapati bahawa faktor semantiklah yang lebih banyak mempengaruhi penghuraian ayat-ayat berkaitan makanan dalam surah tersebut dengan catatan kekerapan sebanyak 13, sementara budaya hanya sebanyak 8 kali. Situasi ini berlaku kerana responden lebih memahami bahawa faktor budaya memberi kesan terhadap penghuraian al-Quran serta sering mendengarnya. Ini berbeza dengan faktor terminologi dan semantik yang lebih jarang didengar terutama mereka yang tidak menguasai bahasa Arab dan ilmu linguistik dengan baik.

11. Dalam jadual silang yang telah dikaji menunjukkan bahawa jumlah pelajar yang menjawab 'ya' bagi soalan-soalan di bahagian C adalah lebih ramai berbanding kumpulan responden yang lain iaitu pensyarah, pegawai, pengusaha makanan dan guru. Ini berlaku kerana jumlah keseluruhan responden yang menjawab borang soal selidik ini didominasi oleh mereka iaitu sebanyak 162 pelajar (54%). Sementara pensyarah hanya 105 orang (35%), pegawai 15 orang (5%), pengusaha makanan 12 orang (4%) dan guru 6 orang (2%). Untuk mengetahui kumpulan profesion manakah yang lebih banyak peratusnya menjawab 'ya' mestilah dilihat secara berasingan mengikut profesion. Oleh itu, apabila dibandingkan antara pensyarah dan pelajar yang

menjawab 'ya' mengikut peratusan bagi kumpulan masing-masing mendapati bahawa peratus pensyarah lebih tinggi bagi setiap soalan dalam bahagian C borang soal selidik. Ini menggambarkan bahawa para pelajar lebih kurang pengetahuannya tentang penghuraian isu makanan dalam al-Quran berbanding para pensyarah walaupun mencatatkan peratusan yang tinggi dalam keseluruhan responden.

### **5.1.2.2 Temu Bual**

1. Hasil temu bual dengan dua jabatan iaitu JAKIM dan JHEAINS mendapati bahawa penguasaan bahasa Arab di kalangan masyarakat amatlah penting terutama mereka yang mengambil bidang syariah kerana penghuraian ayat-ayat al-Quran memerlukan kepada kepakaran dalam bidang itu. Apabila memperkatakan tentang penguasaan bahasa Arab dalam penghuraian al-Quran ia termasuklah dalam bidang linguistik kerana hasil kajian mendapati bahawa linguistik memberi pengaruh yang besar dalam penghuraiannya.

2. Masyarakat sebagai pengguna memainkan peranan yang cukup besar dalam menentukan perkembangan industri makanan halal di dunia kerana ia bergantung kepada permintaan. Semakin peka masyarakat Islam terhadap kepentingan makanan halal, maka semakin luaslah pasarannya.

3. Jabatan-jabatan agama Islam seperti Jabatan Agama Islam Negeri dan JAKIM memerlukan pakar bahasa Arab terutamanya dalam bidang linguistik untuk bekerjasama dengan pakar syariah dalam mengkaji dan menjalankan penyelidikan berkaitan isu makanan.

## **5.2 CADANGAN**

Hasil dari dapatan kajian yang telah diperolehi, penyelidik ingin mengutarakan beberapa cadangan:

1. Apabila ingin menjalankan kajian atau membincangkan tentang isu makanan, dua surah di dalam al-Quran iaitu surah al-Mā'idah dan surah al-An'ām tidak seharusnya diabaikan. Ini kerana dalam kedua-dua surah ini terdapat banyak ayat al-Quran yang

membincangkan tentang isu makanan terutama yang melibatkan soal hukum halal dan haram sesuatu makanan itu.

2. Penjelasan yang terperinci tentang kepelbagaian penghuraian dalam kalangan ulama berkaitan isu makanan perlu disebarikan kepada masyarakat umum melalui pelbagai cara seperti media elektronik dan cetak. Faktor-faktor yang menyebabkan timbulnya pelbagai pendapat juga perlu diterangkan. Jika tidak, masyarakat akan terus keliru dengan status halal sesuatu makanan dan menganggap pendapat-pendapat para ulama sebagai perkara kecil yang tidak perlu diberi perhatian khusus.

3. Memastikan mereka yang terlibat dengan pengkajian makanan halal terutamanya pakar di bidang syariah menguasai bahasa Arab dan bidang linguistik dengan baik atau melantik pakar bidang bahasa Arab yang khusus untuk bekerjasama dengan pakar teknologi makanan dalam usaha menentukan status halal sesuatu makanan.

4. Bidang linguistik Arab mesti diajar kepada semua pelajar bidang Pengajian Islam di universiti semenjak di peringkat Sarjana Muda lagi tanpa mengira pengkhususan. Dicadangkan supaya subjek ini dijadikan subjek Wajib Universiti (WU) seperti mana pelajar-pelajar pengkhususan bahasa Arab mempelajari subjek-subjek dari fakulti lain. Ini bertujuan memberikan mereka maklumat asas tentang ilmu linguistik Arab kerana ia memang mempunyai kaitan rapat dengan pengkhususan mereka.

5. Badan atau jabatan kerajaan yang bertanggungjawab menjalankan kajian dan menentukan status halal sesuatu makanan mesti mengadakan kerjasama dengan para pensyarah di universiti-universiti. Kerjasama ini tidak terbatas kepada ahli akademik di bidang syariah dan teknologi makanan sahaja bahkan dengan para pensyarah di bidang bahasa Arab bagi mendapatkan maklumat yang jelas tentang bidang kepakaran mereka.

6. Memperbanyakkan perbincangan dan diskusi sama ada dalam bentuk seminar, persidangan, forum dan sebagainya dengan negara-negara Islam lain terutamanya negara-negara Arab. Pakar-pakar bahasa Arab dari kalangan bangsa Arab sendiri mesti dijemput untuk mengutarakan pendapat mereka dalam isu makanan ini di

samping pakar bahasa Arab dari bangsa Melayu yang tentunya lebih memahami situasi di Malaysia.

7. Menyediakan peluang pekerjaan yang bersesuaian kepada graduan bahasa Arab di Institut Pengajian Tinggi (IPT/IPTA) di mana-mana jabatan atau bahagian makanan halal dan gunaan Islam di mana-mana institusi sama ada di JAKIM, jabatan agama Islam negeri dan lain-lain. Mereka juga boleh ditempatkan di mana-mana bahagian yang dianggap perlu bagi membantu kajian atau penyelidikan dalam isu makanan ini.

## BAB 6

### PENUTUP

#### KESIMPULAN

Kajian ini mempunyai dua tujuan dengan fokus utamanya adalah untuk melihat kesan faktor terminologi, semantik dan budaya dalam mempengaruhi penghuraian isu makanan dalam surah al-Māidah dan surah al-An<sup>c</sup>ām. Selain daripada itu, ia juga bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan dan kepekaan masyarakat Islam di Malaysia terhadap isu makanan. Bagi mencapai tujuan pertama, kajian terperinci dilakukan terhadap beberapa ayat al-Quran dari dua surah tersebut yang berkaitan secara langsung dengan isu makanan. Pengkaji cuba mengaitkan penghuraian para ulama dalam 5 ayat dari setiap surah dengan ketiga-tiga faktor bahasa Arab yang dikaji iaitu terminologi, semantik dan budaya. Bagi mencapai tujuan kedua pula dua kaedah telah digunakan iaitu pengedaran borang soal selidik kepada 300 responden dan kaedah temu bual dengan 2 orang pegawai di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS).

Hasil kajian mendapati bahawa wujudnya kaitan yang rapat antara faktor-faktor yang dikaji dengan penghuraian isu makanan dalam al-Quran khususnya dalam surah al-Māidah dan surah al-An<sup>c</sup>ām. Ini kerana didapati para ulama sering kali mengambil kira faktor-faktor ini dalam menghuraikan ayat-ayat al-Quran berkaitan isu makanan dan seterusnya mempengaruhi hukum sesuatu makanan. Bahkan dalam sesetengah ayat yang dikaji ketiga-tiga faktor ini dilihat mempengaruhi penghuraiannya secara serentak. Secara keseluruhannya, didapati bahawa faktor semantik lebih memberi kesan terhadap penghuraian isu makanan dalam kedua-dua surah ini berbanding faktor budaya dan terminologi. Ini dibuktikan dengan hasil kajian yang menunjukkan bahawa dalam 10 ayat yang dikaji faktor semantik telah memberi kesan sebanyak 13 kali berbanding budaya atau *c'urf* sebanyak 8 kali dan terminologi sebanyak 7 kali.

Dapatan ini berbeza sekali dengan maklum balas yang diperolehi dari borang soal selidik yang menunjukkan bahawa responden mengatakan budaya lebih banyak mempengaruhi penghuraian itu. Sebenarnya situasi ini berlaku kerana kebiasaan

masyarakat umum kurang arif tentang faktor terminologi dan semantik kerana ia hanya melibatkan bidang tertentu seperti bidang bahasa Arab berbanding faktor budaya yang sering kedengaran apabila membincangkan sesuatu isu dalam al-Quran. Selain daripada itu, kajian lapangan melalui borang soal selidik dan temu bual pula menunjukkan bahawa masyarakat semakin peka dengan status halal sesuatu makanan apabila 262 responden (87.3%) mengaku mengikuti perkembangannya dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, didapati bahawa mereka kurang pengetahuan tentang kaitan faktor-faktor bahasa Arab yang dikaji dengan penghuraian isu makanan dalam al-Quran apabila hampir 1 per 3 dari responden memberi jawapan tidak pasti atau tidak bersetuju dengan kenyataan faktor terminologi dan semantik memainkan peranan besar dalam penghuraian isu makanan ini.

Sehubungan itu, adalah dicadangkan supaya penjelasan yang terperinci diberikan kepada masyarakat umum tentang kepelbagaian penghuraian para ulama dalam isu ini dan faktor-faktor yang menyebabkan ia berlaku termasuklah kesan-kesan bahasa Arab seperti faktor terminologi, semantik dan budaya. Ini bagi mengelakkan berlakunya kekeliruan di kalangan masyarakat dan menghindarkan tuduhan negatif kepada para ulama bahawa mereka sering berbalah dan tidak sependapat.

Secara kesimpulannya, kajian bahasa ini menunjukkan bahawa perlunya kemantapan dalam bidang bahasa Arab apabila dikaitkan dengan ayat-ayat al-Quran serta penghuraiannya. Oleh itu, didapati bagi mereka yang ingin mendalami bidang agama Islam dan memahami ajarannya tidak dapat lari dari menguasai bahasa Arab sebagai bahasa perantaraan al-Quran dan ilmu-ilmu di dalamnya.

## BIBLIOGRAFI

Al-Qurān al-Karīm.

Al-Hadith al-Nabawiyy.

°Abd al-°Azīz al-Khayyāt. 1977. *Nazariyyāt al-°Urf*. °Ammān: Maktabah al-Aqsa.

°Abd al-Hamīd Mahmūd Thihmaz. 2001. *Hidangun Halal Haram Keluarga Muslim: Kajian al-Quran Surah al-Māidah*. Jakarta: CV. Cendekia Sentra Muslim.

°Abd al-Hamīd Sayyid Tholab. 1991. *Tahzīb al-Nahwi*. Cet. 2. al-Qaherah: T.pt.

°Abd al-Karīm Mujāhid. 1985. *al-Dilālah al-Lughawiyah °Inda al-°Arab*. Jordon: Dār Diya'.

°Abdullāh Muhammad. 2003. *Tafsir Ibn Kathir*. terj. dr. Lubābut Tafsīr Min Ibn Kathīr. Jil 3. T.tp: Pustaka Imam al-Syāfi°iyy.

°Abd al-Wahhāb °Abd al-Salām Tawīlah. 2000. *Athar al-Lughah fī Ikhtilāf al-Mujtahidīn*. Cet. 2. al-Qaherah: Dār al-Salām.

A. F. L. Beeston. 1970. *The Arabic Language Today*. Cet. 1. London: Hutchinson University Library.

Ahmad °Ata °Umar. 2000. *Tafsir Surah al-An°am*. Jordon: Dār al-Fikr.

A S Hornby. 2005. *Oxford Advanced Learner's Dictionary*. London: Oxford University Press.

A.W.Munawwir. 2002. *Kamus al-Munawwir Arab-Indonesia*. Indonesia: Pustaka Progressif.

David Crystal. 1992. *An Encyclopedia Dictionary of Language and Languages*. Oxford U.K: Blackwell Reference Publishers.

al-Ghazāliyy. 2000. *Halal dan Haram Dalam Islam*. Cet. 3. Kuala Lumpur: Jasmine Enterprise.

Hasanain, Mahmud Hasanain. 1988. *al-°Urf wa al-°Ādāt baina al-Syari°ah al-Islamiah wa al-Qanūn al-Wad°iyy*. Cet. 1. Dubai: Dār al-Qalam.

Hamka, °Abdul Malik °Abdul Karīm Amrullāh. 1999. *Tafsīr al-Azhar*. Jil. 3. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.

Ibn °Aqīl, Bihā' al-Dīn °Abdullāh. 1998. *Sarh Ibn °Aqil °ala Alfīyah Ibn Mālik*. Jil. 2. Bayrut: al-Maktabah al-°Asriyyah.

- Ibn ʿAsyūr, Muhammad al-Tohir. t.t. *Tafsīr al-Tahrīr wa al-Tanwīr*. Jil. 6. Tunisia: Dār al-Suhnūn.
- Ibn Manzūr. 2003. *Lisān al-Arab*. Jil. 1. Kaherah: Dār al-Hadīth.
- Ibrahīm Anīs, ʿAthiyyah al-Sawālihiyy, ʿAbd Al-Halīm Mansūr & Muhammad Halfullāh Ahmad. 1972. *Al-Muʿjam al-Wasīl*. Cet 2. Jil. 2. al-Qaherah: Majmaʿ al-Lughah al-ʿArabiyyah.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2005. *Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia*. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Jamilul Anbia Md Denin & Muhd Izawan Baharin. 15 Mac 2005. "Harga daging dan ikan tidak dikawal". *Sosej usus babi*. Harian Metro. [www.iphpk.gov.my/Malay/Mac0415d05.htm](http://www.iphpk.gov.my/Malay/Mac0415d05.htm).
- al-Jundiyy, Anwār. 1982. *al-Fusha Lughah al-Qurān*. Bayrut: Dār al-Kitāb al-Lubnāniyy.
- al-Jurjāniyy. 1987. *al-Taʿrifāt*. Dr.ʿAbd al-Rahman Umairah. Cet. 1. Bayrut: ʿĀlam al-Kutub.
- Kamarul Shukri Mat The. 2002. *Kesan Tatabahasa Arab Terhadap Pengeluaran Hukum Fiqh Daripada al-Quran al-Karim: Satu Tinjauan Khusus Dalam Surah al-Baqarah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan*. 2005. Cet. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kashmiri, Shaikh Muhammad Ashraf. 1979. *Why We Learn Arabic Language*. Cet. 4. T.tp: Bazar Lahore.
- Lokman ʿAbd Rahman. 2002. *Produk Halal: Kepenggunaan, Teknologi dan Prosedur*. Cet. 2. Melaka: Majlis Agama Islam Melaka.
- Majlis Tertinggi Urusan Keislaman Mesir. 1989. *Al-Muntakhab min al-Sunnah: Sunnah-Sunnah Pilihan - Makanan dan Minuman serta Haiwan Korban Sembelihan*. Selangor: Thinker's Library.
- Malaysia. Penyembelihan ayam dengan pelalian *water stunner*. 15 September 2004 [www.halaljakim.gov.my](http://www.halaljakim.gov.my).
- Mohd Majid Konting. 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Cet. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir. 2001. *Pengenalan kepada Analisis Data Berkomputer: SPSS 10.0 for Windows*. Cet. 1. Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Muhammad Ridwan Hambali. 2002. *Kesan ʿUrf Tempat dan Masa Terhadap Fiqh Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- al-Munazzamah al-Arabiyyah Littarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-<sup>ʿ</sup>Ulūm. 1988. *al-Muʿjam al-Arabiyy al-Asasiyy*. Tunisia: Liddurus.
- Nur <sup>ʿ</sup>Aini Abu Bakar. 1995. *Tesaurus Linguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur al-Huda Lushan. 2004. "Ishkāliah al-Mustolah bayna al-Nazariyyah wa al-Tatbīq". *al-Tajdīd*. Jil. 16. Ogos. ms. 147.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 1992. *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- al-Qardhāwiyy, Yūsuf. 2004. *Halal dan Haram dalam Islam*. (terj) Syed Ahmad Semait. Cet. 4. Singapura: Pustaka Islamiyyah Pte Ltd.
- al-Qazwīniyy, Al-Khatīb. 1999. *al-Idhāh fī Ulūm al-Balāghah*. Cet. 1. al-Qaherah: Muassasah al-Mukhtār.
- Ramli Md. Salleh. 1997. *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Sābūniyy, Muhammad Ali. 1993. *Sofwah al-Tafāsīr*. Jil. 1. Bayrut: Dār Ihyā' al-Turāth al-Arabiyy.
- Samir <sup>ʿ</sup>Āliyah. 1986. *al-Qada' wa al-<sup>ʿ</sup>Urf fī al-Islām*. Cet. 1. T.tp: al-Muassasah al-Jāmi'iyah lil- al-Dirāsāt wa al-Nasyr wa al-Tawzī<sup>ʿ</sup>.
- Singgih Santoso. 1999. *SPSS: Mengolah Data Statistik Secara Profesional*. Jakarta: PT Elex Media Komputindo Kelompok Gramedia.
- Syāhīn, Taufīq Muhammad. 1980. *Awāmil Tanmiah al-Lughah al-Arabiyyah*. al-Qaherah: Maktabah Wahbah.
- t.p. 2006. *Panduan Persatuan Pengguna Pulau Pinang, Halal Haram*. Pulau Pinang: Jutaprint.
- Wahbah al-Zuhayliyy. 1998. *al-Tafsir al-Munīr*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- al-Zamakhsyariyy, Mahmoud <sup>ʿ</sup>Umar. 1987. *al-Kasyāf*. Jil. 1. Bayrut: Dār al-Rayyān.
- Zamakhsyariyy, R. Lubis. 1980. *Tafsir Ayat-Ayat Ahkam*. Cet. 1. T.tp: t.pt.
- Zamri Mohamad. 13 Feb 2003. *Zabiha-Penyembelihan Secara Islam Terbaik*. Utusan Malaysia. <http://www.jphpk.gov.my/Malay/Jan03%2030a.htm>.
- al-Zuhayliyy, Wahbah. 1997. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Jil. 4. Bayrut: Dār al-Fikr.

Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2005. *Hukum Makan Katak dan Berubat Dengannya*.  
Kajang: Dār al-Fuqahā’.

LAMPIRAN



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا  
ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

BORANG SOAL SELIDIK

TAJUK:

KESAN BAHASA ARAB TERHADAP PENGHURAIAN ISU MAKANAN DALAM  
SURAH AL-MĀ'IDAH DAN SURAH AL-AN'ĀM: KAJIAN DARI  
ASPEK TERMINOLOGI, SEMANTIK DAN BUDAYA

BAHAGIAN A

MAKLUMAT PERIBADI DAN LATAR BELAKANG AKADEMIK

- |                       |         |                                                                                   |
|-----------------------|---------|-----------------------------------------------------------------------------------|
| 1. Jantina            |         | 1. Lelaki<br>2. Perempuan                                                         |
| 2. Bahasa pertuturan  | Pertama | 1. Melayu<br>2. Arab<br>3. Inggeris<br>4. Lain-lain (sila nyatakan)<br>.....      |
|                       | Kedua   | 1. Melayu<br>2. Arab<br>3. Inggeris<br>4. Lain-lain (Sila nyatakan)<br>.....      |
| 3. Kelulusan akademik |         | 1. Diploma<br>2. Ijazah pertama<br>3. Sarjana (MA)<br>4. Sarjana (PhD)            |
| 4. Profesion sekarang |         | 1. Pegawai<br>2. Pensyarah<br>3. Pelajar<br>4. Lain-lain (sila nyatakan)<br>..... |

5. Institusi sekarang

1. Kolej Universiti

2. Universiti

3. Jabatan

4. Lain-lain (sila nyatakan)

.....

## BAHAGIAN B

### PENGETAHUAN DALAM BIDANG LINGUISTIK

#### 1. Tandakan jawapan yang berkaitan

a.	Adakah anda pernah mempelajari bahasa Arab?	Ya	Tidak	Tidak pasti
b.	Adakah anda menguasai bahasa Arab dengan baik?	Ya	Tidak	Tidak pasti
c.	Adakah anda mempunyai pengetahuan di dalam bidang linguistik arab?	Ya	Tidak	Tidak pasti
d.	Adakah anda mengetahui bahawa terminologi, semantik dan budaya itu antara cabang-cabang ilmu linguistik?	Ya	Tidak	Tidak pasti

#### 2. Berikan pendapat anda terhadap pernyataan di bawah

a.	Linguistik bahasa Arab mempunyai kaitan yang rapat terhadap penghuraian ayat al-Quran.	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
b.	Kefahaman dalam ilmu linguistik perlu untuk memahami sesuatu isu di dalam al-Quran	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti

c.	Aspek terminologi, semantik dan budaya <sup>1</sup> perlu diberi perhatian dalam penghuraian al-Quran	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
d.	Aspek terminologi, semantik dan budaya memberi kesan terhadap penghuraian isu makanan di dalam al-Quran	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
e.	Pengetahuan yang mendalam tentang aspek terminologi, semantik dan budaya penting kepada para ulama dalam proses pengeluaran hukum.	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti

### BAHAGIAN C

#### ISU MENGENAI MAKANAN DI DALAM AL-QURAN

##### 3. Tandakan jawapan yang berkaitan

a.	Adakah anda mengetahui bahawa isu makanan banyak dibincangkan di dalam surah al-Māidah dan al-An'ām jika dibandingkan dengan surah-surah yang lain?	Ya	Tidak	Tidak pasti
b.	Adakah anda mengikuti perkembangan terkini tentang isu makanan halal?	Ya	Tidak	Tidak pasti
c.	Dari sumber manakah anda memperoleh maklumat mengenai isu makanan halal?	a. media elektronik b. media cetak c. ceramah/kuliah d. lain-lain (nyatakan) .....		
d.	Adakah terminologi memainkan peranan yang besar dalam penghuraian isu makanan?	Ya	Tidak	Tidak pasti

<sup>1</sup> Terminologi ialah kajian tentang istilah.

Semantik ialah kajian tentang makna perkataan dan penambahan makna sesuatu kata.

Budaya ('Urf) ialah apa yang menjadi kebiasaan sesuatu masyarakat sama ada amalan, pemakanan dan cara berpakaian.

e.	Adakah budaya <sup>2</sup> setempat mempengaruhi corak pemakanan masyarakat?	Ya	Tidak	Tidak pasti
f.	Adakah semantik <sup>3</sup> membantu dalam pemahaman penghuraian isu makanan?	Ya	Tidak	Tidak pasti

---

<sup>2</sup> Contoh surah al-Mā'idah ayat 90:

1. terminologi: *khamar* (arak) minuman keras yang dibuat daripada anggur.
2. semantik: turut diharamkan arak yang dibuat daripada jagung, madu dan gandum.
3. budaya: turut diharamkan arak yang dihasilkan daripada sumber-sumber dari budaya setempat

<sup>3</sup> Contoh surah al-Mā'idah ayat 3:

1. terminologi: daging khinzir.
2. semantik: turut diharamkan selain daripada daging seperti kuku, lemak dan tulangnya.